

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 15

Isnin

4 Disember 2017

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH DUA ORANG AHLI	(Halaman	1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA		
- Mengalu-alukan Pelantikan Dua Orang Ahli Baharu	(Halaman	1)
- Ahli-ahli Mengangkat Sumpah di Luar Dewan	(Halaman	2)
- Memperkenankan Akta-akta	(Halaman	3)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman	4)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman	5)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	5)
RANG UNDANG-UNDANG:		
Rang Undang-undang Perbekalan 2018	(Halaman	28)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

Isnin, 4 Disember 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAH DUA ORANG AHLI

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

1. Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai [Lantikan Baharu]
2. Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing [Lantikan Baharu]

[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN DUA ORANG AHLI BAHARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan baru Yang Berhormat Datuk Paul Igai, dan pemilihan baru Yang Berhormat Datuk Lee Tian Sing sebagai Ahli Dewan Negara... *[Tepuk]*

Pelantikan Yang Berhormat Yang Berhormat Datuk Paul Igai adalah berdasarkan perenggan (b) Fasal 1, Perkara 45, Perlembagaan Persekutuan di mana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan pelantikan Ahli Yang Berhormat sebagai Ahli Dewan Negara untuk tempoh selama tiga tahun berkuat kuasa mulai hari ini.

Manakala Yang Berhormat Datuk Lee Tian Sing telah dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Melaka bagi menggantikan Yang Berbahagia Datuk Koh Chin Han yang telah tamat tempoh perkhidmatannya sebagai Yang Berhormat Ahli Dewan Negara pada 15 November 2017... *[Tepuk]*

Pelantikan Yang Berhormat Datuk Paul Igai, dan pemilihan Yang Berhormat Datuk Lee Tian Sing memberi peluang baru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberi khidmat bakti dan sumbangan kepada bangsa dan negara di peringkat legislatif yang tertinggi di negara ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat diharap akan menyumbang ke arah mempertingkatkan mutu perdebatan di Dewan yang mulia ini. Saya juga yakin Ahli-ahli Yang Berhormat akan patuh kepada ikrar taat setia yang telah dilafazkan serta Perlembagaan Negara, Peraturan-peraturan Mesyuarat dan prinsip-prinsip Rukun Negara yang menekankan antara lain keluhuran Perlembagaan, kedaulatan undang-undang serta ketinggian peribadi yang menjiwai amalan demokrasi berparlimen.

■1010

Demokrasi adalah konsep yang indah dan perlu dibina atas landasan keperibadian yang terampil, beradab, berakhlak dan bersopan disertai dengan pemikiran yang terbuka dan rasional. Sifat yang mulia dan luhur penting ditonjolkan sebagai contoh teladan yang terpuji bukan sahaja dalam kalangan Ahli-ahli Parlimen, tetapi jauh lebih penting lagi dalam kalangan khalayak ramai terutamanya generasi muda.

Dengan itu saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan membantu memperkasakan imej Parlimen di negara ini sebagai sebuah institusi perundangan yang berwibawa dan disanjung tinggi di persada antarabangsa.

Saya mendoakan agar Ahli-ahli Yang Berhormat akan mendukung visi rakyat secara gigih ke arah membina sebuah negara yang maju dan progresif dalam semua aspek pembangunan. Sekian, terima kasih.

AHLI-AHLI MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan 4(3) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Pada 25 September 2017

- (i) Yang Berhormat Senator Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin; dan
- (ii) Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan A/L Manickam.

Pada 16 November 2017

- (i) Yang Berhormat Senator Dato' Shanim binti Mohamad Yusoff; dan
- (ii) Yang Berhormat Senator Datuk Mohan A/L Thangarasu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara di atas pelantikan semula sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara... [*Tepuk*] Ini dalam satu Mesyuarat Khas yang telah diadakan pada 3 November 2017. Yang Berhormat Senator Datuk Seri akan membantu saya dalam menjalankan tanggungjawab

untuk mempengerusikan persidangan Dewan Negara. Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Seri Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara selalu menceriaikan Dewan ini dengan pantun-pantun.

*Kalau mencari tempat mandi,
Pertama teluk kedua pantai,
Kalau mencari pemimpin Dewan ini,
Pertama elok kedua pandai... [Tepuk]*

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Keganasan Rumah tangga (Pindaan) 2107;
2. Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017;
3. Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (Pindaan) 2017;
4. Akta Perihal Dagangan (Pindaan) 2017;
5. Akta Bantuan Guaman (Pindaan 2017);
6. Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Pindaan) 2017;
7. Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Pindaan) 2017;
8. Akta Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Pindaan) 2017;
9. Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Pindaan) 2017;
10. Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 2017;
11. Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2017;
12. Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Pindaan) 2017;
13. Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2017;
14. Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2017;
15. Akta Agensi Pekerjaan (Pindaan) 2017;
16. Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 2017;
17. Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2017;
18. Akta Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017; dan
19. Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini akan membahaskan sebanyak 13 rang undang-undang dalam tempoh persidangan selama 10 hari ini. Sekarang saya menjemput Setiausaha Dewan Negara membacakan Perutusan ini sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“30 November 2017

Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. DR 32/2017 Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pindaan) 2017;
2. DR 34/2017 Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia (Pindaan) 2017;
3. DR 37/2017 Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Pindaan) 2017;
4. DR 39/2017 Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017;
5. DR 38/2017 Rang Undang-undang Perbekalan 2018;
6. DR 40/2017 Rang Undang-undang Kewangan 2/2017;
7. DR 42/2017 Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2017;
8. DR 41/2017 Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2/2017;
9. DR 35/2017 Rang Undang-undang Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2017;
10. Rang Undang-undang Pusat Jagaan (Pindaan) 2017;
11. DR 44/2017 Rang Undang-undang Industri Pelancongan (Pindaan) 2017;
12. DR 45/2017 Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) 2017; dan
13. DR 43/2017 Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2017.

Yang Ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2) saya memohon memaklumkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Sri Khairudin Samad** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, apakah kesan-kesan yang dialami oleh pelbagai sektor apabila kerajaan melaksanakan harga petrol dan diesel yang terapung pada setiap minggu.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad di atas soalan.

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, penetapan harga petrol dan diesel secara mingguan telah memberi kesan yang lebih baik kepada pengguna kerana kos produk dan kadar tukaran mata wang asing diterjemahkan lebih tepat mengikut perkiraan pasaran global.

Di samping itu penetapan harga secara mingguan ini memberi kesan yang lebih positif kepada pengguna kerana kadar *volatility* atau kadar turun naik harga tersebut tidaklah begitu mendadak berbanding penetapan harga secara bulanan. Sekian, terima kasih.

■1020

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Sri Khairudin Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya dah siapkan soalan tetapi dah pun dijawab. Walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas dan tahniah ke atas keprihatinan dan usaha pihak kerajaan khususnya KPDNKK dalam membantu rakyat dan golongan sasaran menikmati bantuan dalam pelbagai bentuk.

Contohnya, subsidi di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak. Saya hendak tahu sebenarnya, apakah bebanan tanggungan subsidi produk petroleum ini kerajaan terhadap perubahan mekanismenya, penetapan dari mingguan kepada bulanan, tetapi saya rasa macam dah terjawab tadi. Kalau Yang Berhormat Menteri rasa boleh jawab, saya hendak tahu bebanan apabila kita pindah ke mingguan daripada bulanan. Terima kasih.

Dato' Henry Sum Agong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Kerajaan telah mengguna pakai kaedah *managed float* atau pengapungan terkawal bulanan dalam menetapkan harga runcit RON95 dan diesel mulai 1 Disember 2014 dan

RON97 sejak Julai 2010, manakala penetapan harga jualan runcit petrol dan diesel secara mingguan pula dilaksanakan mulai 30 Mac 2017.

Melalui rasionalisasi subsidi ini, kerajaan telah berjaya mengurangkan beban tanggungan subsidi bahan petroleum secara signifikan. Hasil penjimatan ini telah digunakan oleh kerajaan untuk pembangunan ekonomi negara dan pemberian semula subsidi secara bersasar seperti mana yang diumumkan semasa pembentangan Bajet 2018. Program rasionalisasi subsidi bahan petroleum akan diteruskan oleh kerajaan dan manfaat daripadanya akan digunakan bagi membantu rakyat khususnya berpendapatan rendah dan sederhana untuk meningkatkan taraf hidup kepada perubahan sosioekonomi yang lebih baik. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat kepada beberapa angka statistik. Daripada tarikh 2017 Yang Berhormat Menteri, *highest done* dengan izin, pada 16 November hingga 22 November iaitu bagi RON95 ialah RM2.38. *Lowest done* dengan izin, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua ialah pada 6 Julai hingga 12 Julai iaitu RM1.07, dengan izin.

Jadi sekiranya *fluctuation* yang begini Yang Berhormat Menteri, agak susah. Ini mingguan, kalau kita buat harian maka tentu sekali akan kelam kabut pembeli dan juga penjual. Itu bukan soalan saya, soalan saya, apakah tindakan kerajaan Yang Berhormat Menteri sekiranya kita dah lihat sekarang 16 November sudah pergi kepada RM2.38, kemungkinan ia akan pergi ke RM2.50. Apabila ia pergi ke RM2.50, apakah tindakan kerajaan kepada rakyat marhaen di bawah sana Yang Berhormat Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri. Tindakan kerajaan kalau harga terlalu naik.

Dato' Henry Sum Agong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan yang ditanyakan. Cadangan untuk memberikan subsidi bagi harga minyak petrol dan diesel secara pukal perlu diteliti implikasinya agar bantuan yang diberikan oleh kerajaan ini benar-benar membantu mereka yang memerlukan. Itu satu cara untuk menangani harga kalau meningkat.

Akan tetapi mengenai penetapan harga siling bagi jualan petrol dan diesel, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan kenyataan pada 20 November 2017 yang menyatakan bahawa langkah bersesuaian akan diambil sekiranya harga petrol RON95 dan diesel melebihi RM2.50 seliter secara berterusan selama tiga bulan. Perlu diingatkan bahawa peningkatan harga minyak mentah di pasaran global secara tidak langsung akan meningkatkan pendapatan negara. Oleh itu, kementerian akan bersedia untuk melaksanakan program bagi membantu meningkatkan beban rakyat seperti pelaksanaan subsidi minyak bersasar mahupun program-program lain. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat setuju pengapungan minyak secara terkawal dilaksanakan oleh KPDKK mengikut mingguan yang sekarang dibuat tetapi apa yang ada masalah mungkin dari segi pengguna,

mungkin harga kenaikan selalunya pengguna akan marah tetapi bila harga turun, tidak ada yang mendendangkan maknanya terima kasih kepada kerajaan. Saya nampak dari segi ini, KPDNKK kena lebih merasakan bahawa penurunan itu adalah baik untuk rakyat dan kenaikan itu ada impak juga kepada rakyat. Jadi, keseimbangan kenaikan minyak ini perlu kita tengok supaya ia tidak diputarbelitkan. Bila naik minyak, semua bantai kerajaan. Bila turun, tidak ada yang berterima kasih. Itu maksud saya.

Soalan saya, apakah tindakan KPDNKK untuk mengawal ataupun membantu pengusaha-pengusaha stesen minyak yang lebih 70 peratus adalah di luar bandar, jualan yang sedikit. Kalau ikutkan komisen, *12.19 percent per liter*. Ini menunjukkan kalau kenaikan minyak tersebut katanya kalau naik RM0.10 sen, sudah pastilah RM0.02 sen lebih untuk menampung segala kos bayar gaji dan sebagainya.

Jadi, apakah tindakan KPDNKK atau kerajaan bagi mengawal ataupun menjaga kepentingan bumiputera yang berada di luar bandar, contohnya koperasi dan lain-lain yang berniaga secara jualan yang bawah 10,000 liter. Apakah tindakan kepada *Oil Co. company* yang selama ini tidak begitu sensitif. Kalau naik minyak, dia hantar sebanyak yang mungkin turun minyak, dia hantar sebanyak yang mungkin. Kalau turun minyak, masa itu tidak hantar minyak. Jadi, di sini pengusaha juga mengalami masalah dari segi sistem pengapungan minyak yang sedia ada sekarang. Terima kasih.

Dato' Henry Sum Agong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Pelaksanaan penetapan harga petrol dan diesel secara mingguan sebenarnya memberi kesan yang lebih baik kepada pengusaha stesen minyak kerana kadar perubahan harga menjadi tidak begitu ketara berbanding penetapan harga petrol dan diesel secara bulanan. Sekiranya ia merugikan pengusaha stesen minyak, sudah pasti banyak stesen minyak yang tutup akibat daripada kerugian ini.

Suka saya menarik perhatian Ahli Dewan yang mulia ini bahawa jualan petrol dan diesel hanyalah satu daripada sumber pendapatan pengusaha stesen minyak. Kita perlu mengambil kira pendapatan pengusaha daripada jualan barangan dari kedai runcit yang terdapat di stesen tersebut. Inilah inisiatif yang diambil oleh syarikat minyak untuk menyediakan kemudahan kedai runcit di stesen-stesen minyak bagi membantu menambah pendapatan pengusaha stesen minyak, di samping memberikan perkhidmatan dan kemudahan kepada rakyat.

■1030

Mengikut rekod kementerian, faktor-faktor penutupan stesen-stesen minyak adalah tamat tempoh pajakan tanah, pengambilan tanah untuk pembangunan projek MRT, rekod jualan minyak yang rendah kerana kurang permintaan kawasan setempat, isu-isu keselamatan seperti kebocoran tangki dan keperluan kerja-kerja menaik taraf stesen minyak. Sekian, terima kasih.

2. Puan Hajah Rahemah binti Idris minta Menteri Kewangan menyatakan, strategi kerajaan dalam meneruskan momentum penurunan hutang kerajaan seperti mana yang dibentangkan defisit fiskal bagi 2018 diunjurkan pada kadar 2.8 peratus dari 3.0 peratus pada tahun 2017.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, kerajaan sedang melaksanakan langkah konsolidasi fiskal bagi mencapai sasaran bajet hampir berimbang pada tahun 2020. Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan paras hutang serta mengukuhkan kedudukan kewangan kerajaan. Pelaksanaan langkah ini penting untuk memastikan kerajaan mempunyai kemampuan untuk melaksanakan langkah kitaran balas dalam menyokong ekonomi, terutama ketika menghadapi krisis. Bagi tujuan ini, kerajaan akan terus memanfaatkan instrumen dasar fiskal melalui langkah meningkatkan hasil dan mengoptimumkan perbelanjaan bagi mewujudkan ruang fiskal di samping mencapai sasaran mikro ekonomi.

Antara langkah tersebut adalah melalui pengukuhan pentadbiran dan pematuhan cukai serta mengoptimumkan perbelanjaan dengan mengutamakan program dan projek berteraskan rakyat dan berimpak tinggi bagi memastikan sasaran konsolidasi fiskal dapat dicapai. Walau bagaimanapun, langkah ini dilaksanakan dengan berhemat tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara di samping memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan berjalan lancar dan kesejahteraan rakyat terpelihara. Selain itu, dasar semasa kerajaan akan diteruskan dalam mengutamakan pinjaman dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi dan tidak terdedah kepada risiko tukaran wang asing dengan mengambil kira mudah tunai yang tinggi dan kos pinjaman yang lebih murah.

Sehingga kini, kerajaan telah berjaya mengurangkan paras defisit fiskal sebagai peratusan KDNK daripada 6.7 peratus pada tahun 2009 kepada 3.1 peratus pada tahun 2016. Pencapaian ini menunjukkan komitmen kerajaan yang konsisten dalam menurunkan paras defisit fiskal walaupun dalam keadaan kerajaan kehilangan sejumlah besar hasil berkaitan petroleum berikutan penurunan mendadak harga minyak mentah pada tahun 2014. Selaras dengan dasar pengurusan hutang yang berhemat, kerajaan terus komited untuk memastikan keseluruhan hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi had yang ditetapkan iaitu 55 peratus daripada KDNK di samping memastikan konsolidasi hutang dalam jangka panjang.

Kedudukan terkini jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir September 2017 adalah sebanyak RM687.4 bilion atau 51.1 peratus kepada KDNK. Daripada jumlah berkenaan, 96.8 peratus atau RM665.2 bilion adalah hutang domestik, sementara 3.2 peratus lagi atau RM22.2 bilion merupakan pinjaman luar pesisir. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara berkeberhutangan sederhana.

Pada masa kini, langkah konsolidasi fiskal yang dilaksanakan oleh kerajaan telah diiktiraf oleh badan kewangan serta agensi penarafan kredit antarabangsa. Sehubungan itu, Fitch Ratings, Standard and Poor's dan Moody's telah mengekalkan taraf kredit berdaulat negara dalam kelas 'A'. Ini juga mencerminkan asas ekonomi negara yang kukuh dan pengurusan fiskal kerajaan yang menyeluruh dan terancang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada soalan tambahan Yang Berhormat?

Puan Hajah Rahmah binti Idris: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan sebentar tadi. Di sini saya ingin menyoal, ada satu soalan tambahan. Perhatikan perkembangan positif ekonomi semasa negara, kadar perkembangan KDNK meningkat dalam masa yang sama, kadar isi rumah per KDNK menurun. Persoalan saya ialah, apakah kaedah yang

diguna pakaikan oleh kementerian untuk memastikan maklumat positif ini diterima dan difahami oleh rakyat? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Lee Chee Leong: Ya. Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan maklumat positif mengenai perkembangan ekonomi semasa negara, kadar perkembangan KDNK dan yang berkaitan dengannya disebarkan kepada rakyat, Kementerian Kewangan mengambil langkah-langkah atau strategi komunikasi melalui pelbagai saluran komunikasi seperti siaran media, wawancara, media sosial, ucapan-ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan dan pasukan komunikasi Kementerian Kewangan.

Selain itu, kementerian juga ada menerbitkan laporan berkala seperti Laporan Ekonomi Suku Tahun dan Tahunan, Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia serta juga laporan-laporan daripada agensi lain seperti Laporan Perdagangan Bulanan dan Laporan Imbangan Pembayaran Suku Tahun. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tahniah saya ucapkan kepada soalan Yang Berhormat. Ini kerana ada bekas pemimpin yang mengatakan negara kita ini nak bankrap. So, soalan itu kena usaha lagi gigih sikitlah, Yang Berhormat dan kementerian. Silakan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dua aspek. Satu aspek *threshold foreign index* seperti yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri tadi, *threshold 55* peratus dari GDP itu. Soalan saya, apakah *basis* yang kita gunakan untuk menentukan *threshold 55* peratus? Pasal pada pengetahuan saya, *that's not a national- I mean*, kita punya *ratio of foreign index to GDP* sekarang *is below the threshold of 55 percent of the GDP*. So, *threshold 55 percent* itu *it's locally*, kita yang menentukan, kerajaan yang menentukan *threshold* itu. *Is that an international standard?* Itu satu. Kedua, tadi Yang Berhormat Menteri telah memberitahu berkenaan dengan *fiscal consolidation* yang sedang dilakukan oleh kerajaan untuk mengurangkan hutang negara.

Soalan saya, kalau sekarang kita tengok hutang negara dah sampai RM685 bilion setakat Jun, *debt servicing charges* pun sudah hampir RM30 *million*. So, soalan saya dalam *fiscal consolidation* itu sama ada kita akan *restructure* balik antara *external debt* dengan *domestic debt*. Kalau kita tengok banyak negara, banding dengan Malaysia, dia punya *debt weight, the external debt is* lebih tinggi dari Malaysia, contoh Singapura dengan Japan dan sebagainya.

Akan tetapi isunya ialah kebanyakan mereka, *their debt is domestic debt*, bukan *external debt*. So, daripada segi *debt servicing charges* itu, duit tak pergi ke luar negara. So, soalan saya yang kedua itu sama ada *fiscal consolidation* itu akan cuba *realign domestic debt* dengan *external debt*. Saya akui, *because budget deficit* itu ada, *we need the money*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat sendiri mengakui Singapura punya hutang lebih daripada kita tetapi dia nak tahu mekanisme keseluruhan. Silakan.

■1040

Dato' Lee Chee Leong: Mengenai *threshold* 55 peratus daripada KDNK itu, memang itu satu sasaran yang ditetapkan oleh kerajaan. Memang IMF pun ada satu cadangan juga supaya tidak melebihi satu taraf yang tidak melebihi...

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Soalan saya mungkin dia tidak faham. Isu saya *55 percent* itu....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk sekejap Yang Berhormat. Sila jawab dulu Yang Berhormat Menteri.

Dato' Lee Chee Leong: Kalau ikut *threshold* negara maju seperti negara *Singapore*, Jepun, US dan juga UK, hutang negara maju itu melebihi 100 peratus. Malaysia pada tahap yang kurang daripada 55 peratus iaitu pada ketika ini lebih kurang 51 peratus, memang pada satu tahap yang cukup memuaskan.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua, supaya dia faham soalan saya. Saya akui *threshold* untuk negara maju *55 percent* macam *Singapore*. Soalan saya ialah Malaysia bukan satu negara yang maju, so *threshold 55 percent* itu seperti- kalau ditetapkan oleh kerajaan, okey kalau ditetapkan oleh kerajaan. Soalan saya, sama ada adakah dia satu *international standard*, contoh seperti oleh IMF dan sebagainya, untuk negara membangun dan bukan untuk negara maju?

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya senang sahaja, Yang Berhormat. Untuk negara membangun, 55 itu memadai atau tidak?

Dato' Lee Chee Leong: Ya, mematuhi.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, cukup. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk bertanya soalan tambahan.

Soalan saya, apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian terhadap individu-individu yang tidak bertanggungjawab yang menyebarkan propaganda yang menyatakan negara kita Malaysia ini hendak bankrap dan ekonomi negara menguncup, dan pelbagai dakwaan yang dibuat yang menyatakan ekonomi negara yang semuanya negatif? Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Jika ada tindakan. Secara ringkas, Yang Berhormat.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, definisi bankrap tidak ditakrifkan melalui tahap keberhutangan sesebuah negara. Sebagai contoh, tadi saya sebut negara maju seperti Singapura, Jepun, US juga mempunyai kadar hutang yang melebihi 100 peratus daripada KDNK, mereka pun tidak dikategorikan sebagai negara bankrap.

Berdasarkan definisi IMF juga, sesebuah negara itu hanya boleh dikategorikan bankrap apabila ia tidak berupaya membayar semula bayaran pokok atau faedah ke atas hutangnya mengikut jadual. Kerajaan Malaysia tidak pernah gagal dalam membuat bayaran balik mengikut jadual yang ditetapkan. Jadi, negara kita tidak pernah dikategorikan sebagai sebuah negara bankrap. Sekian, terima kasih.

3. **Datuk Yoo Wei How** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, tentang peruntukan untuk rancangan tebatan banjir seluruh negara yang telah meningkat dan berlakunya kejadian banjir di beberapa tempat baru seperti kawasan Gurun di Kedah. Adakah Kementerian mempunyai peruntukan tambahan dalam menangani masalah ini.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran sentiasa merancang dan melaksanakan projek rancangan tebatan banjir terutamanya di kawasan-kawasan yang berisiko banjir. Dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini, terdapat banyak kawasan banjir baru yang dilaporkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran. Dalam kajian pada tahun 2010, terdapat tambahan keluasan banjir sebanyak 10 peratus berbanding kajian yang dibuat dalam tahun 2003.

Walau bagaimanapun, kejadian banjir bukan sahaja bergantung pada pola taburan hujan tetapi juga bergantung pada faktor-faktor lain seperti perubahan guna tanah dan pembangunan tidak terkawal.

Perubahan iklim juga pada masa kini memberi kesan kepada pola taburan hujan. Jumlah hujan tahunan adalah hampir sama tetapi keamatan hujan dalam tempoh yang singkat adalah berubah. Sebagai contoh, jumlah hujan yang sama biasanya turun dalam tempoh yang panjang tetapi turun dalam tempoh yang singkat. Pada masa kini, faktor perubahan cuaca juga telah diambil kira dalam merancang dan mereka bentuk projek-projek tebatan banjir.

Sehubungan dengan itu, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sejumlah RM8.9 bilion bagi tujuan pencegahan banjir di seluruh negara. Antara projek utama yang dilaksanakan ialah Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kelantan, Sungai Kuantan, Sungai Kemaman, Sungai Perak, Sungai Muar, Sungai Sarawak, Sungai Moyog dan Sungai Padas.

Kerajaan menganggarkan *total solution* bagi kerja-kerja tebatan banjir seluruh negara berjumlah RM40 bilion hingga tahun 2020. Sekiranya kerja-kerja ini tidak dapat dilaksanakan pada masa sekarang, kerajaan menganggar jumlah tersebut akan meningkat kepada RM60 bilion dengan mengambil kira peningkatan kawasan pembangunan baru, peningkatan kos pengambilan balik tanah dan kos pembinaan serta peningkatan bilangan dan keluasan kawasan banjir di seluruh negara.

Kejadian banjir yang berlaku di kawasan Gurun, Daerah Kuala Muda, Kedah berpunca daripada keamatan hujan yang tinggi dan berterusan dalam tempoh 24 jam. Jumlah hujan yang dicatat pada 4 hingga 5 November 2017 di Stesen Gunung Jerai adalah sebanyak 316 milliliter. Selain itu, kejadian air pasang tinggi pada 3 dan 8 November 2017 dengan ketinggian 2.8 hingga tiga meter di stesen *peer* di Pulau Pinang turut menyumbang kepada kejadian banjir tersebut. Purata tempoh hujan ulangan ataupun *average recurrence interval* (ARI) dari Daerah Kuala Muda melebihi 100 ARI Gurun dalam Daerah Kuala Muda.

Kejadian banjir utara tanah air pada kali ini telah juga menyebabkan penutupan laluan Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) kilometer 93.3 dari Sungai Petani ke Gurun dan Gurun ke Sungai Petani di kedua-dua arah Lebuhraya Utara-Selatan bermula jam 12.20 pagi, 5 November. Kejadian ini dikenal pasti berpunca daripada limpahan air daripada Sungai Bongkok yang melintas laluan Lebuhraya PLUS di kilometer 93.3. Selain itu, air mengalir dari kawasan *Permaipura Golf and Country Golf* turut melimpah memasuki lebuhraya. Kedalaman banjir di atas Lebuhraya PLUS dianggarkan 0.7 sehingga 0.9 meter. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, soalan tambahan.

Datuk Yoo Wei How: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi satu jawapan yang cukup komprehensif. Jawapan Yang Berhormat Menteri telah membangkitkan kerisauan saya di mana pada 10 tahun yang lalu di mana kawasan banjir yang sudah semakin bertambah tetapi memandangkan peruntukan daripada kerajaan tidak bertambah untuk melakukan projek-projek yang cukupnya untuk membasmi banjir yang kian berlaku di seluruh negara.

Oleh itu, soalan tambahan saya, saya hendak tanya kepada kementerian, adakah kementerian mempunyai apa-apa pelan pelaksanaan untuk membasmi ataupun sekurang-kurangnya mengurangkan kejadian banjir ini pada masa hadapan dan juga dalam program sistem ramalan awal banjir bagi seluruh negara terutamanya di negeri Kedah? Sekian, terima kasih.

■1050

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya jumlah kos yang saya telah sebutkan tadi ialah berlandaskan kos pelaksanaan semasa. Akan tetapi banyak RTB atau Rancangan Tebatan Banjir ini adalah berperingkat-peringkat. Contohnya kalau saya sebut di Kelantan, kita bakal melaksanakan tebatan banjir yang bernilai hampir RM300 juta di Sungai Golok dan ini sebahagian daripada RM835 juta yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan dan jumlah keseluruhannya projek tersebut ialah RM8 bilion ke RM9 bilion Tuan Yang di-Pertua, bukan satu jumlah yang kecil.

Contohnya lagi satu, yang kedua di Kuching umpamanya, projek di Kuching kita akan dilaksanakan dengan RM150 juta dan di Sibu RM100 juta. Kos yang di Sibu itu adalah *total* jumlah fasa yang ketiga yang bakal lagi kita perlu ialah RM300 juta akan dilaksanakan selepas ini nanti. Di Kuching kita perlukan RM1.85 bilion untuk mengemaskan seluruhnya di Kuching itu sebagai *total solution* kepada yang di Kuching tersebut. Jadi maknanya, semua projek yang saya sebut tadi adalah dengan perancangan-perancangan secara berkala dan berperingkat-peringkat di seluruh negara. Bukannya sudah *complete solution* kepada banjir di tempat-tempat tersebut. Samalah juga yang berlaku di Sungai Gurun dan juga yang di Anak Bukit.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua berhubung dengan amaran awal banjir. Baru kita laksanakan semenjak tahun 2014 di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang yang bakal kita *commission*-kan selepas ini, dengan izin, tidak lama lagi. Sebenarnya kerja-kerjanya semua sudah siap, hanya belum di-*commission*-kan lagi dan boleh memberi amaran selama dua hari secara bertepatan, memberi amaran kepada orang dan tujuh hari dengan ketepatan 95

peratus yang berlakunya banjir di satu-satu tempat supaya masyarakat setempat tersebut boleh mengambil tindakan dan agensi-agensi pelaksana umpamanya NADMA, MKN, polis, tentera, JPAM dan sebagainya boleh melaksanakan tugas-tugas mereka.

Projek ini akan diteruskan lagi dan *total cost* projek ini adalah RM550 juta lagi Tuan Yang di-Pertua. Jadi maknanya kementerian ini melaksanakan banyak tapi secara berperingkat-peringkat. *Insyah-Allah* sampailah juga ke negeri Kedah dan negeri utara nanti. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Bagi sayalah pula.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat Dr. Duduk Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Dia bukan ada banjir. Aku ada banjir.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih banyak-banyak Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum sesuatu projek tebatan banjir dijalankan di suatu kawasan, jarang sangat terdapatnya banjir kilat. Akan tetapi apabila projek itu dilaksanakan ataupun dijalankan, maka rakyat di kawasan itu menghadapi masalah banjir kilat. Soalan saya, apakah tindakan atau langkah sementara yang akan diambil bagi mengurangkan masalah import ataupun banjir kilat ini. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih. Itu nampak maknanya tebatan banjir itu tidak perlu buatlah. Kalau tidak perlu buat, tidak ada banjir kilat. Ini makna dia, soalan Yang Berhormat, minta maaf lah ya. Akan tetapi sebenarnya begini, Tuan Yang di-Pertua. Banjir ini ada dua jenis. Satu banjir dan kedua banjir kilat. Banjir yang kita sebut banjir ini ialah banjir oleh kerana air yang turun banyak dan air laut pun turun juga datang mengalir dengan sendirinya. Tidak ada tempat lagi air ini berlari. Jadi dia jadi banjir. Macam di Kelantan pada tahun 2014, di Terengganu dan Pahang.

Banjir kilat ini ialah oleh kerana perparitan dan saliran di bandar tidak mencukupi. Jadi ada sedikit kebenaran daripada soalan Yang Berhormat itu apabila tebatan banjir dilaksanakan tetapi perparitan dan saliran tidak diatasi masalahnya, maka berlakulah banjir kilat di bandar-bandar tersebut ataupun di pekan-pekan tersebut. Jadi banjir kilat ini Tuan Yang di-Pertua sebenarnya di bawah tugas-tugas dan tanggungjawab negeri dan juga pihak berkuasa tempatan. Walau bagaimanapun, kementerian ini telah- orang kata masuk ke kawasan-kawasan yang sebenarnya bukan di bawah bidang kuasa kita mengambil tindakan.

Jadi umpamanya yang di Kuching khususnya, kita memang mengambil alih tugas dan tanggungjawab pihak kerajaan tempatan dan banyak lagi tempat-tempat lain di seluruh Semenanjung pun kita buat yang sama iaitu perparitan dan saliran dalaman kita atasi. Contohnya di Gurun, Tuan Yang di-Pertua. Ini satu contoh yang amat klasiklah sebabnya kita mempunyai apa dikatakan *balancing culvert*. *Balancing culvert* ini kalau dalam situasi yang biasa, hujan di sana ialah satu bulan umpamanya 300 mm tetapi yang turun pada hari itu ia hanya dalam masa dua jam, tiga jam atau empat jam sahaja, jadi *balancing culvert* ini tidak berkapasiti *handling* hujan sebanyak itu.

Jadi itulah kenapanya jadi melimpah ruah ke atas jalan. Tidak pernah berlaku di tempat itu. Sebenarnya bukan sebab *culvert*, bukan sebab tebatan banjir tetapi hujan itu menurun dalam masa sepatutnya satu bulan tetapi turun dalam masa empat jam saja. Itulah menyebabkan banjir berlaku di Gurun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Hamzah.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah mengikut yang kita faham iaitu peruntukan daripada Kerajaan Pusat agak tinggi untuk membantu berlakunya banjir di Pulau Pinang baru-baru ini. So jadinya soalan saya yang pertama, apakah punca banjir yang berlaku di Pulau Pinang ini yang begitu teruk sekali, dan yang keduanya, apakah kesan kepada rakyat di dalam pemikiran mereka, adakah mereka masih meyakini lagi kepimpinan yang ada di negeri tersebut sehinggakan berlaku banjir yang amat teruk sebegitu. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, dua soalan ini. Satu soalan teknikal yang dijawab kementerian saya, yang kedua itu kena tanya *Secretary Politic* sendiri...

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun ada.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Soalan politik yang kedua itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak tambah sedikit Yang Berhormat Menteri, macam yang ambil alih kerajaan tempatan, PBT dekat Sarawak, di Pulau Pinang ini tidak boleh ambil kah oleh kementerian?

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: [*Ketawa*] Okey, soalan yang pertama ialah apa yang berlaku di Pulau Pinang pada 4 dan 5 hari bulan ialah oleh kerana hujan itu turun 300 mm dengan begitu banyak sekali. Jadi hujan ini turun dalam masa dua jam. Jadi dalam masa yang sama, air pasang juga tinggi. Kalau di Sarawak di panggil *king tide*. Jadi bila *king tide* ini turun dan hujan ini turun, jadi semuanya tidak dataran itu sudah melimpah. Maknanya tidak ada tempat air lari lagi. Jadi dengan sendirinya ini dikatakan *the main cause of flooding* di Pulau Pinang. Akan tetapi kalau 167 takungan air di Pulau Pinang itu di selenggara dengan baik, keadaan ini mungkin tidak begitu teruk sangat.

Jadi maknanya ada sedikit kelemahan daripada pengurusan satu, perparitan dan saluran dalaman di Pulau Pinang itu sendiri.

Kedua ialah pengendalian takungan air yang 100 lebih di Pulau Pinang itu tidak dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Ini juga boleh mendatangkan kesan yang negatif keseluruhannya. Jadi dia bukan satu sebab sahaja. Ada sebab *natural* iaitu hujan dan air pasang dan ada juga oleh kerana pengendalian perparitan dan saluran.

Ketiga, takungan air yang sepatutnya boleh mengisi air, menahan air, mengurangkan air menjadi melimpah ruah, tidak dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Jadi itu sepatutnya tidak berlaku. Jadi Tuan Yang di-Pertua, soalan Tuan Yang di-Pertua itu tadi memang kita sekarang pun memang sudah sedemikian. *I'm putting my fingers to everywhere* dalam di Pulau Pinang, di Johor, di mana-mana pun.

■1100

Kalau keperluan itu berbangkit, kementerian saya bertanggungjawab dengan sumber kewangan yang ada pada saya untuk melaksanakan walaupun perkara ini sebenarnya tugas dan tanggungjawab pihak berkuasa tempatan.

Dan yang kedua, yang ketiga itu tadi soalan politik. Itu saya tidak boleh jawablah asal orang Pulau Pinang fikir, "*tepuk dada, tanya selera*". Terima kasih.

4. Datuk Zali bin Mat Yasin minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, rentetan daripada tragedi asrama tahfiz yang terbakar baru-baru ini, adakah pihak kementerian mempunyai perancangan seperti mewajibkan tangga kecemasan untuk semua bangunan baru yang akan didirikan bagi menjamin keselamatan pengguna dan masyarakat.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Zali.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Zali bersekali dengan dua soalan yang lain iaitu soalan daripada Yang Berhormat Mulia Engku Naimah binti Engku Taib, bertarikh 18 Disember 2017; dan soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh- banyak kali berdiri tadi. Lepas ini bolehlah berdiri- bertarikh 19 Disember 2017. Saya mohon keizinan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada tiga persoalan yang telah pun saya nyatakan tadi, saya ingin memaklumkan kepada semua, ketiga-tiga Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan juga kepada kita semua yang ada pada hari ini, iaitu bagi meningkatkan aspek piawaian keselamatan kebakaran di sekolah-sekolah tahfiz yang kita kenali sebagai pusat tahfiz dan kerajaan melalui Mesyuarat *High Level Committee* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, mengenai *task force* yang berkaitan dengan pusat-pusat tahfiz ini Tuan Yang di-Pertua, telah pun mengarahkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk melaksanakan pemeriksaan ke atas semua pusat tahfiz di seluruh negara.

Mulai 25 September sehingga kepada 17 Oktober 2017, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah pun memulakan pemeriksaan ke atas 1,238 buah pusat tahfiz iaitu seperti berikut di atas persoalan yang dibangkitkan. Satu, jumlah pusat tahfiz yang telah pun diperiksa oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Tuan Yang di-Pertua, yang berdaftar dengan Majlis Agama Negeri ataupun (JAKIM) sebanyak 910 buah iaitu 73.5 peratus dan tahfiz yang tidak berdaftar sebanyak 328 buah iaitu 26.5 peratus.

Kedua, maklumat yang kedua Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin maklumkan pusat tahfiz yang mematuhi piawaian keselamatan kebakaran daripada pemeriksaan berdasarkan kepada jumlah 1,238 tadi pusat tahfiz yang berdaftar dengan Majlis Agama Negeri (JAKIM) yang mematuhi sebanyak 748 pusat tahfiz yang tidak berdaftar tetapi mematuhi kepada piawaian sebanyak 238 dan jumlah pusat tahfiz yang mematuhi kepada piawaian keselamatan kebakaran

ini sama ada yang berdaftar dan yang tidak berdaftar Tuan Yang di-Pertua, ialah sebanyak 986 buah.

Bagi pusat tahfiz yang berdaftar dengan Majlis Agama Negeri dan JAKIM tetapi tidak mematuhi kepada piawaian keselamatan kebakaran adalah sebanyak 169 buah dan bagi pusat tahfiz yang tidak berdaftar dan tidak juga mematuhi kepada piawaian keselamatan kebakaran sebanyak 83 buah dan jumlah dua ini yang berdaftar dan yang tidak berdaftar yang memang tidak mematuhi kepada piawaian keselamatan kebakaran adalah sebanyak 252 buah.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, bilangan pusat tahfiz yang telah pun mendapat kelulusan bangunan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang berdaftar dengan Majlis Agama Negeri dan JAKIM adalah sebanyak 73 buah, yang tidak berdaftar adalah sebanyak tujuh, dan jumlah kedua-duanya adalah sebanyak 80 buah. Tuan Yang di-Pertua, selepas kita melakukan pemeriksaan ke atas 1,238 buah pusat tahfiz ini, apakah tindakan yang kita lakukan selepas pemeriksaan?

Pertama, Tuan Yang di-Pertua, jumlah notis menghapuskan bahaya kebakaran sebanyak 367 notis telah pun dikeluarkan yang melibatkan sejumlah 83 buah pusat tahfiz. Kedua, tempoh pematuhan notis adalah di antara 90 hari sehingga 180 hari iaitu bermula daripada tarikh notis dikeluarkan dan tempoh 90 hari adalah kepada mana-mana tahfiz sekiranya tidak melibatkan apa-apa struktur utama seperti pengesan asap, pemadam api dan sebagainya dan tempoh 180 hari pula kita keluarkan kepada pusat tahfiz yang melibatkan struktur utama iaitu dinding, tangga dan juga dinding pemisah.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, mengadakan pemeriksaan ulangan bagi memastikan notis yang telah pun dikeluarkan bagi tempoh 90 hari dan 180 hari ini dipatuhi selepas tamat tempoh 90 hari dan 180 hari yang berkenaan dan selain daripada itu pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga memberikan khidmat nasihat dan rundingan kepada 771 pengusaha pusat tahfiz yang tidak mematuhi piawaian keselamatan seperti yang saya sebutkan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Walaupun soalan itu bertanya kepada khususnya tangga tetapi tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat, soalan tambahan ada?

Datuk Zali bin Mat Yasin: Ada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Jadi saya tanya berkenaan dengan tangga kecemasan tetapi Yang Berhormat Menteri jawab dengan panjang lebar, *perfect* terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah kita tahu bahawa pihak bomba telah pun mengeluarkan notis, jadi semua notis telah dikeluarkan tetapi apakah tindakan penguatkuasaan yang akan diambil oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat terhadap mana-mana pusat tahfiz yang gagal mematuhi prosedur keselamatan yang telah pun ditetapkan tadi selain daripada notis. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Zali tanya fasal tangga, Yang Berhormat Mulia Senator Engku

Naimah tanyakan tentang bilangan tahfiz yang gagal mematuhi piawaian keselamatan. Itu masuk dalam jawapan saya tadi. Dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah, Yang Berhormat Datuk Haji Abidullah pun bertanyakan jumlah tahfiz berdaftar dan tidak berdaftar.

Jadi tiga ini Tuan Yang di-Pertua, saya kumpulkan menjadi jawapan yang lebih padat lagi untuk Yang Berhormat Datuk Zali [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Syabas, syabas.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Pandailah Yang Berhormat Menteri.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Zali tadi. Saya hendak memaklumkan Yang Berhormat tanya tentang apakah tindakan penguatkuasaan, ya Yang Berhormat Datuk?

Saya ingin memaklumkan Tuan Yang di-Pertua, tindakan penguatkuasaan ke atas sama ada mereka yang mematuhi yang berdaftar dengan Majlis Agama Negeri atau JAKIM dan mematuhi dan kepada mereka yang tidak berdaftar dengan Majlis Agama Negeri dan JAKIM, yang ada yang mematuhi, ada yang tidak mematuhi dan juga kepada yang mendaftar ada yang mematuhi dan tidak mematuhi.

Tindakan penguatkuasaannya Tuan Yang di-Pertua, yang pertama kita akan memastikan supaya semua pusat tahfiz ini mematuhi segala piawaian keperluan keselamatan kebakaran oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan merujuk kepada Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1988, UBBL 1984 di bawah pihak berkuasa tempatan, itu yang pertama.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 iaitu Akta 133, subseksyen 70(27)(f). Mana-mana orang yang menduduki bangunan tanpa perakuan siap dan pematuhan CCC boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi RM250,000 dan atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau pun kedua-duanya sekali. Ketiga kita boleh menggunakan peruntukan perundangan dari segi tindakan penguatkuasaan ini Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga ialah penguatkuasaan di bawah akta bomba, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [*Akta 341*].

Apa yang ada di bawah peruntukan Akta 341 ini Tuan Yang di-Pertua, yang pertama ialah melaksanakan pemeriksaan menghapuskan bahaya kebakaran. Keduanya, mengeluarkan notis penghapusan bahaya kebakaran dan sekiranya gagal pematuhan untuk mematuhi maka boleh disabitkan dengan kesalahan ataupun dikenakan denda tidak melebihi daripada RM5,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau pun kedua-duanya sekali dan boleh juga dikenakan denda tambahan sebanyak RM100 bagi setiap hari kesalahan itu dilakukan.

■1110

Jadi, ini adalah satu tindakan yang akan kita lakukan dari segi penguatkuasaan. Tindakan penguatkuasaan ke atas yang berdaftar ataupun yang tidak berdaftar pusat-pusat tahfiz ini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, boleh tambah satu soalan lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Ini, biar Yang Berhormat Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff tanya dulu.

Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Saya tidak tanya fasal tangga tapi saya yakin Yang Berhormat Menteri boleh jawab soalan saya.

Kita semua maklum kerajaan telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM30 juta untuk sekolah-sekolah tahfiz. Soalan saya, untuk apakah peruntukan RM30 juta itu dan kita juga sedia maklum bomba sebagai agensi penguatkuasaan dalam *Uniform Building By-Laws* (UBBL) dan kepatuhan pencegahan kebakaran semua bangunan domestik. Jadi soalan saya, bagaimanakah untuk memastikan semua pemilik bangunan tidak memasang gril yang menyebabkan tindakan dan usaha menyelamatkan bila kebakaran berlaku gagal dan apakah *design* gril yang baik? Apakah perlu *design* semua gril di rumah dan bangunan diperiksa agar tidak bahaya semasa kebakaran? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff. *Welcome home- back to Dewan Negara... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff, memang benar kerajaan telah mengumumkan peruntukan RM30 juta. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff, kerajaan melalui Unit Perancangan Ekonomi (EPU), telah pun meluluskan peruntukan sebanyak RM30 juta bagi tujuan untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan di 669 sekolah tahfiz yang tidak berdaftar bagi tahun 2017 ini Tuan Yang di-Pertua. Maklumat yang saya nyatakan ini semua Tuan Yang di-pertua, telah pun dibentangkan dan dibincangkan dalam mesyuarat *High Level Committee Task Force* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang saya sebutkan daripada awal jawapan saya tadi.

Peruntukan tersebut akan disalurkan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan iaitu ICU di peringkat negeri, Tuan Yang di-Pertua, sebagai penyelaras kepada projek di mana kerja-kerja akan dilaksanakan oleh GiatMARA. Manakala kerja-kerja pembaikan bagi 612 sekolah tahfiz yang berdaftar, yang tadi saya sebut itu yang tidak berdaftar, Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff.

Bagi 612 pula tahfiz yang berdaftar, ia akan dilaksanakan pada awal tahun 2018. Kita akan buat untuk bantu pusat-pusat tahfiz yang tidak berdaftar ini. Tuan Yang di-Petua, dari segi kedudukan, piawaian, keselamatan kebakaran bangunan-bangunan tersebut. Ini akan menjadikan bilangan keseluruhan sekolah tahfiz di bawah penyelarasan JAKIM yang terlibat dengan peruntukan sebanyak RM30 juta ini Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 1,281 buah tahfiz.

Bagi tahun 2017 yang saya sebutkan tadi, kepada sekolah-sekolah tahfiz yang tidak berdaftar. Skop kerja yang akan kita lakukan, perkara pertama yang disebutkan oleh Yang

Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff tadi, jeriji. Adakah kita tidak akan kuatkuasakan ataupun tidak akan benarkan bangunan menggunakan jeriji. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff, sekarang ini *style* yang ada, cara yang ada, jeriji dipasang tidak boleh buka daripada dalam. Jeriji yang dipasang hanya boleh buka daripada luar.

Jadi antara perkara yang telah pun dipersetujui meliputi kerja-kerja yang akan dilaksanakan oleh GiatMARA tadi, yang pertama ialah menggantikan jeriji kekal yang disebutkan oleh Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff tadi yang boleh dibuka daripada luar tetapi tidak boleh dibuka daripada dalam kepada jeriji yang boleh dibuka daripada dalam. Itu perkara pertama.

Keduanya ialah pendawaian elektrik. Kemudian mengadakan alat pemadam api, mengadakan alat pengesan asap dan mengadakan pintu keluar tambahan kerana terdapat pusat-pusat tahfiz ini Tuan Yang di-Pertua, mereka hanya mempunyai satu buah pintu sahaja untuk keluar masuk. Selain daripada itu, melaksanakan kerja-kerja baik pulih kecil seperti membaiki bilik air dan sebagainya. Saya ingin memberi keyakinan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff, kementerian melalui jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah pun dilantik sebagai anggota kepada jawatankuasa pembaikan di peringkat induk, negeri dan juga peringkat daerah, Tuan Yang di-Pertua. Yang mana akan berperanan untuk mengesahkan kerja-kerja pembaikan yang telah saya nyatakan itu akan dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tak nak tanya fasal tangga ataupun gerigi dan sebagainya kerana saya pun ada sekolah tahfiz. Saya cuma hendak tanya pada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Berdaftar atau tidak?

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Daftar. Daftar [*Ketawa*] Cuma saya hendak tanya pada Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian akan terus membenarkan penggunaan bangunan kediaman diubahsuai sebagai bangunan institusi seperti sekolah tahfiz dan apakah garis panduan serta adakah terdapat keperluan audit keselamatan bagi bangunan yang ditumpukan? Terima Kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Secara ringkas Yang Berhormat.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff. Jauh itu berdiri. Daripada jauh pun saya sudah boleh nampak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff. Soal yang berkaitan dengan tahfiz ini sebab itu saya sebut daripada awal tadi. Yang berdaftar dengan Majlis Agama Negeri, yang berdaftar dengan kerajaan negeri dan JAKIM. Jadi sekolah-sekolah tahfiz ini Tuan Yang di-Pertua, bab yang berkaitan dengan pendidikan agama ini dia tertakluk di bawah kerajaan negeri.

Jadi dalam jawatankuasa *High Level Committee Task Force* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, telah pun memberikan arahan tentang perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh kerajaan-kerajaan negeri untuk memantau dan menentukan supaya apabila ada permintaan kepada pembinaan bangunan-bangunan baru bagi pusat-pusat tahfiz yang ada perlulah mematuhi kepada lapan skop yang telah pun diletakkan.

Selain daripada menepati kepada undang-undang kecil yang ada di peringkat pihak berkuasa tempatan. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kerjasama daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator untuk membantu pihak kementerian terutamanya Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia supaya lepas ini kita balik, kita tolong semak lah dan pastikan supaya semua pusat-pusat tahfiz kita yang ada dalam kawasan kita. Contoh, bagi kawasan saya sembilan pusat tahfiz. Saya yakin dan saya pasti dalam kawasan Yang Berhormat Senator-senator, Dato'-Dato' sudah pasti ada tahfiz. Tolong pantau, kalau dia belum berdaftar, silalah daftarkan.

Pusat-pusat tahfiz Yang Berhormat Senator Dato'-Dato' sekalian dengan Majlis Agama Negeri dan JAKIM. Kalau belum lagi ada pemeriksaan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, sila maklumkan kepada mana-mana Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang ada di peringkat daerah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah minta Menteri Kesihatan menyatakan, jumlah pesakit kronik yang sedang menunggu pendermaan organ setakat 31 Oktober 2017, mengikut jenis organ, jumlah penderma yang telah mendaftar dengan Pusat Sumber Transplan Nasional dan langkah-langkah untuk menambahkan bilangan penderma, termasuk penambahan bilangan Pusat Sumber Transplan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana sudi datang sendiri untuk menjawab soalan.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Terima kasih. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana tanya soalan berkaitan dengan pendermaan organ. Saya minta keizinan untuk menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas, bertarikh 18 Disember yang ada berkaitan dengan tajuk yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Oktober 2017, seramai 21,778 orang pesakit kronik yang mengalami kegagalan organ tahap akhir yang sedang berada di dalam senarai menunggu organ kebangsaan. Daripada jumlah ini, 21,759 orang adalah pesakit buah pinggang, lapan pesakit hepar atau hati, *liver*, empat orang ialah pesakit jantung, tiga orang pesakit paru-paru dan empat orang yang memerlukan kedua-dua jantung dan paru-paru. Bilangan pengikrar penderma organ selepas kematian yang telah mendaftar dengan kementerian sehingga 31 Oktober tahun ini adalah seramai 401,042 orang.

■1120

Walaupun bilangan ini semakin meningkat, ia cuma mewakili hanya 1.3 peratus daripada jumlah keseluruhan rakyat Malaysia pada ketika ini.

Bagi mempertingkatkan bilangan penderma organ di kalangan rakyat Malaysia, Kementerian telah merangka pelan strategik kempen kesedaran pendermaan organ pada tahun 2012. Di bawah pelan strategik ini, sebanyak enam strategi telah digariskan dan inisiatif berkaitan sedang berjalan ketika ini.

- (i) strategi (untuk menyasarkan golongan muda sebagai *target* utama kempen bagi memastikan penerimaan dalam jangka masa panjang;
- (ii) menjalinkan jalinan kerjasama bersama agensi-agensi kerajaan yang lain, badan bukan kerajaan, syarikat-syarikat GLC, sektor swasta dan individu berpengaruh di kalangan masyarakat;
- (iii) memperkukuhkan struktur organisasi perkhidmatan transplantasi bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkesan dan efisien;
- (iv) menangani persepsi yang kurang tepat di kalangan masyarakat berkenaan pendermaan organ dari perspektif agama dan budaya;
- (v) penggunaan media massa dan media sosial secara lebih luas; dan
- (vi) mempertingkatkan kesedaran dan komitmen anggota-anggota di bawah Kementerian Kesihatan untuk melanjutkan program ini.

Bagi menyelaraskan proses perolehan organ di peringkat kebangsaan, Pusat Sumber Transplan Nasional telah ditubuhkan pada tahun 1997 dan seterusnya pada tahun 2014, Unit Promosi Pendermaan Organ turut diwujudkan di pusat sumber untuk menyelaraskan aktiviti promosi di peringkat kebangsaan.

Bermula tahun 2007, Pusat Sumber Transplan Wilayah telah diwujudkan bagi menyelaraskan proses perolehan organ dan promosi di peringkat wilayah. Setakat ini terdapat tujuh buah pusat telah diwujudkan di seluruh negara untuk tiap-tiap satu wilayah dan sebanyak 118 buah pasukan perolehan organ atau *transplant organ procurement team* telah ditubuhkan di hospital-hospital seluruh negara dan bertanggungjawab untuk menjalankan proses identifikasi, kes pretensi dan merujuk kes-kes berkaitan kepada pusat sumber.

Pendermaan organ merupakan satu tindakan yang murni kerana ia mampu menyelamatkan nyawa ramai pesakit yang mengalami kegagalan organ. Justeru, ikrar pendermaan organ perlu dilakukan secara altruistik tanpa mengharapkan sebarang balasan ataupun ganjaran bagi menghindarkan unsur jual beli atau pemerdagangan organ. Walaupun bagi penderma yang benar-benar menderma organ selepas kematian, waris pesakit di kecualikan dari membayar bil hospital yang diduduki oleh penderma organ.

Di samping itu, saya mengambil peluang ini untuk meminta Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara untuk menjadi pejuang untuk pendermaan organ dengan mengadakan program-program di kawasan-kawasan masing-masing di mana konsep pendermaan ini boleh diperluaskan dan Kementerian Kesihatan sentiasa sudi dan sedia untuk memberi sokongan yang padat kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjalankan program-program ini di kawasan-kawasan mereka. Terima kasih.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Kalau kita tengok jawapan tadi, beberapa fakta.

Satu, dari segi penderma, hanya 1.3 peratus dari bilangan penduduk. Orang yang menunggu pendermaan organ adalah sebanyak 21,700. Isu saya adalah kalau kita tengok jawapan tadi, kebanyakan mereka menunggu pendermaan organ buah pinggang. Soalan saya ialah, akibat dari kekurangan penderma di Malaysia, ramai pesakit kronik yang pergi ke luar negara terutamanya India dan China untuk mendapatkan buah pinggang. Saya sedar Kementerian tidak menggalakkan isu-isu macam ini.

So soalan saya, akan tetapi *at the same time* kita tidak boleh *blame* kerana mereka ini *desperate*. So soalan saya sama ada Kementerian ada satu mekanisme di mana mereka yang pergi ini atau hendak pergi ini boleh *check background* tempat yang mana dia hendak pergi itu *whether* dia *reliable* atau sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Secara prinsip, Kementerian tidak menggalakkan rakyat Malaysia untuk mendapatkan pendermaan organ daripada negara asing dan tiap-tiap negara mempunyai sistem perundangan sendiri dan garis panduan sendiri untuk memastikan bahawa pendermaan organ ini tidak disalahgunakan. Seperti Ahli Yang Berhormat mungkin sedar, pada satu ketika, *sales of organ* ini dianggap sebagai satu jenis *human trafficking* dan kerana itu ialah keadaan yang tersedia ada khususnya di dalam negara-negara di mana rakyat yang miskin boleh digunakan sebagai satu alat untuk beli organ daripada mereka dengan harga yang murah dan selepas itu, ini menjadi satu isu yang besar. Salah satu daripada prinsip itu salah.

Kedua, selepas mereka datang balik ke negara kita, kita memerlukan memberi rawatan sepanjang hayat untuk memberi *immunosuppressive treatment* yang begitu mahal. So daripada sudut itu, memang Kementerian daripada prinsip, kita tidak menggalakkan. Apa yang kita mahu ialah untuk satu perkembangan sistem pendermaan organ di negara kita yang sihat di mana rakyat Malaysia meningkatkan kesedaran mereka, tampil ke hadapan untuk menderma.

Kedua ialah khususnya waris-waris mereka tahu perkara ini, terima perkara ini dan jangan menjadi penghalang di antara mereka yang sudah derma dan penerima kerana ini berlaku. Ini kerana selepas mereka sudah meninggal dunia, kita menghadapi beberapa ketika di mana waris tidak setuju supaya pendermaan ini diteruskan. So, kesedaran ini sangat mustahak untuk memastikan bahawa perkara ini diambil kira dan kita memastikan bahawa pendermaan organ dan penerimaan pindaan organ dibuat secara baik mengikut sistem perundangan yang tersedia ada di dalam negara kita dan di dalam negara masing-masing. Secara ringkas, jawapan saya, perkara ini daripada sudut perundangan tidak digalakkan. Oleh itu kita tidak mempunyai sistem tapisan yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah pandangan Kementerian di mana masyarakat Islam di Malaysia ini masih lagi kurang dalam menderma organ atas alasan keagamaan. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kementerian menangani untuk membetulkan persepsi ini melalui kerjasama dengan pihak JAKIM yang menjadi rakan kita untuk meningkatkan kesedaran di dalam rakan daripada penganut agama Islam untuk

memberitahu mereka sebenar-benarnya pendirian agama di dalam isu ini supaya mereka boleh mendapat satu penjelasan yang baik dan akibat daripada itu, mereka tampil ke hadapan untuk menerima bahawa pendermaan ini boleh dilakukan. So ini adalah cara yang dibuat dan saya boleh katakan bahawa kaedah ini telah memberi manfaat dan kita boleh nampak peningkatan di dalam jumlah mereka di kalangan rakyat keturunan Islam yang tampil ke hadapan untuk menderma dan saya berharap dengan masa, ini akan meningkat lagi. Terima kasih.

■1130

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat.

Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah mendengar dengan teliti apa yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi iaitu terdapat 21,000 pesakit kronik yang sedang menunggu untuk dilakukan *transplant* dan orang yang memberi ikrar hanya 4,000 orang.

Mengikut model hospital terkenal di luar negara, mereka melakukan 60 organ *transplant* dengan hanya 200 orang penunggu yang menunggu untuk dibuat *transplant*. Maknanya, *rationya* cukup rendah. Jadi saya ingin bertanya kepada Menteri, berapakah jumlah *transplant* yang dilakukan di hospital kita berbanding dengan 21,000 orang menunggu? Apakah cadangan pihak kementerian untuk merendahkan lagi *ratio* itu supaya jangka masa untuk menunggu tidaklah terlalu lama? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya mengakui bahawa jumlah *transplant* yang telah dilakukan di dalam negara kita boleh dikatakan tidak sampai kepada satu keadaan yang boleh dikatakan memuaskan. Berasaskan kepada butiran yang ada dengan Kementerian Kesihatan, daripada permulaan program *transplantation* pada tahun 1975 sampai tahun ini, kita telah melakukan lebih daripada 2,065 pembedahan *transplant organ*. Kebanyakannya ialah *transplantation* untuk buah pinggang iaitu sebanyak 1,892.

Kalau dilihat kepada butiran itu, kebanyakan daripada mereka yang dapat pemindahan organ untuk buah pinggang ialah lebih daripada 1,363 ialah daripada penderma hidup, bermaksud itu ialah daripada saudara mara mereka. Maka yang datang daripada *cadaver* iaitu daripada penderma yang telah berikrar untuk menderma, selepas itu sudah meninggal dunia dan organ yang telah dapat daripada mereka, jumlah itu cuma 529 sahaja. Itu bermaksud satu pertiga daripada- satu perempat daripada jumlah itu.

So, maka kebolehan kita untuk mendapat organ daripada mereka yang sudah menderma dan selepas itu sudah meninggal dunia dan yang boleh digunakan secara positif untuk melakukan pemindahan itu dan mendatangkan kesan, masih boleh dikatakan bukan di dalam satu kaedah yang boleh dikatakan memuaskan. Ada banyak sebab untuk itu. Kementerian sedang lihat macam mana kita boleh menyelesaikan segala isu berkaitan dengan ini supaya kita boleh menambahkan lagi jumlah mereka yang mendapat pemindahan organ. Ini kerana daripada mutu dan nilai kehidupan khususnya di dalam mereka yang ada kehilangan fungsi buah pinggang kalau dibandingkan dengan hemodialisis secara berpanjangan dan pemindahan organ, memang mereka yang melalui pemindahan organ, mereka punya nilai kehidupan itu lebih baik.

Daripada sudut itu, memang ada satu sebab mengapa kita kena menggalakkan lagi jumlah mereka yang boleh menderma. Itu sebenarnya boleh menjadi satu perkara yang boleh digunakan di dalam praktis dan kita boleh menambahkan lagi pemindahan organ di dalam negara kita. Terima kasih.

6. Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff minta Menteri Pertahanan menyatakan prosedur operasi standard dan kesiap sediaan aset-aset Angkatan Tentera Malaysia (ATM) khususnya untuk menghadapi bencana banjir yang dijangka melanda negeri di bahagian utara dan Pantai Timur dan anggaran perbelanjaan dalam menghadapi musim banjir kali ini.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pertama sekali ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal kerana telah mengemukakan soalan ini. Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Zahari bin Sarip pada tarikh 14 Disember.

Tuan Yang di-Pertua, bagi setiap tindakan bantuan bencana termasuk banjir, ATM mempunyai Rancangan Kontingensi Rakan Murni yang telah dikeluarkan pada 8 Januari 2013 berpandukan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara iaitu Arahan MKN No.20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara. Bagi anggaran perbelanjaan menghadapi bencana banjir, suka saya nyatakan bahawa ATM tidak mempunyai sebarang peruntukan khas bagi tujuan berkenaan. Walau bagaimanapun, bagi menampung perbelanjaan operasi banjir seperti bantuan logistik dan lain-lain, perubatan dan sebagainya, pihak ATM telah menggunakan peruntukan yang sedia ada. Sebagai contohnya bagi bencana banjir tahun 2014, ATM telah membelanjakan kira-kira RM3.92 juta daripada peruntukan tahunan berkenaan.

Bagi pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Zahari bin Sarip, aset-aset angkatan tentera yang telah dan sedang diatur gerak dalam membantu pihak berkuasa tempatan sama ada di Pulau Pinang atau mana-mana negeri dan lokasi di dalam negara yang menghadapi bencana banjir memfokuskan kepada perkara-perkara seperti berikut:

- (i) bantuan pengangkutan bagi pergerakan darat, udara dan perairan seperti kenderaan *land rover*, trak tiga tan, tujuh tan, bot penyelamat, kapal TLDM, pesawat pengangkut dan lain-lain lagi;
- (ii) bantuan khidmat kepakaran seperti penubuhan hospital medan, dapur medan dan pembinaan jambatan medan; dan
- (iii) bantuan pengangkutan udara untuk pertolongan kecemasan dan pemindahan mangsa bencana pada masa-masa yang diperlukan.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau hendak cakap, tolong keluar Dewan. Sila bagi penghormatan kepada Dewan yang mulia ini. Ini bukan tempatnya untuk Ahli-ahli Yang Berhormat berbual. Sila ambil perkara ini dengan serius. Terima kasih. Silakan soalan tambahan.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sedia maklum bahawa pihak Angkatan Tentera Malaysia sentiasa bersiap siaga dalam apa jua keadaan terutamanya dalam soal keselamatan dan bencana. Sehubungan itu, mohon penjelasan daripada pihak kementerian tentang tindakan awal yang telah diambil oleh Angkatan Tentera Malaysia dalam memberikan bantuan semasa kejadian banjir baru-baru ini di Pulau Pinang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum itu, sekejap Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini, *President of China-ASEAN Association dan Vice Chairwoman of the 10th NPC Standing Committee, Her Excellency Gu Xiulian* dan delegasi... *[Dewan tepuk]* Kepada *Her Excellency Gu Xiulian* dan delegasi, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran mereka ke Dewan yang mulia ini... *[Dewan tepuk]* Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, saya ingin sedikit memberi penjelasan mengenai contoh iaitu kejadian banjir di Pulau Pinang. Walaupun tugas kita sebenarnya ATM ialah bukan tugas kita ialah urusan banjir seperti ini. Ini kita hanya *compliment* kepada tugas-tugas Jabatan Bomba dan lain-lain lagi, Angkatan Pertahanan Awam dan sebagainya.

Akan tetapi walau bagaimanapun, pihak ATM untuk di Pulau Pinang kita telah diletakkan dalam keadaan siap siaga mulai 26 September 2017 melalui direktif pemula Ops Murni iaitu pada 2017-2018 bagi menghadapi banjir. Itu di Pulau Pinang, kita sudah siap sedia seawal itu.

■1140

Pada 4 November 2017, mulai jam satu petang sehingga jam 11 malam, hujan lebat di seluruh Pulau Pinang. Jadi, pada ketika itu kita telah memberi arahan kepada anggota kita iaitu pada 4 November mulai jam 10 malam, pegawai perhubungan tentera darat telah menghubungi dan di tempat-tempat gerakan banjir, kita telah mula pada ketika itu walaupun kalau kita tengok Ketua Menterinya telefon pada pukul 3.30 pagi. Pukul 4 pagi kita telah mula menggerakkan gerakan penyelamat, telah mula di kawasan Batu Lanchang. Jadi, sebelum telefon itu, apabila banjir sudah naik dah, kita sudah ada di bawah... *[Dewan tepuk]*

Jadi, itulah bagaimana kita bersiap sedia. Jadi, sebelum Ketua Menteri telefon kita, kita pun sudah ada di bawah. Jadi, itulah orang kata, betapa siap siaga nya pihak angkatan tentera. Jadi, di dalam Dewan yang mulia ini, kita patutlah sentiasa memberi penghargaan kepada pasukan kita. Seperti mana yang kita tahu, mereka ialah tugas mereka adalah pada bila-bila masa dan mereka tidak ada elaun dan sebagainya. Kita tidak ada juga peruntukan khas untuk mengendali banjir ini. Kita hanya menggunakan peruntukan dalaman kita sahaja. Terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya hendak beralih kepada soalan nombor tujuh. Sila.

7. Datuk Haji Kadzim M. Yahya minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, adakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Institut Sukan Negara dan Majlis Sukan Negara untuk mengawal pengambilan bahan terlarang di kalangan atlet tidak ketat dan menyeluruh atau sekadar *lip-service* sahaja.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk M. Saravanan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, sangkaan ini amatlah tidak benar kerana langkah-langkah yang telah diambil pihak kementerian adalah menyeluruh dan tidak terhad kepada *lip service* sahaja. Ini ditubuhkan melalui Institut Sukan Negara (ISN) kerana atlet sentiasa dinasihatkan untuk merujuk pegawai perubatan serta pegawai pemakanan dalam hal pengambilan bahan ubatan, suplemen atau herba, terutamanya bahan-bahan dari luar ISN.

Tuan Yang di-Pertua, bagi atlet yang cedera atau memiliki tahap kesihatan yang kurang baik, di mana memerlukan pengambilan ubatan yang tersenarai dalam senarai bahan terlarang oleh pihak *Anti-Doping Agency*, doktor bersama dengan atlet tersebut harus memohon kepada Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS) terlebih dahulu sebelum diberikan kebenaran untuk mengambilnya. Ini dikenali sebagai permohonan *therapeutic use exemption* (TUE) yang bererti seorang atlet yang sakit diberikan pengecualian untuk menggunakan ubatan yang akan positif ujian doping mengikut keperluan, keadaan sakit kritikal, tempoh pengambilan serta dos yang diperlukan sahaja. Selepas permohonan TUE, atlet itu diluluskan oleh Jawatankuasa TUE yang terdiri daripada doktor perubatan yang mempunyai pengalaman tinggi dengan prestasi sukan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, pihak Institut Sukan Negara (ISN) juga menjalankan ujian-ujian fizikal- *physiology*, dengan izin, bagi memantau lonjakan prestasi yang tidak wajar atau di luar jangkaan. Seterusnya, dapat disiasat dan ditangani sebelum apa-apa ujian anti-doping dijalankan. Pihak Majlis Sukan Negara (MSN) turut akan meningkatkan lagi program-program kesedaran kepada atlet dan jurulatih agar semua pihak terlibat awas tentang maklumat terkini anti-doping supaya perkara melanggar peraturan anti-doping tidak berulang lagi. Terima kasih.

Datuk Haji Kadzim M. Yahya: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan itu. Syabas kepada ISN kerana membuat satu usaha yang ketat untuk memastikan para atlet tidak menggunakan bahan-bahan yang terlarang. Akan tetapi setakat *to what extent*, dengan izin, para atlet ini mematuhi syarat-syarat atau peraturan yang ditetapkan oleh ISN untuk melaporkan apa yang mereka ambil, apa yang mereka gunakan, di samping yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh ISN? Oleh sebab kalau ini dikawal dengan ketat, kerap kali berlaku ada sahaja atlet kita yang gagal *doping*. Ini membuat persepsi seolah-olah atlet kita cuba menang secara yang menipu dan adalah tidak baik. Jadi, setakat- sejauh mana para atlet ini mematuhi syarat-syarat dan *regulations* dan peraturan yang telah ditetapkan oleh ISN untuk menggunakan bahan-bahan yang terlarang yang diluluskan dan dibenarkan oleh ISN? Terima kasih.

Datuk M. Saravanan: Tuan Yang di-Pertua, mempertingkatkan tahap pencegahan melalui ujian, di mana hari ini kita lihat kalau kita mengambil kira prestasi kita di Sukan SEA, hanya seorang atlet sahaja telah menunjukkan positif dalam bahan atau suplemen yang dilarang. Jika kita lihat ASEAN Para Games, memang zero pengambilan ubat seperti ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan melalui Agensi Anti-Doping Malaysia telah merangka mekanisme seperti berikut, yang penting mempertingkatkan tahap pencegahan melalui ujian *doping* berterusan untuk atlet-atlet di bawah program podium di bawah Institut Sukan Negara dan program-program Majlis Sukan Negara (MSN).

Program ujian telah diperkukuhkan dengan menekankan kepada *smart testing*, di mana fokus diberikan kepada kategori sukan yang berisiko tinggi dalam penggunaan bahan terlarang. *Smart testing* ini merangkumi ujian air kencing, ujian darah, *athlete biological passport*, dengan izin, dan profil steroid. Atlet-atlet ini juga diuji sekurang-kurangnya enam kali setahun dan diwajibkan memberikan maklumat keberadaan- *whereabouts*, kepada Agensi Anti-Doping Malaysia untuk proses pemantauan berterusan. Terima kasih.

Datuk Mohan A/L Thangarasu: Soalan tambahan. Apakah rancangan pihak kementerian dalam mewujudkan mekanisme yang terbaik dalam mengendali masalah doping di kalangan atlet negara? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk M. Saravanan: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Saya ucapkan tahniah atas pelantikan Ahli Yang Berhormat sebagai Ahli Dewan Negara dan percaya dan yakin pengalaman Yang Berhormat dalam bidang sukan akan memberi jaminan yang lebih berkesan untuk melahirkan atlet-atlet bertaraf kebangsaan dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya untuk menjawab soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan melalui Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS) telah mengadakan pelbagai aspek pendidikan.

ADAMAS dengan usaha sama ISN dan MSN akan memperbanyakkan lagi program-program kesedaran kepada atlet dan jurulatih untuk meningkatkan pengawasan tentang maklumat terkini mengenai *doping*. ADAMAS juga telah memperkenalkan program pembelajaran *online*, *e-learning* yang dinamakan *Athlete Learning Program- About Health and Anti-Doping* (ALPHA), di mana atlet-atlet boleh mempelajari aspek-aspek anti-doping dengan mudah dan mengetahui secara mendalam tentang bahaya dan risiko *doping*.

Setakat November 2017, sebanyak 25 atlet telah menggunakan khidmat ALPHA ini dan jumlah ini akan meningkat apabila ADAMAS mewajibkan semua atlet podium untuk mengikuti program ini. ADAMAS juga dengan kerjasama MSN akan melaksanakan Program *Real Champion*, dengan izin, yang memberi fokus kepada semua atlet kebangsaan yang bakal bertanding. Program *Real Champion* ini juga akan dilaksanakan di peringkat akar umbi melibatkan atlet-atlet muda dari sekolah-sekolah sukan Malaysia di negeri berumur di antara 13 hingga 16 tahun. Dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, program pendedahan awal ini dirancang sebagai sebahagian daripada usaha menyeluruh kementerian untuk membasmi gejala doping. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terbaca di dalam surat khabar bertarikh Oktober 2017, di mana salah seorang orang yang mengambil bahagian dalam Sukan SEA Kuala Lumpur yang telah pun gagal dalam ujian *doping* dan dinyatakan di dalam laporan tersebut bahawa beliau gagal apabila makmal di New Delhi yang membuat ujian tersebut.

■1150

Saya ingin bertanya, nombor satu, bila makmal kita akan didirikan seperti mana yang diumumkan? Yang kedua, sudahkah Yang Berhormat melawat sendiri makmal di New Delhi itu supaya kita dapat, orang kata, dapat kita didik dengan mereka? Ini kerana setakat ini apabila dicaj sahaja kesalahan, maka kita tidak ada satu rayuan yang kita boleh buat kerana kita tidak apa fasaliti untuk mengkaji sama ada mereka ini betul-betul tersilap makan ubat atau sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk M. Saravanan: Tuan Yang di-Pertua, makmal kita pada setakat ini belum ada lagi, dan saya sendiri tidak pernah melawat makmal yang ada di New Delhi. Walau bagaimanapun, perkara-perkara ini timbul apabila atlet-atlet kita sendiri mengambil ubat untuk menguruskan badan tanpa pengetahuan pihak ISN ataupun MSN. Yang kes Yang Berhormat sebutkan, seorang atlet yang mengambil bahagian dalam Sukan SEA itu telah mengambil ubat untuk menguruskan badan, *slimming supplement* tanpa pengetahuan atau *knowledge* daripada pihak ISN dan MSN. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan. Sekianlah dalam sesi soal jawab kita sehingga nombor 7 sahaja pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2018

Bacaan Kali Yang Kedua

11.52 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]: Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah...* [Membaca selawat] Salam sejahtera, salam negaraku Malaysia, selamat pagi, *chao an, vanakkam, sawadikap.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan lafaz, *Bismillahi Rahmani Rahim* dan diiringi pula selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Segala syukur dan puji dipanjatkan ke hadrat Allah SWT yang mengizinkan saya untuk membentangkan Bajet 2018 kepada sidang Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia pada suku tahun ketiga 2017 telah pun mencatatkan satu pertumbuhan yang sungguh memberangsangkan pada kadar 6.2 peratus. Kerajaan mengunjurkan ekonomi Malaysia mencapai kadar pertumbuhan tahunan antara 5.2 hingga 5.7 peratus pada tahun 2017, lebih tinggi daripada unjuran pada bulan Mac lalu iaitu 4.3 sehingga 4.8 peratus. Manakala bagi tahun 2018, KDNK diunjurkan antara lima hingga 5.5 peratus. Defisit fiskal negara dianggarkan terus berkurang kepada tiga peratus berbanding KDNK bagi tahun 2017 dan kerajaan yakin pada tahun 2018 akan menurun kepada 2.8 peratus.

Bajet 2018 memperuntukkan sejumlah RM280.25 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM234.25 bilion adalah bagi perbelanjaan mengurus dan RM46 bilion lagi bagi perbelanjaan pembangunan. Ini tidak termasuk simpanan luar jangka berjumlah RM2 bilion.

Di bawah peruntukan mengurus, sebanyak RM79.15 bilion adalah untuk emolumen dan RM33.62 bilion untuk perkhidmatan dan bekalan, manakala sebanyak RM119.82 bilion lagi adalah untuk pemberian dan kenaaan bayaran tetap. Perbelanjaan lain pula diperuntukkan sejumlah RM1.08 bilion dan RM577 juta untuk pembelian aset.

Di bawah peruntukan pembangunan, sektor ekonomi menerima agihan tertinggi sebanyak RM26.34 bilion. Sektor sosial menerima sejumlah RM11.72 bilion manakala sektor keselamatan diperuntukkan RM5.22 bilion dan sektor pentadbiran am sebanyak RM2.72 bilion.

Bajet 2018 digubal selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ke-11 dan bajet ini merupakan yang ketiga di bawahnya. Bajet 2018 bertemakan, 'Memakmurkan Ekonomi yang Inklusif, Mengimbangi Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Demi Mensejahtera Kehidupan Rakyat Menuju Aspirasi TN50' berasaskan kepada lapan penunjang iaitu:

- (i) merencanakan pelaburan perdagangan dan Industri;
- (ii) menuju aspirasi TN50;
- (iii) mengungguli pembangunan pendidikan latihan dan kemahiran serta bakat;
- (iv) memacu pembangunan inklusif;
- (v) mengutamakan kesejahteraan rakyat dan peluang menjana pendapatan;
- (vi) mempersiapkan revolusi perindustrian keempat dan ekonomi digital dan ekonomi baharu;
- (vii) meningkatkan kecekapan dan penyampaian warga GLC dan penjawat awam; dan
- (viii) mengimbangi *par excellence* duniawi dan *par excellence* ukhrawi.

Penunjang pertama, merancang pelaburan perdagangan dan industri. Kerajaan akan terus menekankan pelaburan berimpak tinggi seperti dalam industri petroleum, logistik, rel, automasi dan robotik serta industri berasaskan eksport. Ini termasuk RM1 bilion kepada lima koridor utama.

Kerajaan akan membangunkan Wilayah Selatan Perak merangkumi pembangunan *Proton City*, *Educity* dan *Youthcity*, Tanjung Malim serta zon bebas cukai Bukit Kayu Hitam, pembinaan

pelabuhan dan kawasan perindustrian Tok Bali, Kelantan serta jalan akses ke Empangan Baleh Sarawak. Galakan cukai bagi *principal hub* dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020. Bagi MIDA pula, diperuntukkan RM200 juta untuk dana strategik berimpak tinggi.

Mengukuh perusahaan kecil dan sederhana. Bajet 2018 menyasarkan supaya syarikat PKS akan menyumbang 41 peratus kepada KDNK menjelang tahun 2020. Antara langkah bagi mengembang PKS adalah seperti berikut:

- (i) RM7 bilion di bawah Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) untuk modal kerja atau sektor perkhidmatan termasuk *industrial revolution 4.0*;
- (ii) peruntukan RM1 bilion di bawah SJPP untuk mengautomasikan proses pengeluaran;
- (iii) tambahan saiz dana serta pembiayaan PKS patuh syariah sebanyak RM1 bilion;
- (iv) RM200 juta bagi program latihan, geran dan pinjaman mudah PKS di bawah SME Corp; dan
- (v) RM82 juta bagi pembangunan industri dan produk halal di pelbagai agensi.

Pembiayaan mikro. Bagi pembiayaan mikro, kerajaan memperuntukkan RM500 juta kepada TEKUN. Selain itu, RM80 juta disediakan di bawah Skim Pembiayaan Ekonomi Desa melalui Bank Rakyat dan SME Bank untuk usahawan bumiputera luar bandar.

Meningkatkan eksport. Eksport negara akan terus dipergiat menerusi langkah berikut:

- (i) RM150 juta kepada MADTRADE, MIDA dan SME Corp bagi melaksanakan promosi dan perluasan pasaran eksport termasuk *Market Development Grant*;
- (ii) RM1 bilion disediakan oleh EXIM Bank bagi kemudahan kredit perlindungan insurans dan RM200 juta untuk kemudahan kredit pembiayaan pengeksport PKS.

Tuan Yang di-Pertua, mempergiatkan sektor pertanian. Bagi sektor pertanian, sebanyak RM6.5 bilion diperuntukkan antaranya:

- (i) RM2.3 bilion bagi bantuan dan insentif seperti baja dan input pengeluaran padi;
- (ii) hampir RM500 juta bagi menambah baik infrastruktur pengairan di kawasan pertanian;
- (iii) hampir RM200 juta bagi program penanaman semula getah;
- (iv) hampir RM140 juta bagi program pembangunan dan penanaman semula kelapa sawit termasuk promosi;
- (v) RM200 juta disediakan bagi inisiatif sumber kekayaan baharu khususnya untuk penanaman jagung bijian, kelapa, durian dan sektor kulineri serta industri tenusu dengan menubuhkan Lembaga Tenusu dan Ruminan;
- (vi) RM50 juta untuk skim khas program peningkatan pengeluaran kelapa melalui pendekatan penanaman semula kelapa variasi baharu dari jenis *careca* dan *matag*; dan

■1200

- (vii) bantuan sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan sementara menunggu hasil tuaian padi dengan peruntukan hampir RM150 juta kepada pesawah padi.

Mempergiat Industri Pelancongan. Tuan Yang di-Pertua, sektor pelancongan merupakan antara penjana pendapatan utama kepada ekonomi negara. Sehubungan dengan itu:

- (i) tahun 2020 disiarkan sebagai Tahun Melawat Malaysia;
- (ii) RM2 bilion diperuntukkan kepada Tabung Pembangunan PKS dengan insentif subsidi kadar faedah dua peratus;
- (iii) menambah RM1 bilion kepada Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan sebagai pinjaman mudah;
- (iv) menyediakan RM500 juta bagi program pembangunan dan promosi melalui kemudahan infrastruktur pelancongan, *homestay* dan program ekopelancongan;
- (v) galakan cukai bagi pelaburan hotel baharu bertaraf empat dan lima bintang dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020;
- (vi) galakan pengecualian cukai pendapatan bagi syarikat pengendali pelancongan dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2020; dan
- (vii) mempromosi Malaysia sebagai hab rawatan kesuburan termasuk IVF dan Kardiologi Asia dengan kemudahan eVisa.

Memacu Sektor Logistik. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan memperkemas infrastruktur logistik dan pengangkutan melalui langkah berikut:

- (i) pembinaan projek *East-Coast Rail Line* (ECRL) yang menghubungkan Pelabuhan Klang ke Pengkalan Kubor, Kelantan;
- (ii) pembinaan projek MRT2 jajaran Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya dan mempercepatkan pembinaan MRT3 atau *Circle Line*;
- (iii) pembinaan projek *high-speed rail* menghubungkan Kuala Lumpur-Singapura sejauh 350 kilometer dalam masa 90 minit dijangka siap menjelang 2026;
- (iv) Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat dari Banting ke Taiping sedang dibina dengan kos RM5 bilion;
- (v) Pulau Pangkor di Perak diisytiharkan sebagai Pulau Bebas Cukai dengan tidak termasuk minuman keras, rokok dan kenderaan bermotor; dan
- (vi) *Special Border Economic Zone* di Bukit Kayu Hitam, Kedah yang turut merangkumi Zon Perindustrian Bebas akan dibangunkan.

Selain itu, kerajaan akan menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi serta membina Lapangan Terbang Mukah dan pembesaran Lapangan Terbang Kota Bharu dan Sandakan.

Memperkukuh Pasaran Kewangan. Tuan Yang di-Pertua, bagi mengukuhkan Malaysia sebagai pusat kewangan yang lebih komprehensif, kerajaan akan melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (i) RM1.5 bilion untuk pinjaman perniagaan yang menggunakan harta intelek sebagai instrumen cagaran dengan jaminan pembiayaan sehingga 80 peratus;
- (ii) RM1 bilion disediakan oleh pelabur institusi utama untuk melabur *venture capital* dalam sektor terpilih;
- (iii) meluaskan pengecualian cukai pendapatan meliputi fi pengurusan dan fi prestasi yang diterima oleh syarikat pengurus *venture capital* mulai tahun taksiran 2018 hingga tahun 2022;
- (iv) syarikat atau individu yang melabur dalam syarikat *venture capital* diberi potongan cukai bersamaan amaun pelaburan yang dibuat di dalam syarikat teroka terhad kepada maksimum RM20 juta setahun; dan
- (v) galakan pengecualian cukai pendapatan yang bersamaan jumlah pelaburan oleh *angel investor* dalam syarikat teroka dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Petunjang Kedua: Menuju Aspirasi TN50. Kerajaan telah memperkenalkan Transformasi Nasional 2050 (TN50) bagi melakar sebuah negara bangsa yang unggul agar Malaysia menjadi 20 negara terbaik di dunia.

Memupuk budaya menyimpan wang untuk generasi TN50. Tuan Yang di-Pertua, bagi memupuk budaya menabung, kerajaan bersama-sama PNB telah bersetuju supaya setiap anak Malaysia yang dilahirkan bermula 1 Januari 2018 sehingga 2022 dihadiahkan Dana Tabungan Permulaan sebanyak RM200 melalui Unit Amanah Saham di PNB. Skim ini akan dinamakan sebagai Amanah Dana Anak Malaysia 2050 atau dikenali sebagai ADAM50.

Pendidikan Untuk Generasi TN50. Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pendidikan bagi generasi TN50, sebanyak RM250 juta disediakan untuk:

- (i) menubuhkan pusat sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia;
- (ii) mempertingkatkan modul *Computer Science* yang termasuk program *Coding* dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah;
- (iii) RM2.2 bilion bagi pemberian biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Kesihatan; dan
- (iv) RM400 juta untuk geran penyelidikan kepada IPTA.

Kerjaya dan Bakat TN50. Tuan Yang di-Pertua, Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) akan diteruskan dengan peningkatan sebanyak 5,000 graduan kepada 25,000 perantis pada tahun hadapan. Syarikat swasta yang mendapat kontrak kerajaan diwajibkan memperuntukkan satu peratus daripada nilai projek kepada pengurusan SL1M.

Pembangunan Sukan. Tuan Yang di-Pertua, RM1 bilion disediakan bagi inisiatif pembangunan sukan meliputi FitMalaysia, Hari Sukan Negara, latihan atlit, program akar umbi dan

Program Pembangunan Bola Sepak Negara. Sebanyak 14 kompleks sukan baharu dengan kos sebanyak RM112 juta akan dibina.

Petunjang Ketiga: Mengungguli Pembangunan Pendidikan, Latihan, Kemahiran dan Bakat. Tuan Yang di-Pertua, untuk sektor pendidikan, RM61.6 bilion disediakan. Ini termasuk RM654 juta bagi pembinaan empat prasekolah, sembilan pusat PERMATA termasuk dua pusat baharu untuk kanak-kanak autisme, 48 buah sekolah rendah, menengah dan kolej vokasional, serta sebuah pusat matrikulasi.

Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah. Sejumlah RM550 juta diperuntukkan kepada Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah dan sejumlah 2.5 bilion bagi tempoh dua tahun untuk membina dan menaik taraf sekolah daif seluruh negara.

Bantuan Persekolahan. Sejumlah RM2.9 bilion diperuntukkan untuk bantuan makanan, buku teks, geran kapita dan biasiswa kecil persekutuan. Bantuan persekolahan RM100 seorang kepada murid sekolah berpendapatan rendah diteruskan dengan peruntukan RM328 juta, memanfaatkan 3.2 juta murid.

Pembiayaan Pengajian Tinggi. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bersetuju untuk melanjutkan diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN sehingga 31 Disember 2018 seperti berikut:

- (i) sebanyak 20 peratus atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman;
- (ii) jumlah 10 peratus untuk bayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada baki hutang dalam sekali bayaran;
- (iii) jumlah 10 peratus untuk bayaran balik melalui potongan gaji atau *direct debit* mengikut jadual; dan
- (iv) tempoh *grace period* pembayaran balik pinjaman dilanjutkan kepada 12 bulan setelah tamat pengajian.

Skim Simpanan Pendidikan 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan budaya menabung untuk pendidikan, geran sepadan RM500 akan diberikan kepada pencarum yang mempunyai jumlah caruman sekurang-kurangnya RM500 di dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional 1Malaysia dan hanya boleh dikeluarkan apabila mencapai usia 18 tahun.

Sejumlah RM250 juta disediakan bagi program ini yang memanfaatkan 500,000 pencarum berumur 7 hingga 12 tahun. Selain itu, tempoh pelepasan cukai pendapatan individu dilanjutkan selama tiga tahun mulai tahun taksiran 2018, terhad kepada RM6,000 bagi simpanan bersih yang dibuat ke dalam skim ini.

Tuan Yang di-Pertua, Petunjang Keempat: Memacu Pembangunan Inklusif. Menyediakan infra rakyat yang berkualiti. Untuk infrastruktur asas terutama di luar bandar, RM6.5 bilion disediakan antaranya:

- (i) RM2 bilion untuk projek Lebuhraya Pan-Borneo;
- (ii) RM1.1 bilion untuk Projek Mesra Rakyat seperti menaik taraf jambatan, lampu jalan kampung, surau serta pasar;
- (iii) RM1 bilion diperuntukkan bagi membangunkan infrastruktur komunikasi serta kemudahan jalur lebar di Sabah dan Sarawak;

- (iv) RM934 juta untuk projek jalan luar bandar termasuk hampir RM500 juta untuk Sabah dan Sarawak;
- (v) RM672 juta untuk bekalan elektrik terutama di Sabah dan Sarawak; dan
- (vi) RM420 juta disediakan bagi bekalan air bersih.

■1210

Sebahagian daripada projek rakyat *centric* ini akan dilaksanakan melalui inisiatif pembiayaan swasta.

National-Blue Ocean Shift (NBOS), sebanyak RM300 juta di peruntukan untuk program NBOS termasuk pembinaan UTC baharu *Blue Ocean Entrepreneurs Townships* (BOETs), Mobile CTC, Program Keusahawanan, *Global Entrepreneurship Community* serta Usahawan Sosial yang *inclusive* dan *vibrant*.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan dan ketenteraman awam. Kerajaan memperuntukkan lebih RM14 bilion untuk Angkatan Tentera Malaysia, hampir RM9 bilion untuk Polis Diraja Malaysia dan lebih RM900 juta kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia atau APMM. Program utama yang akan dilaksanakan merangkumi:

- (i) RM3 bilion untuk pembelian dan penyelenggaraan aset pertahanan;
- (ii) RM720 juta untuk pembinaan 11 ibu pejabat dan enam balai polis serta pembelian kelengkapan senjata api dan kenderaan operasi, manakala RM170 juta untuk menaik taraf peralatan ICT termasuk Sistem 1 PDRM Net;
- (iii) RM490 juta kepada APMM untuk baik pulih dan selenggara kapal, menaik taraf jeti serta pembelian tiga kapal peronda; dan
- (iv) RM250 juta kepada ESSCOM bagi mempertingkatkan kawalan keselamatan di kawasan sempadan Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Transformasi Kesejahteraan Bumiputera. Kerajaan akan terus memastikan agenda pemerikasaan bumiputera menjadi agenda nasional, kerajaan memperuntukkan lebih RM3.5 bilion bagi inisiatif seperti berikut:

- (i) RM2.5 bilion untuk biasiswa pengajian dan latihan di bawah MARA;
- (ii) RM90 juta bagi program peneraju profesional SKILL dan TUNAS memanfaatkan hampir 8,000 orang; dan
- (iii) RM150 juta di peruntukan kepada pelaburan Harta Tanah Berhad dan RM150 juta kepada EKUINAS.

Tuan Yang di-Pertua, Orang Asli. Program pembangunan bersepadu perkampungan orang asli diteruskan peruntukan sebanyak RM60 juta. Sebagai insentif kepada anak orang asli yang berjaya kerajaan akan memberi bantuan sebanyak RM3,000 kepada ibu bapa sebagai perbelanjaan persediaan anak-anak mereka memasuki IPT.

Tuan Yang di-Pertua, Wanita dan Kesejahteraan Keluarga. Bagi pembangunan wanita, kerajaan mengumumkan 2018 sebagai tahun memperkasa wanita dengan melaksanakan perkara-perkara berikut:

- (i) mewajibkan sekurang-kurangnya 30 peratus wanita dalam keahlian Lembaga Pengarah GLC dan GLIC serta Badan Berkanun sebelum akhir tahun 2018;
- (ii) mencadangkan tempoh cuti bersalin mandatori untuk sektor swasta di naikkan daripada 60 hari ke 90 hari seperti yang telah dilaksanakan oleh Perkhidmatan Awam; dan
- (iii) menggalakkan golongan wanita kembali bekerja, layanan pengecualian cukai pendapatan individu disediakan ke atas pendapatan yang diperolehi dalam tempoh 12 bulan berturut-turut kepada mereka selepas tempoh sekurang-kurangnya dua tahun berhenti daripada pekerjaan. Pengecualian ini layak dituntut bagi tahun taksiran 2018 hingga 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk minum sedikit. Terima kasih Tuan Yang di Pertua. Penunjang kelima mengutamakan kesejahteraan rakyat dan peluang menjana pendapatan rakyat.

Kerajaan terus komited dalam mewujudkan peluang pekerjaan serta menjana pendapatan rakyat melalui langkah-langkah berikut:

- (i) RM100 juta untuk memperluas program eRezeki, eUsahawan dan e-Ladang di bawah MDEC;
- (ii) menyediakan pinjaman mudah sebanyak RM120 juta kepada 1,000 Usahawan *Food Truck 1Malaysia* dengan subsidi kadar faedah empat peratus;
- (iii) RM60 juta untuk Program 1 Azam, termasuk RM10 juta untuk Sabah dan RM10 juta untuk Sarawak; dan
- (iv) RM25 juta untuk Program Motosikal Tiga Roda, di bawah FAMA. Program *Mobilepreneur*, Giat Mara dan Program MYAGROSIS.

Meningkatkan pendapatan boleh guna- *disposable income*. Tuan Yang di-Pertua bagi meningkatkan pendapatan boleh guna, kerajaan akan meneruskan program BR1M yang akan memanfaatkan tujuh juta penerima dengan kadar maksimum sehingga RM1,200. Selain itu, kerajaan bercadang mengurangkan kadar cukai pendapatan individu pemastautin dua mata peratusan bagi banjaran pendapatan bercukai antara RM20 ribu hingga RM70 ribu. Langkah ini akan meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat antara RM300 sehingga RM1,000 dengan lebih 261 orang kini tidak perlu lagi membayar cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan RM3.9 bilion disediakan untuk subsidi barangan dan pengangkutan termasuk gas memasak, tepung, minyak masak, subsidi elektrik dan tol. Kedai Rakyat 1 Malaysia pula akan di struktur semula sebagai KR1M 2.0 yang akan menyediakan lima barang keperluan asas dengan harga rendah iaitu, beras, gula, minyak masak, tepung dan LPG. Di samping itu, 50 jenis barangan pengguna berjenama dijual pada harga lebih rendah daripada pasaran. Selain itu, kerajaan akan membangunkan Agro Bazaar Malaysia dengan peruntukan RM20 juta di Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua, mulai 1 Januari 2018, kerajaan telah bersetuju untuk memansuhkan kutipan tol di Batu Tiga, Shah Alam dan Sungai Rasa di Selangor, Bukit Kayu Hitam di Kedah dan di *Eastern Dispersal Link*, Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Skim Persaraan 1 Malaysia. Bagi menggalakkan simpanan persaraan, kerajaan akan meningkatkan sumbangan terhadap caruman kepada 15 peratus tertakluk kepada maksimum RM250 setahun ke dalam Skim Persaraan 1 Malaysia di bawah KWSP. Sumbangan ini akan bermula dari tahun 2018 hingga tahun 2022.

Pembantu Rumah Asing, bagi mengurangkan kos mengambil pembantu rumah, kerajaan memberi pilihan kepada majikan untuk mengambil pembantu rumah asing secara langsung daripada sembilan negara sumber tanpa melalui ejen. Seterusnya majikan boleh memohon visa pembantu rumah daripada Jabatan Imigresen Malaysia secara *online* dengan bayaran levi dan fi pemprosesan seperti kadar sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Perumahan. Mengenai perumahan pula, kerajaan akan merencanakan lagi usaha pemilikan rumah untuk rakyat dengan peruntukan RM2.2 bilion seperti berikut:

- (i) 17,300 unit rumah projek perumahan rakyat;
- (ii) 3,000 unit rumah Program Rumah Mesra Rakyat di bawah SPNB;
- (iii) 210,000 unit rumah di bawah program PRIMA yang berharga RM250 ribu ke bawah, untuk ini RM1.5 bilion di peruntukan bagi tempoh dua tahun;
- (iv) 25,000 unit rumah akan disiapkan pada tahun hadapan di bawah PPA1M, Projek Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia dan 128,000 unit lagi di bawah pelbagai peringkat pelaksanaan;
- (v) 600 unit di bawah Program *My Beautiful New Home* atau *MyBNHome* untuk isi rumah B40 antaranya, di Terengganu, Pahang, Melaka, Johor, Sabah, Sarawak dan kawasan-kawasan Orang Asli;
- (vi) 2,000 unit rumah di bawah Program *MyDeposit* untuk membantu pembayaran deposit dan program *MyHomes* untuk pemaju menyediakan lebih banyak rumah mampu milik; dan
- (vii) RM200 juta untuk penyelenggaraan dan pembaikan rumah termasuk tabung penyelenggaraan 1 Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kerajaan mengumumkan pengecualian cukai ke pendapatan sewaan rumah kediaman sebanyak 50 peratus bagi pendapatan sewa sehingga RM2,000 sebulan kepada individu rakyat Malaysia yang bermastautin di Malaysia. Pengecualian ini diberi bermula dari tahun taksiran 2018 hingga 2020. Kerajaan juga akan menggubal akta sewaan rumah kediaman untuk melindungi penyewa dan pemilik rumah.

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan. Bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, kerajaan memperuntukkan hampir RM27 bilion meliputi:

- (i) RM2.5 bilion bagi bekalan ubat-ubatan dan RM1.6 bilion untuk barangan *consumable* dan sokongan perubatan;

- (ii) RM1.4 bilion bagi menaik taraf dan menyelenggarakan fasiliti kesihatan, peralatan perubatan dan ambulan;
- (iii) RM50 juta ringgit untuk bantuan hemodialisis dengan subsidi RM100 daripada keseluruhan kos RM110 setiap sesi rawatan, mulai 2018, pesakit berdaftar hanya perlu membayar RM10 sahaja bagi setiap sesi rawatan.

■1220

- (iv) RM10 juta untuk menampung kos perubatan bagi rawatan *rare diseases* dan kelima, sejumlah RM50 juta di peruntukan kepada *Voluntary Health Insurance Scheme* untuk memperkasa sektor kesihatan.

Selanjutnya, kerajaan akan membina hospital dan wad baharu meliputi:

- (i) dua blok wad wanita dan kanak di Hospital Tengku Ampuan Afzan dan Hospital Putrajaya dengan kapasiti 300 katil setiap satu dengan kos RM1 bilion;
- (ii) Pusat kanser di Sungai Petani dengan kos RM500 juta dengan kapasiti 200 buah katil;
- (iii) blok klinik pakar dan wad baharu di Hospital Pulau Pinang berkapasiti 300 buah katil dengan kos RM500 juta; dan
- (iv) pusat perkhidmatan perubatan forensik bertaraf antarabangsa di Hospital Kuala Lumpur dengan kos RM380 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Cukai barang dan perkhidmatan (GST). Berkaitan GST pula, bagi terus menambah baik pelaksanaannya kerajaan mencadangkan:

- (i) semua pembekalan perkhidmatan oleh PBT tidak dikenakan GST, berkuat kuasa mulai 1 April 2018 atau 1 Oktober 2018 berdasarkan pilihan PBT;
- (ii) layanan GST berkadar sifar ke atas bahan bacaan di seragam dan di perluas meliputi semua jenis majalah, komik, jurnal dan terbitan berkala mulai 1 Januari 2018;
- (iii) operator kapal persiaran diberi pelepasan GST ke atas perkhidmatan pengendalian yang dibekalkan oleh operator pelabuhan di Malaysia. Pelepasan ini bermula 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2020;
- (iv) pelepasan GST sepenuhnya diberikan ke atas perkhidmatan pembinaan bangunan sekolah dan rumah ibadat yang dibiayai melalui sumbangan derma yang diluluskan. Pelepasan ini berkuat kuasa bagi kontrak perkhidmatan pembinaan yang ditandatangani mulai 1 April 2017;
- (v) pelepasan GST diberikan atas pengimportan peralatan berkaitan industri minyak dan gas di bawah satu perjanjian pajakan dibekalkan, oleh syarikat yang berada di kawasan ditetapkan iaitu Labuan, Langkawi dan Tioman kepada pelanggan di Malaysia mulai 1 Januari 2018,

- (vi) pelepasan GST diberi ke atas pengimportan *big ticket item* seperti kapal terbang, kapal laut oleh syarikat penerbangan dan perkapalan yang berdaftar di Malaysia. Pelepasan GST turut diberikan kepada syarikat di dalam industri minyak dan gas yang mengimport pelantar minyak atau struktur terapung. Langkah ini bermula 1 Januari 2018; dan
- (vii) perkhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan bangunan kediaman berstrata yang dibekalkan oleh badan pengurusan bersama dan perbadanan pengurusan yang kini tidak dikenakan GST diperluaskan untuk meliputi perkhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan yang dibekalkan oleh pemaju perumahan mulai 1 Januari 2018.

Tuan Yang di-Pertua, pe-tunjang keenam. Mempersiapkan Revolusi Perindustrian Keempat dan ekonomi digital. Revolusi Industri 4.0. Sebagai menyokong aktiviti pelaburan dan perniagaan *Industrial Revolution 4.0*, kerajaan akan menyediakan geran sempadan sebanyak RM245 juta di bawah Dana Strategik Pelaburan Domestik bagi menaik taraf kemudahan *smart manufacturing*. *Futurize Centre* di Cyberjaya akan diperkukuhkan bagi pusat sehenti syarikat korporat dan universiti untuk membangunkan prototaip produk serta melonjakkan daya inovasi. Berkait ini kerajaan memberikan galakan cukai seperti berikut:

- (i) melanjutkan tempoh insentif Elaun Modal Dipercepatkan sebanyak 200 peratus ke atas kelengkapan automasi dari tahun taksiran 2018 sehingga 2020;
- (ii) galakan Elaun Modal Dipercepatkan sebanyak 200 peratus untuk sektor pengilangan dan perkhidmatan berkaitan pengilangan; dan
- (iii) Elaun modal bagi peralatan ICT termasuk perbelanjaan pembangunan perisian komputer layak dituntut sepenuhnya mulai tahun taksiran 2018 sehingga 2020.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan lestari. Untuk memastikan pembangunan yang lestari langkah berikut akan dilaksanakan:

- (i) RM5 bilion disediakan di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau;
- (ii) melaksanakan Program *Non-Revenue Water* dengan kos RM1.4 bilion dan membina *off-river storage* dengan kos RM1.3 bilion; dan
- (iii) RM517 juta disediakan untuk rancangan tebatan banjir di seluruh negara.

Digital Free Trade Zone. Malaysia bakal memiliki *Digital Free Trade Zone*, merangkumi *e-Fulfillment Hub*, *Satellite Services Hub* dan *e-Service Platform* bagi melonjakkan negara dalam perdagangan elektronik dengan menjadikan KLIA sebagai *gateway* serantau. Fasa pertama di FTZ menyasarkan penyertaan 1,500 PKS dalam ekonomi digital dan dijangka menarik pelaburan sebanyak RM700 juta dengan mewujudkan 2,500 peluang pekerjaan. Untuk tujuan ini:

- (i) RM83.5 juta di peruntukan bagi membiayai penyediaan infrastruktur fasa satu di FTZ di Aeropolis KLIA; dan
- (ii) nilai *de minimis* bagi import dinaikkan dari RM500 ke RM800 untuk menjadikan Malaysia sebagai *hub e-commerce* serantau.

Tuan Yang di-Pertua, pe-tunjang ketujuh. Meningkatkan kecekapan dan penyampaian GLC dan perkhidmatan awam. Meningkatkan kecekapan dan penyampaian GLC. Selaras dengan falsafah pembangunan *growth with equity*, Malaysia berhasrat mencapai pertumbuhan ekonomi yang kukuh dengan pengagihan hasil ekonomi yang lebih saksama kepada rakyat. Bagi tujuan ini, syarikat GLC akan merintis teladan kepada sektor korporat melalui KPI bagi meningkatkan nisbah pampasan pekerja selaras dengan pertumbuhan produktiviti seperti berikut:

- (i) meningkatkan pengagihan keuntungan kepada pekerja seperti menerusi bayaran gaji dan elaun secara berperingkat;
- (ii) menambah baik *flexible work arrangements* melalui pengubahsuaian waktu bekerja mingguan, waktu kerja anjal dan kerja separa masa;
- (iii) GLC akan menyediakan taska di pejabat utama dan kemudahan pengurangan waktu bekerja untuk pekerja wanita yang mengandung; dan
- (iv) meningkatkan pelaburan dalam latihan khususnya melaksanakan kursus kemahiran digital untuk pekerja dan bantuan penyelidikan untuk anak-anak pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, mengutamakan kebajikan warga emas, OKU dan kanak-kanak. Berkaitan dengan kebajikan untuk warga emas, OKU dan kanak-kanak bantuan sebanyak RM1.7 bilion disediakan. Selain itu, langkah berikut akan dilaksanakan:

- (i) menaikkan elaun warga emas, RM50 menjadi RM350 sebulan. memanfaatkan hampir 144,000 orang dengan peruntukan RM603 juta; dan
- (ii) menaikkan elaun OKU yang bekerja, tidak bekerja dan penjaga OKU sebanyak RM50 sebulan. Memberi manfaat kepada lebih 165,000 orang dengan peruntukan RM100 juta.

Tuan Yang di-Pertua, pe-tunjang kelapan. Mengimbangi *par excellence* duniawi dan *par excellence* ukhrawi. Kerajaan menyasarkan Malaysia akan menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020 dengan nilai KDNK mencecah RM2 trilion pada tahun 2025 dan seterusnya *insya-Allah* negara ini bakal tersenarai dalam gelanggang kelompok 20 negara termaju lagi terbaik di dunia.

Institut Penyelidikan Sosioekonomi (SERI). Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan mewujudkan Institut Penyelidikan Sosioekonomi (SERI) di bawah Jabatan Perdana Menteri dan menaik taraf KITA-UKM ataupun Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai institusi kebangsaan. SERI berperanan mengkaji dan menilai keberkesanan dasar serta pelaksanaan program yang juga projek pembangunan negara terhadap rakyat. Manakala, KITA menyelaras penyelidikan sosioekonomi peringkat negara dan mewujudkan indeks pembangunan sosial negara.

Penjawat awam. Tuan Yang di-Pertua, demi menghargai sumbangan para penjawat awam, kerajaan akan melaksanakan inisiatif berikut:

- (i) kenaikan pangkat *time based* kali kedua bagi kumpulan pelaksana untuk tempoh 13 tahun selepas kenaikan kali pertama;
- (ii) penjawat awam yang dibersarakan atas sebab kesihatan akan menerima faedah persaraan seolah-olah pegawai itu berkhidmat sehingga umur persaraan wajib;
- (iii) membenarkan gantian cuti rehat lebih melebihi 150 hari digunakan sebagai cuti rehat pada tahun persaraan;
- (iv) kemudahan tujuh hari tanpa rekod sepanjang tempoh perkhidmatan bagi menunaikan umrah;

■1230

- (v) kerajaan akan menambah satu lagi Waktu Kerja Berperingkat iaitu bermula jam 9 pagi hingga 6 petang.
- (v) penjawat awam wanita yang mengandung lima bulan ke atas bersama suami yang bekerja kerajaan dan di lokasi berdekatan dibenarkan pulang lebih awal sejam. Selain itu kelayakan cuti bersalin ditingkatkan daripada 300 hari kepada 360 hari sepanjang perkhidmatan, tertakluk kepada maksimum 90 hari setahun.
- (vi) menaikkan kadar pencen terendah kepada RM1,000 sebulan melibatkan lebih 50 ribu pesara awam, dengan sekurang-kurangnya 25 tahun tempoh perkhidmatan; dan
- (vii) pemanjangan kemudahan perubatan untuk ibu dan bapa kepada pesara Kerajaan.

Kesemua langkah di atas berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018.

Komuniti dan kejiwaan Tuan Yang Dipertua- mohon izin minum sedikit lagi... [*Meneguk sedikit air*] Kerajaan amat menghargai bakti ketua kampung serta Tok Batin, untuk itu kerajaan mengumumkan bayaran khas *One-Off* sebanyak RM1500 melibatkan 9800 orang. RM1000 akan dibayar pada Januari 2018 dan RM500 menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Kerajaan akan meneruskan pemberian geran Komuniti Penduduk 1Malaysia sehingga RM10,000 kepada persatuan penduduk yang berdaftar dengan peruntukan RM40 juta. Melaksanakan program latihan dalam komuniti oleh GiatMara khususnya di 50 kawasan Projek Perumahan Rakyat untuk fasa pertama dengan peruntukan RM40 juta. Memartabatkan syiar Islam dan pengutuhan jati insan.

Tuan Yang Dipertua, selain peruntukan RM588 juta bagi bayaran elaun bulanan kepada imam, bilal, guru KAFA dan guru takmir yang diterima selama ini, untuk lebih menghargai mereka termasuk 'Tok Siak', kerajaan sukacita mengumumkan Bayaran khas *one-off* sebanyak RM1,500 kepada mereka. RM1000 dibayar pada Januari 2018 dan RM500 lagi menjelang Hari Raya Aidilfitri, memanfaatkan lebih 65,000 orang dengan peruntukan hampir RM100 juta. Bayaran khas sebanyak RM1500 kepada semua penjawat awam iaitu pemberian RM1000 pada awal Januari 2018 dan RM500 menjelang Hari Raya Aidilfitri tahun hadapan.

Penutup, Tuan Yang di-Pertua sebagai kesimpulannya adalah diharapkan segala perancangan dan langkah-langkah Bajet 2018 dapat direalisasikan dan dilaksanakan dengan cekap demi meneruskan agenda pembangunan negara seterusnya memastikan kesejahteraan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan, sekian *Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ucapan yang panjang dan padat, berisi dan meyakinkan. Sekarang sila penyokong.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Di sini saya ada lebih kurang sembilan orang yang telah memberi nama untuk berbahas. Pertama sekali Ahli Yang Berhormat kita ialah Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin dipersilakan... [*Melihat ke tempat duduk YB Senator Khairudin bin Samad*] Tidak ada, dia minta pula tadi- Yang Berhormat Senator Engku Naimah binti Engku Taib.

12.34 tgh.

YBM. Engku Naimah binti Engku Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam sehati sejiwa dan salam NegaraKu Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kesempatan dan ruang kepada saya untuk turut sama dalam perbahasan Rang Undang-undang Bajet 2018.

Saya merafakkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmatNya saya dapat turut serta dalam perbahasan Bajet 2018 ini. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat Baginda sekalian kerana sesungguhnya dalam diri Rasulullah SAW itu terdapat teladan yang baik iaitu *uswah, hasanah* iaitu sebaik-baik ikutan dan amalan kehidupan harian kita sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah Al-Azhab ayat ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia selaku Menteri Kewangan yang telah mengemukakan Bajet 2018 pada hari Jumaat yang berkat, 27 Oktober 2017 yang baru lalu. Sesungguhnya Bajet 2018 yang dibentangkan ini adalah merupakan bajet yang paling inklusif dan konklusif pernah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia yang merupakan bejat ke-59 yang pernah dibentangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan bajet kesembilan yang pernah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji

Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia.

Bajet 2018 ini paling inklusif dan konklusif. Bajet ini juga menghargai semua wanita di sektor awam dan sektor swasta serta semua lapisan masyarakat termasuklah warga emas, pekerja swasta, para penjawat awam, polis dan tentera, petani, nelayan, pekebun kelapa, pesawah dan peladang juga. Malah Bajet 2018 ini tidak meninggalkan dan mengetepikan sesiapa dan menunaikan setiap janji seperti bajet yang disiarkan pihak tertentu yang menjanjikan bulan dan bintang sedangkan menyedari ianya tidak dapat dilaksanakan ibarat bagai menanam tebu di tepi bibir mulut.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2018 ini merupakan keluhuran dan keikhlasan kerajaan dengan mengemukakan bajet dengan pendekatan Maqasid Syariah iaitu demi kepentingan agama- *ad-din*; nyawa atau jiwa- *al-nafs*; akal- *al-aql*; keturunan- *an-nas*; serta harta- *al-mal* sebagai elemen penting asas kehidupan yang berkualiti.

Bajet ini ialah bajet berhemah serta berpandangan jauh kerana mengambil kira dan membahagikan peruntukan ini mengikut *addho'ruriyat*, kepentingan seperti yang dinyatakan dalam Surah Al-Mumtahanah, ayat ke-12; dan *addho'ruriyat* serta *tahsiniyat*, penghias sebagai mana dinyatakan dalam Surah Al-Hajj dan hadis riwayat Ahmad yang akhirnya adalah demi kebahagiaan dan kejayaan, kerahmatan, keredaan Allah bagi kehidupan di dunia, ukhrawi dan akhirat.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2018 ini adalah merupakan peruntukan bajet yang tertinggi pernah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak sebagai Perdana Menteri berbanding dengan peruntukan bajet yang sebelum ini. Bajet 2018 ini memperuntukkan sebanyak RM280.25 bilion dengan peruntukan sebanyak RM234.25 bilion atau 83.58 peratus untuk perbelanjaan mengurus dan RM46 bilion atau 16.42 peratus. Ini jelas membuktikan ekonomi negara terus mengukuh dan mampan dengan pertumbuhan ekonomi dijangka pada kadar 5.7 peratus.

Begitu juga unjuran KDNK negara telah dinaikkan oleh badan penarafan antarabangsa tertinggi di dunia dari 4.9 peratus kepada 5.2 peratus bagi tahun 2017. Tambahan pula kerajaan menjangkakan kutipan hasil negara Persekutuan akan mencecah sebanyak RM239.86 bilion bagi tahun 2018 ini. Maka inilah yang dinamakan kerajaan yang bijaksana dan bertanggungjawab bukan sekadar sesetengah pihak yang hanya pandai menabur janji palsu.

Bajet 2018 ini adalah bajet yang berpandangan jauh dengan bertemakan, "Memakmur Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbang Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Demi Mensejahtera Kehidupan Rakyat Menuju Aspirasi TN50"

■1240

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri kerana sepanjang tahun 2017 ini telah mencapai kejayaan antaranya, telah mencapai sasaran 60 peratus untuk mewujudkan sebanyak 3.3 juta peluang pekerjaan menjelang tahun 2020, mencapai jumlah eksport negara tertinggi sebanyak RM80 bilion dan rizab antarabangsa terkini telah mencatat

USD101.4 bilion atau RM428.7 bilion. Saya mengalu-alukan Bajet 2018 ini berasaskan lapan petunjang yang telah pun disebutkan oleh Menteri sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Kementerian Pendidikan. Pertamanya, saya ingin menyentuh berhubung dengan pendidikan. Bidang pendidikan ini bagi saya dekat sangat di hati kerana saya pernah bertugas sebagai guru selama 35 tahun.

Saya ingin mengucapkan tahniah pada kerajaan yang sentiasa komited dan prihatin dalam bidang pendidikan dengan peruntukan bagi tahun 2018 ini berjumlah RM61.6 bilion yang disediakan untuk sektor pendidikan ini. Kementerian Pendidikan mendapat peruntukan sebanyak RM45.96 bilion, dengan RM44.51 bilion untuk belanja mengurus dan RM1.45 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

Berhubung dengan Kementerian Pendidikan ini, saya mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah menyediakan bajet Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah bagi Bajet 2018 ini. Sejumlah RM550 juta bagi pembaikan sekolah kebangsaan, SJKC, SJKT dan sebagainya. Memandangkan kebanyakan sekolah agak daif dan kurang selamat seperti kerosakan bumbung dan pendawaian, saya berharap Kementerian Pendidikan akan turut membaiki sekolah-sekolah di Terengganu yang bukan sahaja di mamah usia, tetapi juga kerosakan kerana ancaman banjir saban tahun.

Berhubung dengan Kementerian Pendidikan ini juga, saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung cadangan kerajaan bagi penstrukturan Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah, Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan bagi membangunkan kompetensi dan potensi menjadi pendidik termasuklah memperkasakan, menambah baik lebih 200 jawatan kepimpinan utama KPM. Peruntukan Bajet 2018 termasuk RM654 juta bagi pembinaan empat prasekolah, sembilan pusat PERMATA termasuk dua pusat baharu untuk kanak-kanak autisme dan lain-lain.

Saya ingin membangkitkan tentang kekurangan kesedaran di kalangan ibu bapa tentang autisme. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan, berapa ramaikah kanak-kanak autisme yang terdapat di negara ini? Apakah langkah kerajaan untuk merawat kanak-kanak autisme ini supaya mereka hidup sebagai kanak-kanak normal? Apakah peluang pendidikan kanak-kanak autisme di Malaysia dan sejauh manakah kejayaannya?

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Tinggi. Berhubung dengan Kementerian Pendidikan Tinggi ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang mendapat peruntukan sebanyak RM13.9 bilion dalam Bajet 2018 ini, iaitu RM10.96 bilion untuk belanja mengurus dan RM2.93 bilion untuk belanja pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pendidikan tinggi ini, saya ingin membangkitkan tentang pencapaian cemerlang pelajar-pelajar dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2016, seramai 8,647 orang daripada 434,535 orang atau 2.13 peratus calon SPM tahun 2016 memperoleh semua A, A+, A dan A- dalam semua mata pelajaran. Keputusan yang membanggakan ini membolehkan kerajaan merangka dan memperkenalkan program yang lebih sesuai kepada pelajar cemerlang ini umpamanya program ijazah berkembar, kombinasi pengajian Islam dan sains, kejuruteraan dan teknologi. Sehubungan dengan itu, adalah penting bagi

universiti awam seperti UniSZA, USIM, UIA dan UM menyediakan program asasi yang sesuai bagi membolehkan pelajar mengikuti program ijazah berkembar termasuklah pelajar-pelajar Ulul Albab.

Berhubung dengan pendidikan tinggi juga, saya menyarankan peruntukan sebanyak RM2.2 bilion bagi pemberian biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) disalurkan juga untuk pelajar-pelajar yang mungkin akan mengikuti program ijazah berkembar terutama pelajar-pelajar Ulul Albab yang dipelopori sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi.

Berhubung dengan pendidikan tinggi, saya ingin menyentuh berhubung dengan kementerian yang mendapat peruntukan sebanyak RM13.9 bilion dalam Bajet 2018 ini. Ini sesuai dengan pencapaian dan peningkatan pendidikan tinggi negara. Antaranya, kelima-lima universiti penyelidikan Malaysia telah tergolong dalam 300 universiti terbaik dunia. Tahniah diucapkan. Malah *Universitas 21* juga telah meletakkan sistem pendidikan tinggi Malaysia di tangga ke-25 yang sebelum ini kedudukannya di tangga ke-36 pada enam tahun lalu. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada KPT di atas pencapaian yang membanggakan ini. Bagaimanapun, saya berharap kerajaan akan memastikan 15 buah universiti awam turut tersenarai dalam kelompok 500 universiti terbaik dalam *QS World University Rankings*.

Pada masa kini, bilangan pelajar asing yang menuntut di negara ini telah mencecah 134,000 orang. Dari satu sudut, ia adalah baik kerana Malaysia menjadi hab pendidikan tinggi serantau. Namun saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah langkah kerajaan bagi memastikan pelajar tempatan atau pelajar negara ini turut mendapatkan peluang dan tempat untuk mengikuti pengajian di IPT atau IPTS yang ternama dan terbaik ini. Adakah kerajaan berhasrat untuk memperkenalkan program ijazah berkembar dan penyediaan program asasi yang sesuai kepada pelajar-pelajar cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih dari ramai mahasiswa-mahasiswi yang memberikan maklum balas positif bagi skim bantuan baucar buku sebanyak RM250 di mana skim ini telah ditambah baik. Saya berharap kerajaan akan menimbangkan untuk menaikkan lagi jumlah baucar buku ini dan saya ingin mencadangkan pemberian baucar buku ini diberikan dua kali setahun mengikut semester atau separuh di semester pertama dan separuh lagi di semester kedua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan pembiayaan pengajian tinggi khususnya pelajar-pelajar Malaysia di luar negara yang menghadapi masalah tunggakan yuran pengajian terutamanya pelajar Malaysia di Mesir dan di Jordan. Sebelum ini, dilaporkan beberapa orang pelajar Malaysia yang telah menamatkan pengajian di Universiti Al-Azhar, Mesir dan Jordan *University of Science and Technology*, Jordan telah menamatkan pengajian tetapi tidak dapat menerima ijazah kerana mempunyai tunggakan yuran pengajian di antara RM24,000 hingga RM28,800.

Laporan juga mengatakan seramai 150 pelajar Malaysia di Mesir gagal membayar yuran pengajian antara satu hingga dua tahun yang berjumlah keseluruhan RM4.5 juta. Saya difahamkan delegasi dari KPT telah pun dihantar ke Mesir bagi mendapatkan maklumat lebih terperinci. Saya

ingin mendapatkan penjelasan, apakah kedudukan tunggakan yuran pengajian pelajar-pelajar Malaysia di luar negara ini? Apakah langkah kerajaan bagi membantu pelajar-pelajar ini untuk menyelesaikan tunggakan yuran pengajian?

Selain pelajar di Mesir, terdapat tiga orang pelajar yang telah menamatkan pengajian di *Jordan University of Science and Technology*, Jordan telah menamatkan pengajian pada Jun 2016 tetapi tidak mendapat transkrip peperiksaan. Saya difahamkan kerana mempunyai tunggakan yuran antara 5,000 Dinar hingga 5,500 Dinar yang bersamaan RM30,000 sehingga RM35,000. Di antaranya ialah Rozaili Aswan Che Sub dari Seberang Perai yang telah menamatkan pengajian jurusan perubatan tetapi tidak dapat meneruskan untuk mengikuti *houseman* kerana ketiadaan transkrip peperiksaan kerana mempunyai tunggakan yuran pengajian sebanyak RM35,000. Beliau adalah pemegang biasiswa JPA, tetapi terpaksa melanjutkan pengajian dari enam tahun ke tujuh tahun.

■1250

Seterusnya, saya ingin menyentuh berhubung dengan pembiayaan pengajian tinggi PTPTN. Saya ingin mendapat penjelasan, berapa jumlah kutipan bayaran balik dalam tempoh tiga tahun - 2015, 2016, 2017 terkini berbanding pinjaman yang telah dikeluarkan? Berapa ramaikah pelajar IPTA dan IPTS yang mendapat pengecualian bayaran balik kerana mendapat keputusan cemerlang ijazah sarjana muda kelas pertama bagi tempoh berkenaan?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh Kementerian Belia dan Sukan. Bajet 2018 ini memberikan fokus yang khusus kepada generasi TN50 yang bermatlamat untuk menjadikan Malaysia dalam 20 buah negara terbaik di dunia menjelang 2050. Bajet 2018 menyediakan pusat jagaan kanak-kanak, memupuk semangat menyimpan di kalangan generasi TN50 dan peruntukan RM250 juta untuk pendidikan generasi TN50 seperti Pusat Sains, Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM), mempertingkatkan modul *Computer Science* yang termasuk program *Coding* dan peruntukan sebanyak RM190 juta untuk menaik taraf 2,000 buah kelas menjadikan bilik darjah pintar pembelajaran abad ke-21. Saya juga mengalu-alukan dana tabung permulaan sebanyak RM200 melalui unit Amanah Saham di PNB dan Amanah Saham Anak Malaysia 2015 (ADAM50). Saya percaya skim ini akan membantu dan memberi manfaat kepada anak-anak di luar bandar dan golongan B40.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kepada *Allah SWT* kerana kerajaan sentiasa komited untuk meningkatkan tahap kesihatan rakyat dan kualiti penjagaan kesihatan di negara ini dengan peruntukan sebanyak RM26.58 bilion pada tahun 2018 ini. Bagi Bajet 2018 ini kerajaan memperuntukkan sebanyak RM2.5 bilion untuk bekalan ubat dan RM1.6 bilion untuk barangan *consumables* atau sokongan perubatan. Saya berharap dengan peruntukan ini masalah yang dihadapi oleh pesakit seperti bekalan ubat yang terhad antara mendapat bekalan satu atau dua minggu sahaja berbanding dahulu terus dibekalkan ubat untuk sebulan dapat diatasi segera. Begitu juga terdapat bekalan ubat yang ditukar jenisnya, mohon penjelasan kerajaan, khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), berhubung dengan isu bekalan ubat ini.

Berhubung dengan kesihatan ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan industri pelancongan kesihatan. Saya ingin mendapat penjelasan setakat manakah sambutan dan

kejayaan industri pelancongan kesihatan di negara ini. Apakah bidang-bidang kesihatan yang mendapat sambutan dari pelancong asing?

Seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan pusat hemodialisis. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM40 juta sebagai menggalakkan pembukaan lebih banyak pusat hemodialisis bagi tahun 2017 ini. Dalam masa yang sama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta bagi bantuan hemodialisis. Saya ingin mendapatkan penjelasan, berapa ramai pesakit buah pinggang yang mendapat rawatan hemodialisis di seluruh negara sama ada di hospital kerajaan atau klinik swasta? Nyatakan langkah kerajaan bagi memastikan setiap pesakit mendapat rawatan hemodialisis yang sempurna. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan, bagaimanakah *voluntarily health insurance scheme* yang dijalankan dan sejauh manakah dapat membantu pesakit kronik?

Berhubung dengan kesihatan ini, saya juga ingin menyentuh tentang perkhidmatan audiologi yang terdapat di hospital kerajaan. Perkhidmatan ini diperlukan oleh kanak-kanak, remaja dewasa dan orang tua. Perkhidmatan audiologis amat diperlukan di hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan kerajaan tetapi pengambilannya dalam perkhidmatan kerajaan dikatakan amat terhad. Oleh itu, saya ingin mendapat tahu bilangan audiologis dan pakar audiologis yang berkhidmat di hospital dan klinik kesihatan kerajaan pada masa kini. Apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan lagi bilangan audiologis yang berkhidmat di hospital kerajaan supaya perkhidmatan yang lebih menyeluruh dapat diberikan? Apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan lagi bilangan pakar audiologis negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, pembiayaan mikro Amanah Ikhtiar Malaysia. Saya ingin menyentuh mengenai pembiayaan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang mendapat peruntukan sebanyak RM200 juta dalam Bajet 2018 menjadikan pembiayaan AIM keseluruhan berjumlah RM2.7 bilion. AIM yang berkonsepkan Grameen Bank Bangladesh memulakan projek perintis selama dua setengah tahun melibatkan 373 orang isi rumah termiskin yang menerima pinjaman kebajikan iaitu 232 orang sahabat lelaki dan 141 orang sahabat pertama mereka.

Di akhir projek Ikhtiar, sekurang-kurangnya 90 peratus bayaran balik diterima, termasuk modal pinjaman dan kos pengurusan. Ini membuktikan program ini telah berjaya. AIM memudahkan- kemudiannya ditubuhkan pada 17 September 1987. Saya ingin mendapatkan penjelasan, berapakah jumlah suntikan dana oleh kerajaan semenjak AIM ditubuhkan pada 1987? Setakat manakah prestasi bayaran balik pinjaman sehingga terkini? Setakat manakah kejayaan projek-projek yang mendapat pembiayaan AIM?

Saya membangkitkan isu pembiayaan mikro AIM ini adalah di atas kesedaran bahawa pembiayaan ini amat penting bagi usahawan kecil, terutamanya wanita yang telah memanfaatkan hampir 400,000 peminjam. Maka, dana yang disediakan oleh kerajaan ini sewajarnya diuruskan dengan cekap, bertanggungjawab dan berintegriti.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

YBM. Engku Naimah binti Engku Taib: Maka, sampai ketika nanti.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

YBM. Engku Naimah binti Engku Taib: Ya, saya?

Timbalan Yang di-Pertua: Panjang lagi?

YBM. Engku Naimah binti Engku Taib: Ada dalam empat helai lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Ringkaskan, padatkan. Sila.

YBM. Engku Naimah binti Engku Taib: Ya, teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua: Pendekkan. Terus dan pendekkan.

YBM. Engku Naimah binti Engku Taib: Pendekkan. Okey, okey, baik.

Maka, dana disediakan oleh kerajaan ini sewajarnya diuruskan dengan cekap, bertanggungjawab dan berintegriti. Maka, sampai ketikanya nanti AIM terpaksa berdikari dan menyediakan dana sendiri tanpa suntikan dana dari kerajaan sebagaimana bank-bank komersial. Oleh itu, saya berharap dana AIM ini dapat diuruskan dengan cekap dan bertanggungjawab.

Saya pendekkan, yang akhirnya ialah tentang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, "*Manakan seri halaman kalau tiada bunganya*".

Akhirnya, saya ingin menyentuh berhubung dengan wanita dan warga emas. Bajet 2018 adalah merupakan bajet yang menjunjung kaum wanita, mesra wanita. Malah, Bajet 2018 mengisytiharkan bahawa tahun 2018 adalah tahun memperkasakan wanita. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang mendapat peruntukan sebanyak RM2.22 bilion dengan RM2.03 bilion atau 94.4 peratus sebagai belanja mengurus dan RM189.3 juta atau 8.56 peratus sebagai belanja pembangunan.

Saya ingin mendapatkan penjelasan, mengapakah kadar perbelanjaan mengurus begitu tinggi sehingga 91.44 peratus sedangkan kadar perbelanjaan mengurus Persekutuan pun hanya 83.58 peratus? Apakah yang menyebabkan kadar belanja pembangunan hanya 8.56 peratus sedangkan kadar peratus perbelanjaan Persekutuan terendah 16.4 peratus? Apakah langkah kerajaan khusus KPWKMM memastikan kebajikan wanita, warga emas dan kanak-kanak tidak terjejas dengan struktur bajet KPWKMM?

Saya yakin dan mengharapakan segala perancangan strategik pelan tindakan dalam Bajet 2018 ini akan dapat memenuhi hasrat dan harapan semua lapisan masyarakat, dan dapat dilaksanakan dengan lancar, amanah dan bertanggungjawab serta mengurangkan dan seterusnya mampu mengekang ketirisan dan meninggalkan produktiviti supaya memberi manfaat kepada semua rakyat jelata tanpa mengira kaum, agama dan fahaman politik- supaya bersama-sama dengan kerajaan untuk membina negara Malaysia yang maju, berwibawa dan cemerlang serta terbilang di persada dunia. Pendapatan negara yang meningkat sewajarnya dapat diseimbangkan dengan perbelanjaan yang berhemah.

Akhir kalam, dipanjatkan doa kepada *Allah SWT* semoga negara Malaysia akan terus aman, makmur dan harmoni di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia sebagai sebuah negara seperti tercatat dalam Surah Saba' ayat ke-15... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Sebuah negara yang baik dan makmur bagi mendapat keampunan dari *Allah SWT* kerana rakyatnya yang sentiasa bersyukur dengan segala nikmat yang *Allah SWT* kurniakan.

Semoga *Allah SWT* sentiasa memberkati dan merahmati Malaysia dan rakyatnya. Amin. *Wabillaahi taufik wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Yang Mulia Engku Naimah, ucapan yang ada inti, ada kualitinya. Saya hendak maklumkan bahawa setiap Ahli Yang Berhormat akan diberi peluang untuk membahaskan ini. Hanya seboleh-bolehnya 20 minit setiap seorang, 20 minit.

Kita sekarang ini tepat pukul 1, saya tangguhkan Mesyuarat ini pada pukul 2.30 petang. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Perbahasan bajet sambungan. Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, silakan.

2.32 ptg.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Saya Rahimah Mahamad memanjatkan rasa syukur dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas keizinan untuk saya bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2018. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri di atas pembentangan pagi tadi.

Harapan saya, semoga semasa penggulungan yang bakal dibuat oleh semua kementerian minggu hadapan, semua persoalan dan juga isu-isu permasalahan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Dewan Negara dapat dijawab dengan jelas dan terperinci kerana Bajet 2018 ini amat penting bagi Barisan Nasional menghadapi Pilihanraya Umum Ke-14.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menyempurnakan pelancaran Majlis Pecah Tanah ECRL yang dirancang pembinaannya meliputi jajaran negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan pada Ogos 2017 yang lalu.

Dengan pelancaran projek tersebut, rakyat tertanya-tanya, bilakah dan bagaimana pakej-pakej kerja untuk anak tempatan akan mula diagihkan dan bagaimana pihak Malaysia Rail Link Sdn. Berhad akan merangka satu kaedah dan pelaksanaan agar kerancakan industri pembinaan rel ini akan membantu pertumbuhan ekonomi setempat?

Saya juga ingin mendapat penjelasan dari EPU dan MRL kerana terdapat rungutan dari kalangan perunding tempatan terutama bagi mereka yang menawarkan perkhidmatan kaji tanah ataupun *soil investigation*, dengan izin, yang mana kebanyakan mereka tidak mendapat pakej kerja

ini. Sebaliknya, pihak kontraktor utama melantik perunding luar dari China untuk melakukan kerja kaji tanah di tapak-tapak cadangan jajaran itu.

Oleh itu, saya mohon agar penjelasan dari kerajaan, apakah benar rungutan dan isu sensitif ini berlaku? Apakah negara kita tidak mempunyai cukup personel atau syarikat kaji tanah untuk mengambil bahagian dalam projek ECRL ini?

Saya juga ingin mendapat penjelasan dari kerajaan, SPAD dan EPU tentang bagaimanakah kerajaan mengunjurkan jumlah personel profesional tempatan yang akan terlibat dalam projek ECRL ini? Saya juga mohon perincian yang lebih terbuka mengenai bilangan sebenar jurutera awam, jurutera mekanikal, jurutera struktur, arkitek, QS dan pegawai teknikal lain seperti jurutera *permanent way technology rail* tempatan yang akan bersama-sama menjayakan projek ini.

Bagi memastikan *inclusivity* dan daya maju projek pengangkutan rel di Malaysia dan menjadikan sektor industri berasaskan teknologi rel dan pengangkutan menjadi asas ekonomi pada masa akan datang, saya ingin mendapatkan penjelasan berikut daripada Kementerian Pengangkutan dan kerajaan.

Pertamanya, penyelarasan jaminan kualiti dan akreditasi ke atas kursus-kursus kejuruteraan, teknikal dan vokasional bagi semua kerja yang terlibat dalam pembinaan dan operasi industri rel. Keduaanya, apakah dengan penubuhan NARCOE ataupun *National Rail Centre of Excellence* ini, IPTA dan institusi latihan kemahiran mempunyai cukup tenaga yang diiktiraf oleh badan pengiktirafan sedunia bagi membolehkan latihan dan kursus memenuhi kehendak institusi pengiktirafan dunia? Ketiganya, statistik sehingga kini, berapakah tenaga kerja dan graduan lepasan sijil dan diploma kemahiran dan ijazah kejuruteraan dan teknikal yang sedang dan telah dilatih untuk menyertai projek ECRL atau HSR?

Tuan Yang di-Pertua, pada pembentangan Bajet 2018, kerajaan mengumumkan penubuhan *Socio-Economic Research Institute* bagi memastikan pembangunan negara lebih seimbang dan *inclusive* di seluruh wilayah dan bahagian di Malaysia. Oleh yang demikian, saya ingin mendapatkan penjelasan dari kerajaan, bagaimana SERI yang ditubuhkan dapat menyelaraskan kerja-kerja penyelidikan dan kajian meliputi bidang ekonomi, kemasyarakatan dan kaum yang sebelum ini didominasi oleh institusi pengajian tinggi, Bank Negara Malaysia, Khazanah Malaysia, EPU dan perunding luar?

Apakah dengan penubuhan SERI ini, fokus kerajaan untuk menetapkan penjajaran semula pendekatan lebih spesifik dan proaktif bagi menyelesaikan masalah kritikal pembangunan koridor ekonomi, menyediakan peluang pekerjaan, memantapkan nilai mata wang ringgit berbanding mata wang asing dan indeks kesejahteraan rakyat yang memfokuskan transformasi ke arah rakyat berpendapatan tinggi atau mobiliti kumpulan B40 ke M40 serta kesan kerancakan ekonomi digital dan globalisasi?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana menekankan usaha menabung sejak bayi dalam Amanah Dana Anak Malaysia 2050 atau pun ADAM50. Untuk makluman Dewan, sehingga 31 Disember 2016, hanya 9,108,709 orang Bumiputera sahaja yang melabur dalam Amanah Saham Bumiputera yang berjumlah RM144.3

bilion, manakala pelaburan Amanah Hartanah Bumiputera hanya 55,638 pelaburan sahaja yang mana melibatkan RM3.3 bilion nilai pelaburan.

■1440

Purata pelaburan ASB adalah RM15,840 dengan hanya 19,881 rakyat mempunyai pelaburan melebihi RM500,000 ke atas dan hampir 6,661,343 rakyat hanya mempunyai pelaburan di bawah RM5,000 atau purata hanya RM537. Bagi Amanah Hartanah Bumiputera, terdapat 39,704 yang mempunyai pelaburan bawah RM5,000 purata RM1,135 manakala hanya 10 orang mempunyai jumlah pelaburan melebihi RM500,000. Justeru soalan saya adakah PNB tidak berhasrat untuk meningkatkan had pelaburan remaja sehingga RM500,000 berbanding RM50,000 ketika ini dan had dewasa sehingga RM500,000 berbanding RM200,000 ketika ini.

Apakah pelaburan hartanah bumiputera tidak berhasrat untuk meningkatkan had pelaburan individu sehingga RM1 juta memandangkan had RM500,000 ketika ini kurang relevan dengan harga semasa hartanah di Lembah Klang dan bandar utama di Malaysia. Harapan saya semoga dengan kenaikan nilai pelaburan ini pemilikan ekuiti bumiputera dapat ditingkatkan dan pendapatan faedah yang dijana melalui pelaburan ini akan membantu isi rumah mempunyai lebih tunai untuk memakmurkan ekonomi setempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan dari kerajaan tentang berapa ramai kah bilangan pesara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan badan berkanun yang ditanggung kerajaan setahun? Ini kerana apabila Kerajaan Negeri Selangor mengumumkan insentif bonus tiga bulan gaji, maka ramai rakyat mengatakan bahawa Kerajaan Persekutuan akan mufliis dan tidak mampu untuk memberi bonus walaupun sebulan gaji. Mereka ini seolah-olah keliru dan tidak tahu bahawa kerajaan negeri tidak menanggung beban untuk membiayai pesara-pesara sedangkan semua pesara sama ada yang kerja di negeri atau Kerajaan Pusat yang tanggung.

Justeru saya ingin mendapatkan perincian tentang berapakah jumlah pelaburan Kumpulan Wang Amanah Persaraan ataupun KWAP pada tahun 2017? Berapakah nilai dividen dan faedah yang diberikan oleh KWAP kepada kerajaan dan apakah sumber kewangan KWAP mencukupi serta *reliable* bagi menanggung bebanan kos persaraan sejumlah pesara awam di Malaysia melangkaui 20 tahun akan datang. Apakah persediaan kerajaan dalam memastikan unjuran pelaburan dan kutipan faedah KWAP akan melestarikan perolehan pendapatan KWAP sehingga tahun 2050.

Tuan Yang di-Pertua, kepentingan jalan luar bandar di bawah seliaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah amat penting di negeri Kelantan. Rangkaian jalan luar bandar menjadi rangkaian utama pemangkin kesejahteraan penduduk luar bandar untuk berhubung dengan bandar terdekat di bandar bagi memasarkan produk pertanian dan hasil ladang. Kejadian hujan lebat dan banjir minggu lepas menyebabkan banyak jalan-jalan luar rosak. Soalan saya berapakah peruntukan projek jalan baru luar bandar di Kelantan? Berapakah peruntukan penyelenggaraan tahunan dan penyelenggaraan luar jangka akibat bencana alam yang diperuntukkan bagi jalan luar bandar di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, potensi pelaburan MARA dan anak syarikat sering kali menjadi tumpuan orang ramai. Terdapat banyak fitnah dan penyelewengan fakta yang ditularkan dalam

media sosial mengenai isu pelaburan MARA sejak akhir-akhir ini. Justeru soalan saya kepada MARA berapa banyak kah jumlah syarikat dan pelaburan MARA sehingga November 2017 serta prestasi kewangan anak-anak syarikat MARA? Berapakah nilai aset luar negara dan keuntungan operasi yang dijana oleh anak-anak syarikat secara terperinci? Berapakah liabiliti hutang dan tanggungan jaminan MARA ke atas semua anak syarikat serta bagaimanakah pengurusan hutang-hutang komersial ini dapat diurus secara cekap dan efektif.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan kesihatan kerajaan adalah yang terbaik di seluruh negara. Pemberian subsidi kesihatan adalah beban terbesar Kerajaan Persekutuan. Soalan saya berapakah jumlah pesakit luar rakyat tempatan pada tahun 2017 serta bagaimanakah kerajaan dapat memendekkan tempoh masa menunggu di hospital di Bahagian Kecemasan yang mana apabila Klinik Pesakit Luar Hospital tidak beroperasi pada waktu malam, pesakit yang dikategorikan "Hijau" terpaksa menunggu sehingga empat atau lima jam untuk mendapat rawatan.

Ini kerana terdapat bandar-bandar kecil seperti Bentong, Kuala Lipis, Raub, Jeli, Pekan juga tidak mempunyai klinik swasta yang beroperasi sehingga jam 10.00 malam yang menyebabkan pesakit luar tidak mempunyai pilihan melainkan datang ke bahagian *emergency* hospital kerajaan. Saya juga ingin mendapat kepastian adakah kementerian membuat kajian di lokasi bandar kecil yang tidak ada klinik swasta dibuka hingga jam 10 malam mewajibkan Klinik 1Malaysia dan Klinik Pesakit Luar dipanjangkan masa operasi sehingga jam 10 malam untuk kemudahan pesakit luar atau mengadakan rawatan khusus di Bahagian Kecemasan bagi mengendalikan kes-kes pesakit luar yang tidak mengganggu operasi Bahagian Kecemasan.

Tuan Yang di-Pertua, penyelenggaraan sungai dan saluran amat penting bagi memastikan bencana banjir ditangani dengan cekap. Di Kelantan contohnya saya dapati banyak sungai tidak diselenggarakan dengan baik. Rumpai air, tumbuhan tumbuh di sungai menyempitkan aliran sungai dan tali air. Justeru saya ingin bertanya kepada dua kementerian iaitu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar atau Jabatan Pengairan dan Saliran serta Bahagian Infrastruktur Pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berapakah peruntukan selenggaraan untuk memastikan tumbuhan dan rumpai air dipastikan tidak menyekat aliran sungai dan rangkaian pengairan pertanian. Bagaimanakah kerjasama yang dibuat dengan kerajaan negeri bagi mengindahkan sungai dan memastikan masalah tidak selenggara ini ditangani dengan cekap.

Pemantauan yang tegas dan cekap diperlukan bagi memastikan pencerobohan hutan dan pencerobohan bagi tujuan perlombongan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab merosakkan hutan simpan yang diwartakan di seluruh Semenanjung Malaysia. Justeru untuk memastikan warisan hutan, konservasi flora dan fauna dan mengelakkan terjadinya bencana banjir dan tanah runtuh, saya ingin mendapatkan penjelasan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia.

Berapakah keluasan hutan simpan yang diwartakan mengikut negeri di Semenanjung Malaysia, jumlah perlombongan logam berharga di kawasan hutan atau lain-lain kawasan dan berapakah daftar syarikat konsesi pembalakan pengeluaran hasil hutan dan perlombongan bahan logam berharga yang diberikan permit sehingga November 2017.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan STEM merupakan komponen penting yang perlu ada dalam Sistem Pendidikan Negara bagi memastikan penajajaran semula fokus pendidikan anak bangsa dan sasaran kerajaan ke arah rakyat berpendapatan tinggi menuju aspirasi TN50. Saya dapati dalam pelaksanaan STEM ini adalah perlu kerajaan mengambil pandangan dan khidmat nasihat jabatan kerajaan atau institusi profesional agar arah dan hala tuju pendidikan STEM menepati keperluan industri.

Soalan saya, apakah kerajaan mempunyai sebuah majlis perundingan dengan jabatan-jabatan teknikal yang memberikan akreditasi teknikal dalam perundangan statutori mereka agar penyediaan modal insan STEM menepati keperluan asas akta yang dikuatkuasakan oleh agensi seperti Suruhanjaya Tenaga, DOSH, JKR, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Jabatan Laut, DCA, SPAN, Lembaga Jurutera, arkitek, juruukur, JPJ dan SPAD, Jabatan Penilaian Hartanah dan lain-lain jabatan.

■1450

Bagaimanakah pula insentif yang kerajaan berikan kepada tenaga pengajar kolej vokasional dengan liberalisasi dan naik taraf sekolah vokasional ke kolej vokasional yang menawarkan pensijilan peringkat diploma kini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memuji langkah LPPKN mengadakan ujian *pap smear* sejak 1 September hingga 30 November 2017. Langkah proaktif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menunjukkan kerajaan prihatin dengan masalah serangan kanser pangkal rahim yang menjadi masalah utama kaum wanita.

Soalan saya, berapa ramaikah wanita yang mengambil peluang untuk menjalani ujian *pap smear* semasa tempoh kempen ini. Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada kementerian, apakah dapat LPPKN bersama Majlis Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat setiap Parlimen melanjutkan program ini secara lawatan dari rumah ke rumah agar sasaran lebih besar dapat diperolehi. Saya juga ingin mendapat penjelasan, apakah rintangan dan masalah LPPKN dalam melaksanakan ujian *pap smear* tempoh hari dan bagaimana kita sama-sama mencari kaedah terbaik untuk terus menjalankan ujian ini kepada wanita Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan oleh PDRM dan JPJ ke atas pesalah trafik amat saya hargai. Lebih-lebih lagi ia melibatkan penunggang motosikal dan pesalah trafik yang membawa kenderaan berat. Terdapat dua persoalan ingin saya dapat penjelasan dari kerajaan, apakah tindakan PDRM apabila mengarahkan penunggang motosikal menunda sehingga lebih tiga kilometer dari tempat operasi sekatan jalan raya ke balai polis merupakan satu tindakan yang dibolehkan dan termaktub dalam siri undang-undang Malaysia. Apakah implikasi jika terdapat kes-kes kemalangan apabila dalam proses penundaan ini berlaku kemalangan dan musibah.

Sekatan di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak yang menjadikan tiga *lane* menjadi satu *lane* pada setiap pagi bermula jam 8.30 pagi hingga 11 pagi di lokasi selepas R&R Gombak menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teruk dan merencatkan perjalanan orang ramai semasa tempoh waktu puncak untuk berurusan di pusat bandar Kuala Lumpur.

Apakah PDRM, SPAD atau JPJ tidak memikirkan gangguan sekatan lalu lintas di lebuhraya ini memberikan kesan ke atas pengguna yang mungkin mempunyai urusan penting dan

kecemasan. Dengan sekatan ini yang menjadikan tiga *lane* kepada satu *lane*, ianya benar-benar menguji kesabaran pengguna yang lebih berdisiplin. Justeru saya mohon penjelasan apakah tidak ada cara yang lebih berkesan agar kaedah sekatan ini menjadi mudah dan tidak dilakukan pada waktu kerja. Kalau hendak dilakukan juga, saya minta agar gunalah kaedah tiga *lane* yang digunakan di luar negara. Ini terbukti kesannya tidak memudaratkan kesesakan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2018 ini. Semoga segala insentif dan peruntukan yang diberi akan menyejahterakan rakyat dan mengekalkan Kerajaan Barisan Nasional pada Pilihanraya Umum Ke-14 akan datang. Sekian, terima kasih. *Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang Yang Berhormat Datuk Ir. Yong Wui Chong, silakan.

2.54 ptg.

Datuk Ir. Yong Wui Chong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di Dewan Rakyat yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan kali pertama saya berucap dan berbahas di dalam Dewan yang mulia ini sejak saya dilantik sebagai Ahli Dewan Negara. Oleh itu, saya memohon keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan sedikit ucapan alu-aluan dan penghargaan di atas pelantikan saya sebagai Senator pada 22 Ogos yang lalu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak di atas kepercayaan beliau kepada saya untuk menjalankan tugas sebagai seorang Ahli Dewan Negara yang bukan sahaja akan memberikan sumbangan kepada rakyat Sabah, malah kepada rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Presiden Parti LDP saya Datuk Seri Panglima Teo Chee Kang dan juga kepada majlis tertinggi parti kerana memilih saya untuk menjadi wakil di dalam Dewan yang mulia ini.

Pelantikan ini merupakan penghormatan yang besar dan menginsafkan saya akan besarnya tanggungjawab yang harus dipikul oleh saya selepas ini. Sehubungan dengan itu, saya berikrar akan melakukan yang terbaik sebagai sebahagian pembuat dasar negara di Dewan ini di samping memberikan input, idea dan kritikan yang membina bagi membantu Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencapai sasaran dan objektif yang telah ditetapkan khasnya di bawah visi Transformasi Nasional 2050.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2018 ini adalah bertepatan dengan temanya iaitu, 'Memakmur Ekonomi Yang Inklusif, Menyumbang Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Demi Mensejahtera Kehidupan Rakyat Menuju Aspirasi TN50.' Aspek inklusif ini dapat diterjemahkan melalui pelbagai bantuan dan perkara yang menyentuh kebajikan kesemua lapisan masyarakat dari ibu kota hingga luar bandar dan mengambil kira projek yang berimpak tinggi, sederhana mahupun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur ekoran daripada pelbagai dasar yang telah digubal dan bermacam-macam program yang telah dirangka, Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan yang cukup meyakinkan sebanyak 5.7 peratus pada separuh penggal pertama 2017. Manakala petunjuk ekonomi pelopor ataupun *leading economy indicator*, dengan izin, kita telah turut menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia akan terus berkembang sehingga awal tahun depan.

Berkat usaha gigih kita dan disokong pula oleh landskap ekonomi global yang menggalakkan, maka seperti mana yang diunjurkan oleh Bank Dunia IMF dan yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada pembentangan Bajet 2018 yang lalu, ekonomi negara kita diunjurkan akan berkembang sebanyak 5.2 peratus ke 5.7 peratus pada harga malar tahun ini, jauh lebih tinggi daripada apa yang telah diunjurkan pada tahun lalu iaitu sebanyak empat peratus ke lima peratus sahaja.

Walaupun begitu, saya memohon penjelasan kementerian mengenai sasaran nilai GTP kita di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu sebanyak RM1.4 trilion pada harga semasa menjelang tahun 2020 memandangkan pertumbuhan GDP kita pada tahun 2016 adalah lebih rendah iaitu 4.2 peratus dari tahun 2017 iaitu 5.2 peratus hingga 5.7 peratus. Pertumbuhan pada tahun depan pula diunjurkan hanya sebanyak lebih kurang lima ke 5.5 peratus sahaja, rendah pula berbanding tahun ini. Maka saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, mampukah kita untuk mencapai GDP tersebut pada tahun 2020?

Tuan Yang di-Pertua, pergi kepada hutang negara. Pada tahun 2008, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM285.1 bilion manakala pada tahun 2017 ianya telah melonjak 140 peratus kepada RM685.1 bilion.

■1500

Dalam tempoh yang sama, nilai ekonomi *gross national income* (GNI) kita telah meningkat sebanyak 100 peratus daripada RM715.3 bilion kepada RM1.4 trilion pada harga semasa. Dalam tempoh berkenaan, hasil Kerajaan Persekutuan pula telah bertambah sebanyak 39 peratus daripada RM161.6 bilion kepada RM225.3 bilion. Mengenai hutang dan hasil kerajaan ini, saya perhatikan pada tahun 2008, jumlah hutang kita hanya sebanyak 1.8 kali ganda lebih besar berbanding dengan hasil kerajaan. Pada tahun 2017 pula, jurang ini telah melebar hampir tiga kali ganda.

Jadi, apakah respons kerajaan akan kedudukan ini? Pun begitu, saya memuji pencapaian kerajaan dalam menguruskan defisit fiskal negara yang mana pada tahun ini, defisit diunjurkan menurun kepada 3 peratus berbanding 3.1 peratus tahun lepas dan sasaran pada tahun 2018 adalah sebanyak 2.8 peratus berbanding keluaran dalam negara kasar iaitu KDNK ataupun GDP.

Mengikut Laporan Ekonomi 2017/2018, hutang kerajaan dalam trend menurun daripada 54.5 peratus pada 2015 kepada 52.7 peratus pada tahun 2016 dan setakat Jun 2017 adalah sebanyak 50.9 peratus daripada KDNK. Ini satu pencapaian yang bagus dan menggalakkan. Proses konsolidasi fiskal yang berhemat ini telah dapat mengelak hutang Kerajaan Persekutuan daripada melepasi had hutang 55 peratus daripada KDNK seperti yang ditetapkan. Inisiatif pengukuhan kedudukan fiskal yang berterusan ini adalah penting untuk memastikan keamanan

fiskal jangka panjang negara supaya penarafan kredit negara berada dalam kedudukan yang baik dan tidak menjejaskan keyakinan para pelabur.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya terus pergi kepada pembangunan luar bandar. Saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi apabila kerajaan memberikan khabar gembira kepada rakyat Sabah khususnya masyarakat luar bandar apabila peruntukan yang besar disediakan pada tahun hadapan bagi menaik taraf kemudahan infrastruktur yang meliputi bekalan elektrik, bekalan air bersih dan pembangunan jalan luar bandar. Pun begitu, cabaran-cabaran yang bakal dihadapi oleh kerajaan bagi melaksanakan kesemua projek ini haruslah diatasi bagi menjamin pulangan yang baik kepada masyarakat di Sabah seterusnya dapat memastikan kemajuan dan kesejahteraan penduduk di kawasan luar bandar dapat disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, harapan saya cukup besar pertamanya saya ingin melihat satu perubahan besar berlaku di kawasan luar bandar khususnya di Sabah di mana sekiranya fasiliti dan kemudahan itu telah dilaksanakan, kita berharap anak-anak muda yang telah menimba pengalaman di bandar-bandar besar tertarik untuk pulang ke kampung halaman masing-masing dan menyumbangkan kemahiran serta tenaga mereka. Ini secara tidak langsung mampu menggalakkan pertumbuhan ekonomi desa. Bagi saya, ini adalah makna sebenar pembangunan luar bandar yang bukan sahaja mengambil kira soal pembangunan semata-mata malah menekankan peluang golongan belia di luar bandar berbakti di tempat sendiri sekali gus menyumbangkan idea dan ekonomi kepada penduduk setempat.

Topik seterusnya mengenai *Digital Free Trade Zone* (DFTZ). Seperti yang kita sudah sedia maklum, ini merupakan satu inisiatif yang memberi manfaat kepada perkembangan serta pertumbuhan ekonomi internet dan aktiviti *e-commerce* yang merentasi sempadan. DFTZ adalah persiapan untuk memudahkan perdagangan rentas sempadan yang lancar dan membolehkan para peniaga tempatan memasarkan barangan mereka sama ada di dalam dan luar negara. Ketika ini, *Alibaba* adalah rakan strategik pertama yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia bagi DFTZ ini.

Walau bagaimanapun, di sini saya hendak mengambil peluang untuk mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya memberikan peluang kepada syarikat tempatan yang menyediakan *e-marketplace*. Mereka tidak kurang hebatnya, kita ada *Aladdin Street*, kita ada *BuyMalaysia*, *DagangHalal* dan banyak lagi yang mungkin kerajaan boleh turut memberikan peluang untuk sama-sama menjayakan pembangunan DFTZ ini bagi merencanakan ekonomi Malaysia khususnya dalam bidang e-dagang.

Dalam kita hendak bersaing di peringkat antarabangsa, perlu juga untuk kita memberi manfaat kepada *the local player to compete in international level*, dengan izin. Agensi kerajaan juga bertanggungjawab memainkan peranan untuk membina dan juga membangunkan *local player* ini, dengan izin, agar ia dapat menarik lebih banyak penyertaan syarikat Malaysia dalam ekosistem ini. Tidak lupa juga kerajaan harus menitikberatkan Sabah dan Sarawak bagi merasai peningkatan ekonomi daripada DFTZ ini. Perlunya penglibatan syarikat dari kedua-dua buah negeri ini dalam pelan perancangan DFTZ.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada isu pendidikan. Saya berpendapat bahawa pembangunan pendidikan perlu diberi penekanan dan juga perlu dilihat daripada segi pemberian

akreditasi kepada *Unified Examination Certificate* atau UEC. Pengiktirafan ini akan memberi impak positif di mana *brain drain*, dengan izin, di negara kita ini dapat diatasi. Hampir 100 buah pusat pengajian tinggi di negara-negara maju seperti *United Kingdom, United State of America, France, Australia, Kanada, Taiwan, Singapura* dan lain-lain juga menerima UEC. Sudah tiba masanya kita juga mengikut langkah ini memandangkan ia adalah sistem pendidikan bertaraf global.

Oleh yang demikian, saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian, apakah status terkini kajian yang telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan Tinggi berkenaan taraf sijil UEC seperti yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada bulan Mac yang lalu.

Walau apapun hasil kajian dan saranan yang dibuat oleh kementerian, saya mohon agar isu UEC ini tidak dipolitikkan kerana ianya adalah satu isu akademik yang sangat penting bagi menentukan *survival* negara pada masa depan. Memandangkan sijil UEC telah mendapat pengiktirafan di seluruh dunia dan telah diterima oleh banyak universiti asing serta universiti swasta tempatan, saya tidak dapat melihat mengapa universiti awam tempatan tidak dapat menerima pemegang sijil UEC sebagai kelayakan masuk.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada pelancongan. Mengikut Euromonitor International Research, Kuala Lumpur menduduki tangga ke-10 di dalam *Top 100 Tourist Destination 2017*, dengan izin, yang mana kita telah mengalahkan bandar-bandar besar seperti Tokyo dan Rome. Ini satu pencapaian yang membanggakan bukan sahaja kepada warga Kuala Lumpur malah rakyat Malaysia keseluruhannya. Itulah pentingnya kita dalam mempergiatkan industri pelancongan di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan telah mengisytiharkan pada tahun 2020 sebagai Tahun Melawat Malaysia.

Industri pelancongan perlu dititikberatkan kerana ia adalah salah satu daripada penjana ekonomi negara kita selain daripada sektor-sektor yang lain. Jika dilihat pada Bajet 2018 ini, sebanyak RM1 bilion disediakan bagi Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan dan Program Pembangunan Strata, sebanyak RM500 juta lagi untuk mempromosikan pelancongan. Peruntukan ini adalah penting bagi menghargai dan memastikan pemuliharaan budaya serta melahirkan kepelbagaian kaum di Malaysia. Oleh itu, saya mohon penjelasan kementerian, berapakah daripada peruntukan ini akan disalurkan kepada negeri Sabah untuk aktiviti dan program pembangunan pelancongan di sini dan apakah pelan perancangan kementerian bagi negeri Sabah pada tahun hadapan?

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan RM27 bilion ataupun 9.5 peratus daripada keseluruhan Bajet 2018 bagi Kementerian Kesihatan pada tahun hadapan menunjukkan bahawa kerajaan memberi keutamaan bagi keperluan penjagaan kesihatan rakyat.

■1510

Walau bagaimanapun, saya ingin melahirkan sedikit kekecewaan di mana tidak disebut satu pun hospital atau klinik kesihatan di Sabah yang akan dinaik taraf. Saya ambil contoh di Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu. Hospital ini sangat sesak, malah ruang tempat letak kereta tidak mencukupi. Begitu juga dengan hospital Duchess of Kent di Sandakan, keadaan *facility* di hospital ini agak menyedihkan. Banyak kemudahan yang tidak diselenggarakan seperti

lif yang rosak tidak diperbaiki yang mana menyulitkan pesakit, orang awam dan kakitangan hospital.

Oleh yang demikian, saya mohon jasa baik kementerian untuk menjelaskan kepada saya, berapakah peruntukan yang diberikan khasnya menaik taraf *facilities* kemudahan hospital dan Klinik Kesihatan Sabah bagi tahun hadapan secara terperinci mengikut setiap daerah. Isu kesihatan ini sensitif Tuan Yang di-Pertua dan saya menggesa agar kerajaan melakukan yang terbaik bagi membuktikan dakwaan pembangkang bahawa Sabah dianaktirikan selama ini adalah tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang bakal dikorporatkan pada tahun hadapan. Ini adalah satu langkah yang baik dalam usaha kerajaan mentransformasikan sektor awam di negara kita. Harapan saya setelah JKDM dikorporatkan nanti, anggota Kastam akan lebih motivasi untuk meningkatkan mutu dan kualiti kerja sekali gus memberikan manfaat kepada rakyat Malaysia.

Izinkan saya untuk menyentuh beberapa perkara yang melibatkan Jabatan Kastam khasnya berkenaan bayaran balik GST. Tuan Yang di-Pertua, walaupun GST telah dilaksanakan lebih dari dua tahun, masih banyak lagi rungutan dan aduan yang diterima daripada orang ramai komuniti perniagaan yang khasnya berkenaan bayaran balik yang lambat yang secara langsung memberikan kesan ke atas aliran tunai mereka. Saya menggesa agar Jabatan Kastam memperbaiki kelemahan ini dan lebih efisien dalam melaksanakan sistem bayaran balik GST.

Saya juga memohon agar Kastam menggunakan budi bicara, kelonggaran dan memberikan penerangan lebih jelas kepada mereka membuat kesilapan yang tidak disengajakan dalam proses ini. Komuniti perniagaan tidak seharusnya dihukum tanpa mendapatkan penjelasan yang terperinci daripada pihak Kastam. Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan sistem bayaran balik GST menjadi lebih cepat dan efisien, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menimbangkan memberikan kuasa yang lebih kepada Pengarah Kastam Negeri khasnya Sabah dan Sarawak bagi membuat keputusan sekali gus dapat memainkan peranan yang lebih baik dalam membantu komuniti perniagaan di sini menyelesaikan masalah yang dihadapi. Ketika ini terdapat komuniti perniagaan terpaksa pergi ke Kuala Lumpur bagi menyelesaikan sebarang masalah berkenaan bayaran balik GST, walaupun ia hanya perkara yang kecil. Ini sememangnya merugikan masa dan juga kos kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Pusat Transformasi Bandar iaitu (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) oleh Kerajaan Barisan Nasional telah meningkatkan kecekapan jabatan kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat. Di negeri Sabah, kerajaan telah menetapkan UTC di Kota Kinabalu, Tawau dan RTC di Keningau. Walau bagaimanapun, masih tidak ada di Sandakan, Kudat dan Lahad Datu yang merupakan bandar dan daerah utama. Oleh itu, saya mohon jasa baik kerajaan agar mempertimbangkan penubuhan UTC dan atau RTC di tempat ini secepat yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mengumumkan peruntukan di dalam Bajet 2018 untuk projek pembesaran landasan Lapangan Terbang Sandakan. Ini berita yang menggembirakan Sabah khususnya di

Sandakan. Pembesaran lapangan terbang ini membolehkan terminal ini dapat menerima pesawat yang besar dan penerbangan terus antarabangsa.

Saya juga berharap agar kerajaan dapat menaik taraf lapangan terbang ini ke lapangan terbang antarabangsa untuk menampung permintaan penumpang yang semakin bertambah dan sekali gus menarik lebih ramai pelancong datang ke bandar ini kerana Sandakan sememangnya terbukti memberikan faedah kepada negara melalui bermacam tarikan pelancongan, makanan laut dan juga pulau-pulau yang indah. Dengan adanya penerbangan antarabangsa ke Sandakan, ianya bukan sahaja memberi faedah peluang pekerjaan kepada penduduk di Sandakan malah akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan perdagangan yang positif.

Perkara terakhir adalah mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Tuan Yang di-Pertua, ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan Parti Bersatu Sabah (PBS) Ke-32, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberikan jaminan bahawa hak-hak Sabah yang terambil akan dikembalikan semula kepada Sabah berdasarkan Perjanjian Malaysia 1963. Saya menyambut baik kenyataan ataupun jaminan ini kerana ia menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan komited untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan MA63 dengan Sabah. Harapan saya agar hak-hak negeri dan pemberian kuasa autonomi dapat dipercepatkan, sekali gus memberikan gambaran yang lebih jelas kepada rakyat yang telah sedikit sebanyak dihasut oleh pihak tertentu bagi mewujudkan persepsi negatif kepada Kerajaan Persekutuan dan memecahbelahkan perpaduan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berdasar bajet yang dibentangkan, kita sama sekali tidak boleh menafikan komitmen dan keupayaan kerajaan merancang masa depan dengan lebih kukuh, stabil dan saksama, tidak mengira apa juga fahaman politik demi kepentingan negara. Bagaimanapun, apa yang menjadi kebimbangan kita ialah sejauh manakah apa yang dirancang dan dibentangkan dalam bajet tersebut benar-benar dilaksanakan dengan efisien. Oleh itu saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya menubuhkan Jawatankuasa Khas Pemantauan Pelaksanaan Bajet 2018 bagi memastikan semua yang ditawarkan di dalam bajet ini akan terlaksana dengan jayanya.

Sebagai rumusan akhir pada hemat saya, ternyata bajet kali ini mendukung cita-cita dan juga aspirasi rakyat di setiap peringkat dan bersifat holistik serta seimbang dengan menggunakan dan mengutamakan agenda ekonomi rakyat dalam setiap aspek. Sehubungan dengan itu, sudah tentunya ia memerlukan satu perancangan yang dan pemantauan yang lebih rapi agar ianya dapat diterjemahkan daripada segi pelaksanaan dan akhirnya nanti pihak rakyat di semua peringkat dapat merasai hasil pembentangan bajet ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah.

3.19 ptg.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang ini untuk turut mengambil bahagian dalam Perbahasan Belanjawan Tahun 2018. Saya akan memberi pandangan saya terhadap beberapa perkara, baik isu struktural dan juga beberapa

isu spesifik. Saya akan mula dengan isu struktural yang pertama. Dua isu struktural, yang lain semua spesifik..

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat. Ada masa banyak.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih saya akan cuba ini. Isu struktural yang pertama adalah isu ketidakseimbangan di antara perbelanjaan mengurus dengan perbelanjaan pembangunan. Yang ini saya pernah membangkitkan beberapa kali sebelum ini. Kalau kita tengok anggaran perbelanjaan yang diperuntukkan untuk tahun 2018, jumlahnya ialah RM280.25 bilion. Dari ini kita tengok sebanyak RM234.25, atau 83.6 peratus itu adalah untuk perbelanjaan mengurus. Manakala untuk perbelanjaan pembangunan hanya RM46 bilion, 16.4 peratus.

■1520

Pada saya seperti tahun-tahun sebelum ini pun saya pernah cakap, kalau kita pakai nisbah ini, nisbah ini adalah satu nisbah yang amat merunsingkan berdasarkan kepada Malaysia adalah sebuah negara yang sedang membangun. Kaedah yang selalu digunakan oleh negara-negara yang sedang membangun ialah nisbah 60 peratus, 40 peratus iaitu 60 peratus untuk perbelanjaan mengurus dan 40 peratus lagi untuk perbelanjaan pembangunan.

Mungkin pakar ekonomi ini boleh berlainan pendapat tetapi kalau kita tengok sebahagian besar pakar ekonomi, dia berpendapat kalau kita pakai nisbah selain dari 60 peratus, 40 peratus ini, dia membayangkan satu fiskal disiplin yang kurang efisien. Kalau kita banding kesemua belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan, bajet ini adalah bajet atau belanjawan yang kesembilan.

Kalau kita banding dari tahun 2010 sehingga sekarang, kita nampak satu trend yang lebih kurang macam ini. Kita nampak satu trend dari segi, dari aspek ketidakseimbangan itu. Kita nampak ketidakseimbangan itu sebenarnya semakin bertambah buruk. Contohnya kalau kita ambil belanjawan pada tahun 2010, belanjawan pembangunan untuk pembangunan, saya akan fokus untuk pembangunan. Perbelanjaan pembangunan adalah 27.8 peratus. Selepas itu pada tahun 2011, turun ke 23.2 peratus, kemudian tahun 2012 turun lagi ke 20.2 peratus. Tiap-tiap tahun dia turun dan sekarang sudah sampai 16.4 peratus. Kalau tidak salah, *I think this is the lowest* dalam kita punya *history* dari segi *allocation* untuk *development expenditure*, dengan izin.

Sebelum ini pun kenapa saya fokus tahun 2010. Kita nampak trend ini dari Belanjawan 2010. Sebelum tahun 2010 semasa pentadbiran Tun Abdullah Ahmad Badawi pun yang paling rendah pun 24 peratus, tetapi biasanya dalam lingkungan 26 peratus dan 27 peratus. Itu isu dia. Saya masih ingat semasa pembentangan bajet hari itu, Yang Amat Berhormat Pekan telah menuduh pembangkang sebagai *consistently inconsistent*. Kalau kita ingin *consistently inconsistent* maka pendirian saya dalam aspek ketidakseimbangan ini, *the Prime Minister is consistently irresponsible*, pada saya. Fasal dia melebihi atau bawah dari paras ini. Saya pakai *threshold* yang digunakan oleh *internationally approved threshold*.

Cerita berkenaan dengan *threshold*, I hendak balik kepada *my second structurable issue* yang pagi tadi pun kita sudah- isu hutang negara. Pagi tadi kita sudah dengar penjelasan dari Yang Berhormat Menteri dan juga Tuan Yang di-Pertua mengenai *threshold* untuk hutang negara

berbanding dengan GDP. Betul, kita punya *ratio* sekarang ialah 50.9 kalau tidak salah setakat bulan Jun. Bawah *threshold* 55 peratus. Yang saya cakap tadi memang *Singapore* punya *threshold is 115* kalau tidak salah, begitu tinggi. Bukan sahaja, *Singapore*, kalau kita tengok *threshold* lain-lain negara, *threshold debts* kepada GDP. UK- 92 peratus; *France*- 96 peratus; Kanada- 98 peratus; *Spain*- 100 peratus; *Singapore*- 110 peratus; dan *Italy*- 132 peratus.

Akan tetapi dari segi *national debt*, isu saya ialah bukan isu *ratio national debt* untuk GDP. Betul, kalau saya ambil *Singapore* sebagai contoh- 110 percent banding dengan kita 50.9 percent *we are very good*. Akan tetapi yang penting pada saya ialah *national net debt*, kita kena ambil *net debt*. Kalau kita tengok *Singapore 110 percent* dari segi hutang kepada GDP, tetapi *national net debt is zero*. So saya harap dalam, itu satu isu dia.

Kedua ialah *balance* di antara *domestic debt* dengan *external debt*. Ini saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan fasal kita nampak beberapa *figure* yang *contradictory figure*. Sebagai contoh saya ambil *national debt* ya. Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa menjawab, pagi tadi pun dan juga semasa menjawab beberapa soalan di Dewan Rakyat telah memaklumkan bahawa *national debt* setakat bulan Jun 2012 adalah RM685 bilion.

Ini pernah pun dilaporkan di dalam beberapa surat khabar, jawapan di Dewan Rakyat dan pagi tadi. Dari jumlah RM685 bilion ini, hanya 50.9 percent of GDP dan yang penting jawapan pagi tadi ialah 96 percent dari RM685 bilion ini adalah *domestic debt*. Yang ini penting fasal dari segi *debt servicing ratio* yang saya akan sentuh sekejap lagi. Akan tetapi isu saya, saya harap kementerian boleh menjelaskan kedudukan. Ini jawapan Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi pada 17 Ogos tahun ini, Bank Negara keluarkan satu *statement* di mana Bank Negara cakap *external debt* sahaja. *Malaysia external debt* sahaja sudah RM877 bilion. Tadi yang kita dengar RM685 bilion keseluruhan, hanya RM685 bilion dan dari RM685 bilion itu, *I think it was a ratio of 42 percent external debt, cuma 42 percent on GDP*.

Akan tetapi mengikut satu laporan Bank Negara, kita punya *external debt* kalau tidak salah setakat Jun adalah 66.9 peratus dari GDP. *So to me the issue is I hendak clarity* dari kementerian kalau boleh tolong menjelaskan setakat ini, tengok bila *you* punya *cut off date*. Berapakah sebenarnya kita punya *total national debt*, satu dan dari *total national debt* ini, berapa *domestic debt*, berapa *external debt*. Ini penting fasal dari segi kalau kita tengok *Japan* dulu. *I don't have the latest figures* untuk *Japan*. Kalau kita tengok dulu *Japan* dari segi *quantum national debt* dia lebih tinggi dari *Malaysia* dulu, 2 years ago. Akan tetapi kebanyakan dari dia punya *debt* itu datang dari *internal sources*.

So implikasi dia contoh kalau- lagi satu kalau boleh saya hendak kementerian menjelaskan berapa banyak kita bayar setahun sebagai *debt servicing charges*. Dalam *estimate* saya berdasarkan kepada kadar, kita punya *debt servicing charges* adalah dalam lingkungan RM30 bilion. Ini penting, kenapa *I* cakap. Macam tadi pun kedua-dua Ahli Yang Berhormat sebelum ini pun dia cerita fasal kita punya bajet defisit sedang menurun. Betul, bajet defisit kalau kita tengok bajet yang diramalkan untuk tahun 2018, bajet defisit turun dari tiga peratus ke 2.7 peratus, dari segi defisit. Akan tetapi bila *you* nampak 2.7 percent *is a very small deficit*, tetapi 2.7 peratus ini berjumlah RM40 bilion.

Isu saya macam ini. Sekarang pun kalau sudah sampai RM700 bilion, RM800 bilion hutang negara, *you* sekarang ada defisit sebanyak RM40 bilion dan untuk membiayai defisit ini, sekarang sudah defisit RM40 bilion ini, kerajaan mungkin terpaksa mencari pinjaman baru untuk membiayai defisit ini atau secara alternatif kalau tidak mahu buat pinjaman baru, terpaksa menjual aset yang kita ada untuk *subsidize* defisit itu. Kalau kita ambil sikap hendak pinjam, lagi banyak duit untuk...

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Pohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Ini fasal ada banyak masa ini.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar dengan teliti perbahasan Yang Berhormat dan saya terkilan juga lah bila Yang Berhormat panggil kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *consistently irresponsible* kerana saya seorang ahli perniagaan. Sebelum saya mengadakan satu-satu *investment*, termasuk juga sekiranya saya hendak berhutang. Saya sudah ada *plan* saya untuk saya membayar hutang tersebut.

■1530

Jadi bermakna, saya melihat bajet yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini cukup teliti. Malah, saya melihat juga, saya mengikuti perkembangan apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memanggil semua ahli-ahli yang terlibat dengan ekonomi untuk berbincang soal bagaimana nak meletakkan bajet tersebut. Soal bagaimana, berapa ringgit kita nak letak kepada sesuatu kementerian tersebut. Saya melihat di dalam perbahasan tersebut, di dalam panggilan tersebut, saya melihat berbagai-bagai idea yang didengar dengan teliti oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya yakin kalau dikatakan *consistently irresponsible*, maka saya minta supaya Yang Berhormat tarik baliklah kerana saya rasa tidak bersesuaian sangat. Oleh kerana dalam ucapan beliau itu, dalam kerangka yang kita tengok dalam bajet tersebut, saya melihat ada keuntungan-keuntungan atau pun pendapatan-pendapatan yang dapat mengatasi soal hutang piutang yang di masa depan tersebut. Ya, *we'll know domestic debt* banyak mana, *internal debt* banyak mana, kita faham soal ini. Akan tetapi soal pembayaran yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu saya yakin dan saya percaya bahawa ini telah diambil kira, Yang Berhormat. Yang Berhormat setuju tidak dengan pandangan saya tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Setuju atau tarik balik?

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Kedua-dua sekali.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Kedua-dua saya akan jawablah. Soalan setuju ya? Kalau saya nak jawab ini, saya cuma setuju satu saja, biar saya *explain*. Soalan hutang, saya setuju kalau dalam bahasa Inggeris kita cakap *debt*, hutang ini. Saya setuju hutang ini *is a function and feature of a growing economy*, itu saya setuju. Memang kita ada hutang tetapi yang lain semua saya tidak setuju. Yang Berhormat kena dengar tadi apa saya cakap.

Saya bila saya buat tuduhan *the Prime Minister is consistently irresponsible*, pada saya, saya masih cakap *consistently irresponsible* fasal saya pakai perkataan dari segi ketidakseimbangan, dari segi ketidakseimbangan. Saya menggunakan sebelum itu / sudah cakap, saya menggunakan *international benchmarking* untuk negara-negara membangun ialah 60:40.

Akan tetapi saya lagi satu yang saya boleh setuju dengan Yang Berhormat ialah kita boleh *agree to disagree without being disagreeable*. Itu saya setuju. Sama ada *my figures* betul, *my* pendirian betul, kementerian boleh jelaskan kemudian. Okey, saya teruskan.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Mohon mencelah lagi Yang Berhormat. Saya melihat kepada tafsiran *irresponsible* ini Yang Berhormat. Kalau kita membuat tuduhan kepada seseorang *irresponsible*, tidak beramanah, maksudnya, tidak beramanah. Tidak beramanah ini saya rasa satu perkataan yang cukup sensitif dan cukup membawa satu perkara yang memalukan kita, mempunyai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang tidak beramanah, *irresponsible*. Jadi, saya minta kalau boleh Yang Berhormat, kita sebagai manusia biasa ini, kita membuat kesalahan. Saya melihat di sini bukan kesalahan yang dibuat, cuma tuduhan yang melulu ini dibuat kepada Yang Amat Berhormat. Saya yakin saya tidak dapat menerima sekiranya tidak ditarik baliklah, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Sekali lagi biar saya *explained* ya tadi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Perkataan *irresponsible* itu tidak bertanggungjawab, bukan tidak beramanah. *I understand* tapi saya akan tengok dulu. Yang Berhormat, sambung balik ucapan, lepas itu kita akan bincang balik.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Ya, fasal tadi sebelum itu pun saya sudah cakap tadi pendapat pakar ekonomi. Ada dua kalangan pakar ekonomi, ada pakar ekonomi yang berpendapat bahawa nisbah, tadi sudah *I* cakap, ini saya ulangi. Nisbah selain dari 60:40 membayangkan disiplin fiskal yang kurang, *I* pakai perkataan yang kurang efisien tadi, kalau *you* tengok nisbah itu. Dari segi nisbah itu, saya berpegang kepada pendirian saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Apa yang saya sebut tadi fasal isu hutang negara dengan defisit. Kalau tidak tambah pinjaman untuk membiayai defisit, kalau tidak jual aset, maka kemungkinan untuk membiayai defisit ini, kerajaan terpaksa meningkatkan cukai untuk membiayai defisit. Sudah tentu kalau ini berlaku, ia akan menambah beban kepada rakyat. Apa yang penting kepada saya ialah kalau kita tengok dari segi *cycle* sekarang dan juga laporan-laporan Ketua Audit Negara dan sebagainya.

Bila kita tengok dari segi ketirisan perbelanjaan dan sebagainya. Pada saya, keraguan atau kerisauan saya ialah ia macam *never ending* lah *cycle*. Ini dua isu, implikasinya secara spesifik saja *I* nak sentuh. Implikasinya berdasar kepada kandungan bajet pada keseluruhannya. Kalau benda ini berterusan, *then* kita tidak akan mencapai status *high income nation* menjelang tahun 2020. Banyak kalau kita tengok semasa pembentangan bajet.

Banyak rujukan dibuat kepada *World Bank* dan sebagainya. Angka-angka yang di *quote*, contoh *5.2 percent*, *5.7 percent* pertumbuhan dan sebagainya. Apa yang saya pun *quote is World Bank*. *World Bank* cakap, kalau trend ini *continued*, *then* Malaysia akan terperangkap dalam *middle income trap*, itu kerisauan saya, yang dua-dua tadi itu banyak isu struktur. Saya nak pergi kepada beberapa isu spesifik yang ada kaitan dengan beberapa tajuk yang diliputi oleh Perbelanjaan 2018. Pertama sekali ialah isu pemberhentian kerja. Ini saya nak kait dengan apa yang kita dengar tadi dan juga di bajet, di mana Malaysia akan capai kadar pertumbuhan- *I* tidak boleh ingat muka surat

berapa di bajet. Malaysia akan mencapai kadar pertumbuhan tahunan di antara 5.2 peratus sehingga 5.7 peratus dalam bajet.

Baru-baru ini kalau kita baca satu kenyataan akhbar oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dia ramal pertumbuhan akan meningkat dari 5.7 kepada penggal ke-3, 2017 kepada 6.2 peratus. Ini berdasar kalau kita tengok bajet, banyak *figures* itu *quote* berdasar kepada *World Bank* punya *report*, 5.2, 5.7 dan 6.2. Akan tetapi *World Bank quote* baru-baru ini dan saya ada *statementnya* dengan saya. Baru-baru ini *World Bank* telah meramalkan bahawa kadar pertumbuhan untuk tahun 2018, yang tadi dalam bajet semua sebut fasal kadar pertumbuhan untuk *second quarter* dan *third quarter* tahun 2017, yang saya akan fokus ialah pada tahun 2018. *World Bank* punya ramalan ia adalah kadar pertumbuhan untuk tahun 2018 akan menurun ke 5 peratus dan kemudiannya akan menurun kepada 4.8 peratus pada tahun 2019.

Ini bukan saya punya *figures*, ini saya *quote* dari *World Bank*. So, pada saya, *figures* ini semua tidak penting pada saya, *because* ini *argument* kita boleh pakai 5.2, 4.8, *whatever figures* kita pakai. Pada saya, *what does this figures means?* Dengan izin, *what does this figures means in our daily life* kepada rakyat biasa? Kita boleh pergi cakap 5.7 tetapi kalau dia tidak cukup duit, *the 5.7 doesn't make any meaning* dalam *life* dia.

Itu yang saya nak bawa perhatian Dewan ini dan juga kementerian kepada bukan saja Kementerian Kewangan tetapi kementerian-kementerian yang berkenaan. Contohnya, kita cakap pertumbuhan ekonomi. Akan tetapi pada masa yang sama kita dapat bahawa pemberhentian kerja pun meningkat. *Doesn't make sense ya?* Ekonomi meningkat tetapi pemberhentian kerja pun meningkat, sebagai contoh ya. Tahun 2016 sebanyak 37,699 orang diberhentikan.

■1540

Tahun 2017, kita cuma ada *figure* untuk *first eight months* ya. Untuk *first eight months*, sudah sampai 26,638. Dan kalau kita ambil *trend* tahun 2017 yang juga berdasarkan kepada ramalan MEF, *Malaysian Employers Federation*, pada ramalan MEF, bilangan pekerja yang akan diberhentikan pada tahun 2017 akan melebihi angka tahun 2016.

This is my question. Satu hal kita cakap kita dapat ekonomi bertumbuh, tetapi *we also having higher rate of retrenchment.* Mungkin ada lain-lain sebab, itu saya akan sentuh kemudian.

Dan kalau kita tengok di masa pembentangan bajet, kita pun dapat Laporan Ekonomi untuk tahun 2017 sehingga 2018. Yang saya hendak fokus sedikit kepada Laporan Ekonomi ialah kalau kita tengok dari segi pemberhentian yang tinggi ini, mengikut Laporan Ekonomi, 75.8 peratus dari semua pemberhentian datangnya dari sektor pembuatan. *Manufacturing sector, 75.8 percent. Highest incident of retrenchment* berlaku dalam *manufacturing sector*. Dan kalau kita baca balik dalam Laporan Ekonomi itu, sebab-sebab utama untuk pemberhentian kerja ialah penutupan perniagaan, pengurangan pengeluaran dan pengecilan tenaga kerja. *This is what I meant contradictory.*

Akan tetapi pada waktu yang sama, kalau kita tengok dari segi unjuran perkembangan dan sebagainya, Laporan Ekonomi juga mengunjurkan bahawa sektor pembuatan ini akan meningkat. Dan dalam Laporan Ekonomi ini kita baca- dia dalam Laporan Ekonomi. Satu *side* dia cakap sektor pembuatan diunjurkan akan berkembang kerana eksport dijangkakan akan terus meningkat,

disokong oleh permintaan yang mampan dan juga permintaan domestik yang masih kukuh. Itu *one side*. Akan tetapi *another side*, dia cakap pemberhentian kerja yang paling tinggi adalah dalam sektor yang sama.

So soalan saya, mungkin bukan kepada Kementerian Kewangan tetapi kepada kementerian yang berkenaan. Jika benar ekonomi kita sedang berkembang dan kalau sektor pembuatan itu akan terus berkembang, kenapa berlakunya pemberhentian kerja begitu tinggi dalam sektor tersebut? *I am focusing on the manufacturing sector*. Sebab kalau kita tengok dari segi *projection*, ia akan bertumbuh. *But we having a very higher rate of retrenchment*. Pada saya, ini tidak masuk akal, yang saya cakap *contradictory figure*.

Mungkin kalau- *this is the situation*. Ini kemungkinan saja. Saya tidak buat apa-apa tuduhan ya. Mungkin disebabkan oleh lain-lain *factor*. Biasanya kalau ekonomi berkembang, peluang pekerjaan akan meningkat. *But* di sini kita dapat- ini saya fokus kepada pekerja tempatan saja. Ini kita nampak satu *contradictory situation*. Sebab itu saya cakap mungkin disebabkan oleh lain sebab, contohnya pekerja asing.

Sebab kalau kita tengok dari segi pekerja asing, sekarang ini sudah *1.8 million*. Ini saya cuma pakai semua *official figures*. Tidak ada *hearsay* punya. Ini *1.8 million*. Dalam 1.8 juta pekerja asing ini, 36 peratus *or to be exact*, 35.8 peratus atau lebih daripada 650,000 pekerja asing ini bekerja dalam sektor pembuatan. Ini isu saya di mana saya cakap ada *contradiction*. Sebab kalau kita tengok, sektor ini mempunyai bilangan pekerja asing yang begitu tinggi. Kalau *you* tengok, banding sektor pembuatan dengan perladangan, dengan *construction* dan sebagainya, sudah dua kali ganda. Sektor ini mempunyai pekerja asing yang paling tinggi.

Saya, kalau hendak, saya boleh bagi *figure*. Dia bukan sahaja untuk tahun 2017. Untuk tahun 2016 pun, sektor pembuatan mempunyai pekerja asing yang begitu tinggi. Akan tetapi, sektor ini juga merupakan sektor di mana pemberhentian kerja warga tempatan adalah paling tinggi. Sebagai contoh, *37 percent* dari pekerja yang diberhentikan pada tahun 2016 datang dari sektor pembuatan. Tahun 2016, *37 peratus*, tetapi yang mengejutkan ialah untuk lapan bulan pertama tahun ini, dari bilangan 26,638 pekerja yang diberhentikan, *78 peratus* datangnya dari sektor pembuatan. Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, *78 percent by any standard is too high*.

So kalau kita ambil ketiga-tiga ini sebagai kolektif dalam sektor pembuatan, ekonomi berkembang, *retrenchment* tinggi sangat, pekerja asing tinggi sangat, *then* soalan yang timbul dalam kepala saya, adakah pekerja tempatan diberhentikan dan digantikan dengan pekerja asing? Atau, *in a worst case scenario*, pekerja asing *is the last to be taken up*? So saya harap kementerian yang berkenaan boleh memberi satu penjelasan.

Dan isu saya bukan saja untuk pemberhentian. Saya boleh pergi, saya boleh *touch on the issue of* pengangguran terutama sekali pengangguran belia dan pengangguran siswazah. Ini saya sentuh sedikit pasal kalau kita tengok dalam bajet, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah sebut banyak sebagai *job creation* dan sebagainya tetapi sebelum saya sentuh...

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tanya Yang Berhormat. Kalau soal pemberhentian kerja ini, kalau Yang Berhormat dengar daripada- ya, saya pun ada lihat dalam akhbar, MEF. Akan tetapi yang saya hendak tahu,

kalau Yang Berhormat tahulah, sektor yang mana? Sebab, jawatan yang diberikan kepada pekerja asing dengan pekerja tempatan saya rasa berlainan tetapi kalau terlibat, mungkin apa Yang Berhormat kata itu mungkin betul. Cuma, Yang Berhormat tahu tidak sektor apa yang terlibat dalam pemberhentian ini? Adakah perkilangan ataupun perladangan dan sebagainya? Terima kasih.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Kalau berdasarkan kepada Laporan Ekonomi dan juga MEF, untuk tahun 2016, dari segi bilangan pekerja yang diberhentikan- lokal ya. Kita sebut hanya lokal ya sebab *figures* dari *Labor Office* dia tidak *contain figures* dari pekerja asing. Dia cuma ambil *local Malaysian*. Kalau kita ambil tahun 2016, jumlah pekerja yang diberhentikan adalah sebanyak 37,699. Dan daripada 37,699 ini, yang datang dari sektor pembuatan ialah 37 percent.

▪ 1550

Akan tetapi kenapa saya cakap ini? Walaupun 37 percent ini bukan 50 percent untuk kita say *the highest* tetapi 37 percent ini *is the highest* kerana yang lain itu semua 23 percent, 17 percent dan sebagainya. Itu tahun 2016. Ini semua berdasarkan kepada laporan...

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya sedikit?

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Saya jawab Yang Berhormat dulu. Untuk tahun 2017, untuk enam bulan yang pertama adalah 26,000 lebih dan dari angka yang saya dapat ini, menurut Laporan Ekonomi 2017/2018 yang kita dapat itu, pemberhentian tertinggi dicatat di sektor pembuatan iaitu setinggi 75.8 peratus. *I ada laporan ekonomi di sini tetapi I don't have the exact page, but I can find. Okay.*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedap dengar bila dia kata diberhentikan. Saya hendak tahu *figure*, Yang Berhormat. Berapa orang yang diberhentikan dan berapa orang yang berhenti? Yang saya tahu kebanyakannya berhenti kerja. Gaji RM1,000. Kalau tidak tahulah dalam sektor pembuatan. Kalau kita tengok di stesen minyak. Kebanyakan. Ini anak saudara saya ini, bekerja di stesen minyak. Gaji RM1,000. Seminggu kerja berhenti. Dia berhenti, bukan diberhentikan. Dia berhenti.

Jadi saya hendak tahu. Ini saya tengok macam Yang Berhormat cakap itu semua itu diberhentikan tetapi saya difahamkan banyak yang berhenti. Banyak yang berhenti sebab gaji RM1,000. *Local*, dia tidak mahu kerja. Kebanyakan di stesen minyak kenapa ada Bangla-Bangla dan Nepal kerja ini sebab saya tanya, gaji RM1,000. Seminggu pergi kerja, orang Melayu, orang *local* kita ini berhenti. Jadi saya tidak sedap dengar diberhentikan, diberhentikan. Kalau diberhentikan, orang lain bekerja pula. Macam *unfair*. Jadi saya hendak tahu diberhentikan atau dia berhenti? Individu sendiri berhenti. Terima kasih.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Saya sebut tadi adalah mereka yang diberhentikan dan bukan mereka yang berhenti secara sukarela ataupun kalau kita tengok dari segi HR ataupun *natural attrition* kerana persaraan, orang meninggal dan sebagainya. Saya *quote* ialah statistik orang yang diberhentikan dan bukan orang yang *resign*. Mungkin kalau kita campur, itu pilihan. Kalau dia *resign*, itu pilihan. Dia tidak boleh mengadu.

Ini kerana kalau kita tengok keseluruhan, selepas ini saya akan- isu yang berhenti, yang tidak dapat kerja itu, itu isu mungkin selepas ini saya akan sentuh sedikit mengenai isu itu. Itu isu pengangguran. Akan tetapi buat masa sekarang ini / cuma fokus on pemberhentian. So ini soalan sayalah. Kenapa sektor pembuatan, berkembang? Laporan Ekonomi cakap dia punya sektor memang berkembang, permintaan mampan, permintaan domestik begitu kukuh dan sebagainya dan kenapa ada pemberhentian begitu tinggi? *I am at a lost*. Itu saya harap kementerian boleh membantu sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sila duduk. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi, tadi ada membangkitkan untuk menarik balik kerana perkataan itu adalah satu tohmahan. Walaupun ini bukan peraturan mesyuarat, tetapi saya ingin mengingatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat supaya jangan buat perkataan-perkataan kesat. Saya hendak minta Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan, *the meaning* yang digunakan oleh *irresponsible* itu tidak bertanggungjawab atau tidak beramanah?

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Saya pakai ertinya tidak bertanggungjawab. *Because* kalau kita tengok itu masa sebelum saya cakap...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa, tidak apa, Yang Berhormat. Saya pun setuju dengan pendapat itu kerana kita ini berbeza dari Dewan Rakyat. Tolong, kita ini hormat-menghormati antara satu sama lain, pemimpin negara dan sebagainya dan semua Ahli Yang Berhormat. So, terima kasih. Silakan.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Terima kasih. Kalau itu niat saya, saya akan pakai perkataan *not trustworthy*. Saya tidak pakai perkataan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, silakan.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: *Now*, saya balik kepada isu...

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Apa beza, Yang Berhormat? Tuan Yang di-Pertua? *Trust*?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sepatutnya Yang Berhormat kena keluarkan peraturan mesyuarat yang mana satu. Lain kali keluarkan sahajalah. Baca peraturan mesyuarat. Kedua, *irresponsible* bermakna tidak bertanggungjawab. Tidak beramanah ialah *dishonest*. Akan tetapi makna yang Yang Berhormat gunakan itu boleh guna pakai tetapi hasrat Yang Berhormat telah dijelaskan.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Ya, *but* yang Yang Berhormat mengatakan *untrustworthy* pula.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, tidak.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, dia cakap tidak.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Okey sebab kalau kita tidak bertanggungjawab itu akan menjurus kepada tidak amanah, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Okey, saya meneruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Isu pengangguran tadi. Terutama sekali saya cakap pengangguran belia dengan pengangguran siswazah. Kalau kita tengok dari segi kadar pengangguran dalam bajet semasa pembentangan bajet, dari segi kadar pengangguran, kita tengok kadar pengangguran tidak berbeza antara tahun 2017 dengan tahun 2016. Sebanyak 3.4 peratus. Banyak pakar ekonomi *labor expert*, ILO dan sebagainya, dia cakap kalau kadar pengangguran itu bawah dari empat peratus, *that is a normal* kadar pengangguran.

Akan tetapi kalau yang *concerned* saya ialah bukan dari segi kadar tetapi bilangan belia yang menganggur. Kalau kita ambil untuk enam bulan yang pertama, *total* yang menganggur, *unemployment* adalah lebih daripada setengah juta, 511,000. Dari segi keseluruhan. Semua kategori pekerja.

Ini saya membentangkan *figure* ini kerana saya hendak fokus kepada bajet. Kalau kita tengok perenggan ini, saya ingatlah perenggan 24 berkenaan dengan *job creation* di mana dalam pembentangan belanjawan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberitahu bahawa pewujudan atau kerajaan berjaya mewujudkan sebanyak 2.26 juta pekerjaan.

Dari sasaran *Economic Transformation Program* (ETP) di mana disasarkan 3.3 juta pekerjaan dan sekarang sudah capai 2.26 juta, pada saya *by any standard, this is a very good achievement* kalau kita boleh capai kerana dia ada dia punya *dateline*. Kalau tidak salah *I think was 2030* untuk kita capai *this number of figures*. Sorry, *by 2020*. ETP, dia punya *target* antara lain, *target the various ETP programs* ialah menjelang tahun 2020 kita akan mewujudkan *on 2010* sehingga 2020 kita akan mewujudkan 3.3 juta. *Successfully* sudah sampai 2.26 juta. Sebanyak 69 percent, *which is a very high rate of achievement*, pada sayalah.

Akan tetapi ini balik kepada *again the contradiction*. Kalau kita sudah mewujudkan 2.26 juta pekerjaan, kenapa masih terdapat setengah juta rakyat yang masih menganggur. Sebelum sesiapa mencelah, *I thought argument* akan datang, *their selective* dan sebagainya. Biar saya habis dulu. Ini kerana kalau kita banding ini dengan *active job seekers*, kita akan tengok *the issue of selective thing* tidak timbul.

So kalau kita balik kepada ini, isu saya ialah 2.26 juta pekerjaan yang diwujudkan ini, *which I said it is a very good figure*. Soalan saya, saya harap kementerian boleh memberitahu. Berapa dari 2.26 million ini diisi oleh warga tempatan dan berapa diisi oleh pekerja asing? Ini kerana kalau saya ambil setakat *last year* punya statistik, saya tidak ada statistik untuk *this year*. Kalau kita ambil *last year* punya statistik, dari 2.26 million yang diwujudkan, sebanyak 350,000 diisi oleh pekerja asing. *This is* dari Laporan Ekonomi. Bukan sahaja dari Laporan Ekonomi tetapi banyak kajian, *research, houses* dan sebagainya. Isunya berkenaan *the type of jobs we are creating* itu mungkin dalam sektor yang macam Yang Berhormat cakap mungkin dalam sektor di mana rakyat Malaysia tidak berapa minat dan terpaksa diisi oleh pekerja asing.

■1600

So, the types of jobs we are creating. Bila saya sebut fasal *type of jobs* yang kita *creating* ini, ia penting kalau kita beban atau *we look at it collectively*- secara holistik dari *type of jobs* yang *dcreated* dengan pengangguran belia. Pengangguran belia pada saya sekarang sudah sampai

satu kadar yang betul-betul merunsingkan terutama sekali sejak tahun 2015. Pada tahun 2015, *for the first time*, ini *graduate unemployment*, *for the first time* kita capai *two digits figure*, *first time graduate unemployment*.

Dato' Sri Khairudin Samad: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencekah fasal Yang Berhormat bagi pula, terima kasih. Saya teringat bila sebut sektor yang dibuat untuk dapat dan apa Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah sebut tadi. Adakah Yang Berhormat melihat, sebab saya masih ingat, saya bantangkan di dalam Dewan yang mulia ini dulu bahawa kenapa kita membentuk gaji minimum untuk pekerja asing tetapi tidak untuk pekerja tempatan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Bersyukur saya ke hadrat Allah SWT sebab mendengar itu Yang Amat Berhormat telah pun mengadakan gaji minimum untuk pekerja tempatan RM1,200. Kalau apa yang Datuk Haji Abdullah sebut tadi, gaji RM1,000 maka banyak orang berhenti sebab dia tidak mencapai gaji yang ditetapkan RM1,200. Adakah kerajaan ataupun pembentukan sektor-sektor ini dengan gaji yang murah RM900 maka diisi oleh pekerja asing? Ataupun disengajakanlah maksudnya. Apa pendapat Yang Berhormat?

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Saya setuju kalau kita cakap ada sebahagian pemuda kita atau rakyat Malaysia yang sangat selektif di mana dia hendak kerja. Itu memang berlaku. Akan tetapi balik kepada soalan pekerja asing. Kalau kita tengok pekerja asing contohnya, tujuan asal ialah kita benarkan pekerja asing kepada apa yang kita panggil, masa itu kita tidak pecah ikut pembuatan, perkilangan, perladangan dan sebagainya. Kita cakap *3D jobs "dangerous, dirty"*, dengan *"demeaning."*

Akan tetapi sekarang kita tengok, I balik kepada Yang Berhormat *raise* tadi, *petrol pump*. *Petrol pump cashier*, *cashier* punya *job petrol pump* dibagi kepada pekerja asing. *Mydin cashier* di Pasaraya Mydin pekerja asing, mana ada *3D job*. Pada saya konsep pekerja asing itu betul tetapi dalam proses pelaksanaan ini banyak sangat *exception to the rules*, ini yang menjadi masalah. Sebab-sebab saya tidak mahu sebutlah tetapi banyak sangat *exception to the rules*. Ini yang jadi isu.

Akan tetapi saya setuju ada sebahagian rakyat Malaysia dia *very* selektiflah mana dia hendak kerja. Akan tetapi isu saya kalau, kalau *this kind of sector*, kalau betul-betul kita fokus hanya kepada *3D*, pekerjaan-pekerjaan ini tidak ada majikan itu tidak ada pilihan lain akan terpaksa *fill* dengan pekerja tempatan atau mungkin *automation*lah. Ini yang isu saya.

Kenapa saya fokus pembuatan? Fasal kalau kita tengok dari segi *productivity statistic*, kalau kita tengok *productivity statistics*, alasan, alasan *I don't have the figure* pada petang ini. Akan tetapi alasan yang banyak majikan pakai ialah *foreign workers* lebih produktif dari *Malaysian workers*, tetapi dari segi dalam *manufacturing sector*. Akan tetapi kalau kita ambil *the total productive ratio* dalam *manufacturing sector* di mana *total revenue* bila *you divided by the number of pekerja* itu, ia tidak berapa meningkat pun. So, itu saya punya *concern*lah.

Banyak ini semua bukan- kali ini bila saya membahaskan ini saya memakai angka-angka yang saya dapat dari semua laporan kerajaan sahaja, *nothing from the newspapers*. Semua dari laporan kerajaan.

Okey, balik kepada yang saya cakap tadi dalam pengangguran belia, bukan siswazah, belia pada keseluruhannya. Kenapa saya cakap dia amat merunsingkan ialah sejak tahun 2015 ialah kali pertama pada tahun 2015 kita mencapai kadar pengangguran belia mencecah dua digit, 10.7. Sebelum ini selalu sembilan, sembilan, sembilan dan sebagainya.

Tahun ini mengikut Laporan Bank Dunia, mengikut Laporan Bank Dunia kadar pengangguran belia pada tahun ini sudah sampai tahap 12.1 peratus. Biasanya kalau kita tengok tahap pengangguran belia itu, *it is always higher than the national unemployment rate* fasal dia banyak selektif dan sebagainya. Biasanya tiga kali ganda. Akan tetapi pada tahun ini *youth unemployment* berbanding dengan *national unemployment 12.1 percent, youth unemployment, national unemployment* punya *ratio* 3.4 peratus.

Bilangan saya tidak dapat berapa statistik untuk tahun 2017. Akan tetapi kalau kita banding pada tahun 2016, mengikut laporan itu bilangan belia yang menganggur adalah setinggi 273,400 orang. Sudah tentu kali tahun ini sudah lebih dari ini. Saya membawa isu ini ialah kerana kalau kita banding *figure* ini dengan *Economic Report*. Dalam *Economic Report* dari segi bilangan pekerja aktif *job seekers*, bilangan pekerja yang sedang mencari kerja secara aktif paling tinggi ialah dalam kumpulan umur 20 tahun sehingga 24 tahun. Aktif *job seekers*.

Paling tinggi kalau kita baca Laporan Ekonomi ialah 67 peratus datangnya dari *this age group*, 20 tahun sehingga 24 tahun. Itu isu saya dengan pengangguran belia...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagi?

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Sekejap lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Tolong ringkaskan.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: So, isunya bukan dia selektif sangat, dia masih *applying for jobs* dengan Jabatan Buruh dan sebagainya tetapi tidak dapat.

Satu lagi isu yang saya hendak sentuh yang banyak diliputi oleh bajet TN50 dan sebagainya isu pengangguran dalam kalangan siswazah. Ini bukan satu isu yang baru. Ramai Ahli Dewan Negara pun telah membangkitkan isu-isu mengenai pengangguran siswazah sebelum ini, banyak sebelum ini. Akan tetapi kalau kita tengok pengangguran siswazah, banyak kajian telah dibuat, bukan oleh kerajaan sahaja banyak universiti, Bank Negara dan badan-badan penyelidik banyak telah buat kajian.

Saya hendak sentuh sedikit mengenai hasil dari kesemua-semua kajian ini, dari segi *summary*. Kalau kita tengok semua kajian ini, kita nampak pengangguran di kalangan siswazah semakin meningkat, satu. Disebabkan oleh isu *employability* siswazah yang semakin membimbangkan dan faktor utama ialah ketidakpadanan dalam pasaran kerja dari segi kemahiran atau dari segi *qualification* dia ada dengan *jobs* yang *the created*. Kalau kita tengok dari segi pewujudan kerja, *2.26 billion* pekerjaan diwujudkan.

Dari segi pekerjaan yang memerlukan kemahiran yang tinggi, adalah terhad dari segi *2.26 billion*. So, kalau boleh saya hendak dapat pecahan dari kementerian, dari *2.26 billion* ini berapa

dari kalangan ini adalah untuk pekerja dari kemahiran tinggi. Fasal sebelum ini kalau kita tengok, saya mengakui kerajaan telah mengambil banyak langkah-langkah untuk mengatasi masalah pengangguran siswazah seperti *Accelerated Skills and Enhancement Training (ASET)*, lagi satu *Graduate Employability Management Scheme (GEMS)*.

Baru-baru ini dalam bajet kita tengok Skim Latihan 1Malaysia di mana ada tambahan RM40 juta. Akan tetapi pada saya, saya cuma hendak cakap kalau kita tengok langkah-langkah ini dia cuma lebih sebagai *fire fighting* atau *stop gap measures*.

■1610

So, saya hendak buat cadangan ini, bukan cadangan saya, saya hendak ambil satu cadangan dari beberapa badan profesional, yang saya hendak fokus ialah cadangan yang dibuat oleh Bank Negara. Baru-baru ini Bank Negara berpendapat bahawa usaha-usaha untuk menangani masalah pengangguran siswazah perlu- ini saya *quote* tetapi saya *summarize* dari *report* Bank Negara, perlu dijadikan agenda tetap negara, sebagai satu *permanent feature*. Dari aspek itu, kalau kita menjadikan ia sebagai satu agenda tetap negara, *then* daripada aspek itu, pembangunan modal insan yang bersesuaian pun penting. Dengan itu, sistem pendidikan perlu di *transform*, institusi-institusi pengajian tinggi perlu diberi lebih banyak autonomi dan tanggungjawab untuk melahirkan siswazah yang cukup berteknologi tinggi dan serba boleh.

Satu lagi, berkenaan dengan siswazah sebelum saya apa ini. Perlu mengadakan lebih banyak kolaborasi antara agensi-agensi pendidikan dan pihak industri supaya dari segi *employability* ini, pendidikan-pendidikan tinggi dapat memahami keperluan industri dan mengeluarkan *graduate* yang boleh menampung keperluan industri-industri itu. Itu berkenaan dengan ini.

Dalam bajet, saya hendak sentuh satu dalam isu *graduate*, satu *plus point* dalam ini. Kalau kita tengok *graduate employability* ini, salah satu masalah sebenarnya apabila saya hendak buat isu, hendak cari *information* untuk perbincangan ini pun, banyak sangat dari segi *source of information*, sangat susah hendak dapat statistik berkenaan *youth employability* dan sebagainya. Masalahnya ini juga, banyak laporan saya baca dari *academic papers* dari *university research papers*, ia juga menyuarakan *difficulty* untuk mendapatkan statistik.

So, saya hendak buat satu cadangan di sini, rujuk kepada bajet yang dibentangkan, perenggan 90. Kalau kita tengok perenggan 90 bajet ini, ia fokus kepada satu cadangan untuk membuat satu *stop center* atau pusat sehati. Saya mengalu-alukan penubuhan pusat sehati ini cuma kalau boleh, / hendak pusat sehati memperluaskan skopnya supaya dapat juga jadi sebagai satu *centre* di mana kita boleh mendapat statistik.

Kalau kita tengok bajet itu, ia cuma cadang pusat sehati itu menggabungkan *JobsMalaysia*, HRDF, TERAJU, PERKESO, skim latihan. Cuma dari segi tugas itu, menambah maklumat. Sebenarnya ada banyak lagilah fasal tadi Tuan Yang di-Pertua cakap *take your time* tetapi oleh sebab sekarang sudah kesuntukan masa, saya akan berhenti di sini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan. Pandangan yang baik. Sekarang saya hendak teruskan kepada satu lagi tokoh kita, Yang

Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Diberikan peluang 20 minit, ya Yang Berhormat. Dipersilakan.

4.14 ptg.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: 20 minit boleh tawar lagi tak Tuan Yang di-Pertua? *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang. Salam negaraku Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang cepat kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2018. Saya hendak terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dalam bajet yang diumumkan pada 27 Oktober baru ini, satu bajet yang terbaik dalam sejarah Malaysia iaitu pada tahun lepas, RM260 bilion, baru-baru ini RM280 bilion, menunjukkan bahawa ekonomi negara kita semakin berkembang dan pendapatan negara semakin bertambah.

Kalau pihak pembangkang uar-uarkan negara hendak bankrap, itu adalah satu fitnah besar yang sengaja dibuat-buat untuk mempengaruhi rakyat yang kecewa. *Insya-Allah* dengan bajet itu, dengan fitnah, cakap-cakap persepsi daripada pembangkang yang dengan sengaja untuk memburukkan kerajaan negara Malaysia ini, akan dapat diterjemahkan, akan memberi ruang kepada rakyat untuk menilai dalam Pilihan Raya ke-14 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya apabila tengok bajet baru ini, bajet terbaik. Dalam undian kita menang tetapi pembangkang menentang. Tidak menyokong bajet sebab pembangkang melihat dari segi *angle* kalau Dato' Sri Najib sudah kata dia ini manusia biasa. Kalau dia hendak cipta bajet, tentunya tidak sempurna sepenuhnya. Sekurang-kurangnya 80 persen daripada sasaran bajet itu tercapai. Maka pembangkang ambil 20, 10 persen daripada itu. Jadi satu perkara yang tidak baguslah. Kalau benda itu baik, baik lah. Sokonglah kerajaan. Jangan tidak sokong. Ini bajet tolak, peruntukan minta. Ibarat kata, itik dipijak mati, telurnya hendak. Mana boleh. Jadi itulah. Saya rasa tidak sesuai. Bajet tolak, peruntukan mahu.

Tengok di Penang baru-baru inilah. Minta bajet tambah, peruntukan tambah. Di Kelantan, hendak bayar gaji tahun depan, sudah minta tetapi, *alhamdulillah* baru-baru ini PAS dia tidak tolak. Dia berkecuali. Terima kasihlah kepada PAS. Yang lain-lain menolak tetapi minta duit dengan kerajaan- Dato' Sri Najib, Kerajaan Pusat. Kalau saya jadi PM, saya tidak bagi sudah. Sudah tolak, bagi buat apa lagi?

Tuan Yang di-Pertua, kita tengok dalam bajet baru-baru ini, kerajaan kita, kerajaan Dato' Sri Najib ini, dia menjaga rakyat daripada dalam perut sampai beranak, besar, dewasa, sampai mati dia jaga, *complete set*. Dulu yang beranak tidak boleh duit. Ini bagi lagi saham RM200. Mana ada kerajaan dalam dunia macam ini? Negara lain tidak ada. Kita tengok, yang mengandung lima bulan, lima bulan mengandung diberi cuti awal, balik awal, sejam awal. Bukan sahaja isteri, suami pun balik juga. Itu dari segi masa. Kalaulah ambil kira satu jam itu RM10, satu bulan 30 hari. Maknanya RM300. Isteri RM300, suami RM300. RM600 sebulan. Itu kalau dikira dari segi duit. Sekarang ini kira dari segi masa, sampai macam itu sekali dijaga, kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib.

Kemudian, dalam bajet tahun lepas diberi wang sara hidup kepada penoreh-penoreh getah yang mana pada bulan November, Disember dan Januari tidak boleh menoreh. Dia bagi RM200. Maknanya pada masa itu, kalau dia tidak boleh menoreh pun, maknanya dapurnya boleh berasap. Boleh makan. Sampai macam itu sekali Dato' Sri Najib dia fikir untuk rakyat ini. Pada bajet baru ini, oleh kerana penoreh getah dia bagi maka Dato' Sri Najib fikir pula supaya penanam-penanam padi, pesawah juga diberikan ganjaran. Maka dua bulan, tiga bulan sebelum padi dituai, diberikan juga RM200.

Jadi hendak cari mana kerajaan yang macam kerajaan Dato' Sri Najib ini? Susah hendak cari tetapi pembangkang dia lihat dari segi *angle* yang salah, *angle* yang tidak betul. Dia melihat sebelah mata, bukan lihat dua belah mata. Cakap tidak betul. Jadi saya tengok, kerajaan Dato' Sri Najib ini yang terbaiklah. Dia ikhlas, *honest*, dengan izin, dalam menyejahterakan rakyat di negara ini. Banyak lagilah. Kalau hendak kira, kalau hendak kira, *start* daripada dalam perut, lahir, muda, dewasa sampai mati, dijaganya rakyat Malaysia ini. Pagi tadi Tuan Yang di-Pertua, banyak kali hendak bangun bercakap soal banjir ini. Rantau Panjang baru habis banjir.

■ 1620

Kalau banjir lagi, saya tidak mari hari ini sebab Rantau Panjang tahun ini banjir agak teruk sikit lah. Mangsa pindah seramai 6,777 orang, berpindah. Cuma banjir itu banjir lah. Banjir ini macam tadi Yang Berhormat Menteri, banjir yang datang, banjir yang kerana kesilapan kita. Di Rantau Panjang ini- setakat saya ada di dunia ini, memang banjir sepanjang tahun. Dan saya ingat kementerian-kementerian yang berkenaan seperti Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, KPKT, JPS, JKR mesti kolaborasi supaya mencari dan menyelesaikan kenapa berlakunya banjir. Hujan dan banjir itu memang ia mari setiap tahun, bermusim, setiap tahun mari hujan.

Akan tetapi kementerian-kementerian ini kena fikir, kalau lah Kementerian Sumber Asli sahaja yang jaga sungai ataupun *monsoon drain* yang besar-besar ini, tidak selesai juga. KPKT yang jaga saliran, perparitan, JPS menjaga saliran, JKR menjaga parit juga di tepi-tepi jalan besar. Jadi bila kita tanya, ini tugas JPS, ini JKR, ini KPKT, ini Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Kementerian ini kena *collaborate*, yang berlaku banjir di Rantau Panjang itu bukan soal banjir itu banjir juga, tetapi sistem perparitan, pengaliran air memang *out*.

KPKT kena melihat taman-taman perumahan, saya macam mana boleh lulus, dapat CF, longkang tidak ada, parit tidak ada, boleh dapat CF di Rantau Panjang lah. Oleh sebab itu kita tengok kawasan-kawasan perumahan mudah banjir. Hujan dua hari sudah banjir, air sungai tidak naik sudah banjir sebab tidak ada sistem perparitan dan pengaliran air yang betul. Tiba-tiba jalan besar, sesetengah tempat *ada monsoon drain*, sesetengah tempat putus tidak ada *monsoon drain*. Macam mana boleh JPS, JKR boleh tengok sahaja benda ini sampai bertahun-tahun, apabila banjir dan apabila banjir ini memang merugikan kerajaan.

Pertama, orang kampung rugi, kerugian besar, orang pun rugi kerosakan harta benda. Kerajaan pula rugi memberi bantuan setiap tahun, bantu-bantu. Jadi saya minta lah empat kementerian ini *collaborate* supaya selesaikan masalah sistem perparitan, pengaliran supaya bila air hujan itu dapat dialihkan ke sungai-sungai atau ke paya-paya yang boleh mengalirkan air dan dapat menyelesaikan masalah banjir segera ini.

Saya hendak sentuh Kementerian Pendidikan, saya tengok sekolah tahfiz ini, tidak tahu lah dekat mana, dekat Rantau Panjang itu saya tengok banyak muncul sekolah tahfiz. Saya hendak minta lah mana-mana sekolah tahfiz ini biarlah berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia walaupun tadi diberitahu bahawa mesti berdaftar dengan Majlis Agama Islam Negeri. Akan tetapi saya hendak juga sekolah tahfiz ini berdaftar dengan ataupun dilesenkan oleh Kementerian Pendidikan, sebab apa, bila berlaku, *if anything happen*, dengan izin, kalau kebakaran, runtuh kah, yang kena adalah Kementerian Pendidikan. Semua orang menuding jari, tengok ini Kementerian Pendidikan.

Walhalnya sekolah tahfiz dibina secara individu, individu. Tidak tahu pun sekolah tahfiz wujud ni. Tidak tahu pun. Dekat kampung saya banyak. Tiba-tiba, "Oh tahfiz baru ini." Jadi bila berlaku kebakaran ataupun runtuh, kena ribut, yang kena Kementerian Pendidikan, jadi saya minta lah Kementerian Pendidikan carilah inisiatif supaya semua sekolah tahfiz ini berdaftar dengan Kementerian Pendidikan dan kalau ada daftar ini ada sistem sedikit Skim pendidikan pun sistematik, belanja pun tidak perlu minta derma, kementerian akan bagi.

Kementerian- Dato' Sri Najib ini soal agama, soal keagamaan memang tidak tolak ansur. memang dia bagi. Contohnya, hari itu saya minta, hantar kertas kerja hendak buat sebuah masjid belanja RM700 ribu. Dato' Sri Najib tengok, terus lulus punya- soal agama Dato' Sri Najib tidak tolak ansur, memang dia terus lulus, dia tidak ada kompromi soal agama, soal buat masjid, soal surau, soal buat madrasah, memang *confirm*, dia lulus, tidak ada rundingan-rundingan, terus lulus punya. Dato' Sri Najib soal ini memang *first class* punya, soal agama. Memang tidak tanya banyak-terus lulus punya, buat masjid, buat surau, baiki surau minta dengan Dato' Sri Najib, memang dia bagi.

Dan saya hendak tanya juga Kementerian Pendidikan, soal Kursus MPQEL ini bagus, hendak terima kasih lah kerana ini ujian kelayakan untuk menjadi pengetua dan guru besar. Akan tetapi saya hendak minta lah jika boleh, Kementerian Pendidikan supaya cari kaedah lain supaya guru-guru yang sudah lama, umur 57, 50 ke atas lah yang kalau hendak kira layak hendak menjadi pengetua atau guru besar. Sekarang ini guru besar muda-muda, umur 43, 45. Guru di bawah dia umur 55, 56, 57, jadi kalau dari segi pengalaman dan ilmu tentunya banyak yang ini yg ini jadi pengetua guru besar kerana pergi kursus dapat MPQEL boleh dilantik sebagai guru besar.

Jadi saya hendak minta kementerian supaya mengkaji kaedah alternatif supaya guru-guru yang lama yang umur 56, umur 57 ini diberi peluang untuk diserap jadi pengetua, guru besar. Kemudian hantarlah kursus apa pun yang setara dengan MPQEL yang melayakkan dia untuk menjadi guru besar dan pengetua.

Sebab ini rungutan, dan guru besar umur 43 hendak tadbir umur 56 itu saya rasa hendak ajar-ajar susah sikit. Jadi saya hendak minta kementerian fikir satu kaedah dan serap kemudian pergi kursus yang sesuai setaraf dengan MPQEL untuk membolehkan guru dan pengetua, guru-guru biasa yang layak menjadi guru besar dan pengetua.

Tadi disebut pengangguran, pengangguran ini memang betul. Kadang-kadang kita tengok *figure* ini yang berdaftar dengan Jabatan Buruh, Jabatan JTK, kadang-kadang mereka daftar dan dalam masa yang sama juga dia menjalankan aktiviti perniagaan. Oleh sebab itulah sekarang ini

kerajaan Dato' Sri Najib menyediakan banyak insentif, peluang-peluang untuk pinjaman, pinjaman tanpa penjamin banyak pinjaman yang diberi untuk memberi peluang kepada generasi muda ataupun mahasiswa-mahasiswa ini untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan.

Dan ini saya yakin kalau di Kelantan di Rantau Panjang contohnya, banyak yang berniaga *online business*, dia berdaftar juga dengan JTK tetapi dia menjalankan aktiviti perniagaan. Kebanyakan mahasiswa perempuan kebanyakannya berniaga *online*- kain tudung, kebanyakannya berniaga- *online business*. Jadi saya nampak tidak timbul, menganggur itu ada tetapi tidak ramai sebab kebanyakan peluang berniaga. Dalam negara menuju negara maju ini, memang projek besar tidak ada, cuma ia lebih fokus kepada servis. Oleh sebab itu tadi kalau kata kena buang kerja saya tidak terima, kalau buang kerja. Kebanyakan yang berhenti kerja sebab orang kita ini gaji RM1000 ini dia tidak mahu dia hendak gaji lebih RM1000.

Dan ini fasal banjir lagi ini. Soal banjir ini Tuan Yang di-Pertua, tadi saya cakap fasal banjir, ini pasal mangsa banjir. Mangsa banjir yang berpindah di pusat perpindahan ini, saya minta NADMA mengambil alih tugas ini. Oleh sebab kalau diberi tugas kepada Tok Penghulu ataupun penjaga pada mangsa banjir itu, di tempat pusat pemindahan, kadang-kadang apabila hantar nama, sebab kerajaan bagi bantuan sumbangan RM500 kepada mangsa banjir setiap keluarga, tetapi banyak yang tertinggal, sebab dekat Kelantan ini tahu lah- sebab kerajaan walaupun dari segi kemanusiaan tetapi ada yang tertinggal nama berdaftar tetapi apabila nama dihantar untuk mendapatkan sumbangan RM500 itu banyak nama yang tertinggal. Tidak ada nama. Ini yang menjadi masalah, bukan sedikit.

■1630

Macam baru-baru ini di Rantau Panjang sahaja, yang *miss*, yang ada surat pindah, surat yang mengatakan dia pindah, tidak dapat, 451 orang. Jadi saya minta supaya benda ini tidak menjadi beban kepada Kerajaan Pusat.

Duit ini duit Kerajaan Pusat, duit kerajaan Dato' Sri Najib. Maka saya minta NADMA iaitu Agensi Pengurusan Bencana Negara mengambil alih nama-nama mereka yang berpindah di pusat-pusat pemindahan supaya kalau tercicir pun tidak ramai. Kalau tercicir pun tidak ramai dan ia tidak menjadi beban kepada Kerajaan Pusat. Lebih-lebih lagi kita hendak pilihan raya ini, kadang-kadang mereka ini mudah hendak *take for granted*.

Kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya hendak cadangkan satu sahaja. Ini sebab saya tengok di mana-mana tempat bahagian, mesti ramai ibu tunggal. Ibu tunggal ini ada yang tua, ada yang muda. Mereka yang muda umur 20 pun sudah jadi ibu tunggal, 21 tahun pun sudah ada ibu tunggal. Saya hendak minta kementerian ini supaya menubuhkan satu jabatan ibu tunggal untuk menjaga kebajikan ibu tunggal-ibu tunggal... [Disampuk] Ini memberikan *mileage* kepada Kerajaan Barisan Nasional. Bila kita jaga ibu tunggal ini ramai-ramai ...

Seorang Ahli: Belakang, belakang.

Dato' Shanim binti Mohamad Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Oardin: Yang bukan ibu tunggal tidak payah mencelah.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Ini bukan ibu tunggal. Okey.

Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff: Saya hendak kalau boleh Yang Berhormat perincikan sedikit jabatan ibu tunggal. Apakah fungsi jabatan itu? Macam mana hendak tolong ataupun perlu atau tidak sekarang ini kita wujudkan jabatan bapa tunggal? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Saya- yang hendak sangat tubuh jabatan ibu tunggal ini biasanya apabila bercerai, anak-anak dia dijaga oleh ibu tunggal. Bapa ini dia lari sudah ke mana hala, kahwin lain tidak tahu. Jadi jabatan bapa tunggal tidak payah, yang diperlukan ialah ibu tunggal. Ini sebab biasanya apabila sudah jadi ibu tunggal ini, semua anak berada dengan isteri. Jadi, kebajikan ibu tunggal ini perlu dijaga, perlu dipelihara. *Insyallah*, ibu-ibu tunggal ini akan memberi sokongan padu kepada Kerajaan Barisan Nasional dalam pilihan raya akan datang ini... *[Disampuk]* Rantau Panjang ada 4,000 lebih ibu tunggal.

Kita kaji dan bukan, kita tengok kebajikan ibu tunggal ini terbiar. Ibu tunggal ini bukan anak seorang. Anak seorang tidak apa, dia boleh kahwin lain. Ini anak empat, lima, enam, siapa lagi hendak. Jaga anak. Jadi, itu saya hendak minta kementerian ini menubuhkan satu jabatan ibu tunggal untuk menjaga *welfare*, kebajikan ibu tunggal yang tentunya saya ingat kalau di Malaysia ini berjuta. Banyak berjuta ibu tunggal. Jadi adalah rakyat yang sesuai kalau hendak jaga ini, sebab RELA pun lebih kurang ibu tunggal juga, sama ramai. Jadi eloklah dibentuk jabatan ibu tunggal untuk memberi kebajikan kepada ibu-ibu tunggal di Malaysia.

Kepada- ini satu lagi. Soal ECRL Tuan Yang di-Pertua. ECRL ini saya pun hairan. Dari Kuala Lumpur pergi Kota Bharu sampai Tumpat, tidak sampai Rantau Panjang. Saya hairan. Jadi saya hendak minta dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apalah kiranya dari Tumpat sampai ke Rantau Panjang, Rantau Panjang sampai Golok, Golok-Hatyai, Hatyai-Bangkok, Bangkok-Tanah Besar Negara China. Ini sebab kita fokus kepada perniagaan. Kalau sampai di Tumpat, selepas itu lautlah, tidak ada apa sudah. *Ending*, laut sudah.

Jadi saya hendak minta ini kerajaan Dato' Sri Najib, kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib, apalah kiranya disambung. Tidak jauh sudah. *Track*-nya sudah ada, jalan kereta api sudah ada. Disambung dari Tumpat ke Rantau Panjang sebab di Golok sekarang ini, Thailand sekarang ini dia sudah *prepare*, stesen sudah besar, jambatan sudah besar, menunggu sambung ECRL, saya rasalah. Jadi kalau di Tumpat itu tidak ada *ending*, laut selepas itu. Kereta api sudah terjun laut sudah. Jadi saya hendak mintalah jasa dan budi baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya sambung ECRL Tumpat ke Rantau Panjang... *[Disampuk]*

Selepas itu kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Ini jangan kira soal negeri kalah atau menang. Saya hendak minta supaya Rantau Panjang ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, *branding* sudah ada. *Branding* sudah ada. Di Kelantan kalau hendak pergi, pergi Rantau Panjang sebab pusat pelancongan. Akan tetapi nama sahaja pusat pelancongan, pergi tidak ada apa hendak beli pun. Beli toto sahaja dengan periuk, lain tidak ada.

Jadi saya hendak minta Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan fokus untuk menjadikan bandar Rantau Panjang sebagai bandar pelancongan dan tubuhkanlah 'Lembaga Pelancongan Rantau Panjang atau LPRP'. Ini sebab kita hendak cari sekarang ini, kita punya

currency banyak berpindah ke Thailand. Hendak beli di Thailand, hendak makan di Thailand. Jadi kalau dia buat dalam keadaan sekarang ini, dalam keadaan duit dia mahal dan duit kita murah adalah paling sesuai kita bentuk Rantau Panjang sebagai bandar pelancongan, hendak tarik orang di Siam itu mari berbelanja di Rantau Panjang. Saya yakin kita buat macam ini, kita punya *currency exchange* kita memang kita dapat tarik duit Siam ke Malaysia ini akan menjadi banyak dan dia ada potensi besar. Daripada *dok* beri RM12 juta, RM13 juta, tidak jadi. Letak di bawah 'LPRP', baru Rantau Panjang tarik duit Siam masuk Malaysia. Lagi *income* kita lagi bertambah Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Eh, banyak lagi!

Timbalan Yang di-Pertua: Tolong ringkaskan ya. Terima kasih ya.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: ...Pagi tadi sebab pagi tadi dia tidak beri saya bercakap. Kepada KPDNKK Tuan Yang di-Pertua, saya sudah tengok, kita cuma kontrol barang kawalan. Barang tidak kawal itu kita biarkan naik harga, tidak betul.

Saya hendak KPDNKK kawal juga barang ini sebab jika naik barang, yang kena Dato' Sri Najib. Orang marah pada kerajaan. Kita tidak boleh jawab, "*Oh, kita jaga barang kawalan sahaja. Barang tidak kawal...*"; tidak boleh. Kena kawal juga barang ini sebab sebarang kenaikan kos, sebarang kenaikan harga, yang kena Kerajaan Pusat. Kena cari kaedahlah. Kalau hendak kawal, barang kawalan okey. Beras, gula, minyak okey. Barang yang lain-lain pun kena kawal. Bila naik harga, yang kena Kerajaan Pusat. Ini KPDNKK kena ambil maklum, ambil tindakan supaya harga barang yang tidak kawal pun biar terkawal juga, jangan naik.

Saya hendak tanya KPDNKK, harga minyak naik, barang sudah okey. Bila gaji, elaun naik, pun barang naik juga. Apa kena-mengennanya? Gaji naik, harga barang naik. Kawal, *control*, jangan bagi naik. Ini ikut sedap hendak naik sahaja. Bila gaji naik, elaun naik, dia pun naik juga harga barang ini. Tidak boleh, tidak betul. Apa kena-mengennanya? Jadi hari ini KPDNKK kena *control* supaya ia tidak menjadi beban rakyat dan menjadi beban kepada kerajaan menjelang pilihan raya-PRU Ke14 ini.

Lagi saya hendak tanya Kementerian Kerja Raya Tuan Yang di-Pertua, ini projek MARRIS ini. Saya pun hairan, MARRIS, MARRIS ini, saya tidak tahu apa MARRIS ini. Ini yang buat jalan, infrastruktur ini. Kita KKLW bagi projek jalan, lulus sana, lulus sini, MARRIS pergi satu malam, satu Parlimen lingkup, projek KKLW. Projek MARRIS ini, projek duit Kerajaan Pusat bagi kepada kerajaan negeri untuk buat infrastruktur. Projek ini istimewa. Dia buat projek, pergi tengok jalan terus tar, tidak payah *pouring*, lulus. Projek kita, ini dalam peruntukan KKLW 2018 ini, RM260 juta untuk Kelantan. Satu malam sahaja MARRIS hentam, lenyap RM260 juta. Duit kita menjadi peluru, peluru dia untuk makan kita balik. Jadi kena kaji elok-eloklah JKR supaya peluru kita tidak makan kita. Projek MARRIS ini Tuan Yang di-Pertua.

■1640

Saya hendak tanya KDN Tuan Yang di-Pertua, soal *IC*. Saya duduk di sempadan ini, ramai yang suami ada *IC*, isteri tiada *IC*. Saya hendak tanya KDN, kenapa susah sangat hendak dapat *IC*? Kenapa susah sangat hendak dapat kerakyatan, *IC* biru ini? Sedangkan dia duduk sini sudah

30 tahun Tuan Yang di-Pertua, ada lima orang, isteri tidak dapat IC, sudah tiga kali minta, tidak jawab-jawab pun. Jadi, jumpa saya, jumpa pemimpin, saya tidak tahu hendak cakap apa. Sudah sokong, jawablah. Kalau tidak boleh, cakap tidak boleh. Kalau tidak boleh, sebab apa tidak boleh? Ini tidak cakap. Tidak jawab pun. Menjadi beban kepada- bila berlaku masalah macam ini, Tuan Yang di-Pertua, dia hentam kerajaan, dia hentam kita, kita hendak pilihan raya. Jadi, saya minta KDN tolong jawab. Supaya senang kita hendak jawab kepada rakyat.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Satu minit sahaja lagi. Soal perumahan, perumahan rakyat ini, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Macam-macam perumahan dia buat. Cuma PR1MA ini, Perumahan Rakyat 1 Malaysia ini. Saya tengok Tuan Yang di-Pertua, dalam hal jualan rumah, memang orang sambut baik tetapi bila hendak beli rumah, ia fokus kepada yang ada slip gaji. Maknanya, yang ada slip gaji, orang yang kerja kerajaan, orang yang tidak kerja kerajaan tidak ada slip gaji. Dia minta *statement income tax*, orang kampung mana bayar *income tax*, jarang bayar *income tax* nya. Seperti yang meniaga goreng pisang, jual buah mangga itu, mana ada *income tax*? Akan tetapi dia ada duit. Jadi, yang ini saya minta Kementerian Kewangan jawab, supaya *open* sedikit, jangan fokus kepada slip gaji, *income tax*, asalkan dia ada duit, layak beli rumah, lulus, senang. Jangan banyak kerenah birokrasi dalam perkara jual rumah PR1MA ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kalau ikut banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Belia, Tuan Yang di-Pertua, jangan fokus kepada orang UMNO sahaja. Fokus kepada belia, kena tubuh juga. Sekarang ini dia bagi bantuan, sumbangan tetapi kepada UMNO, kepada belia juga. Persatuan-persatuan belia di kampung ini, dahulu ada Kelab Sukan Komuniti, bagi peruntukan sini, biar belia-belia berlindung di bawah ini. *Insyah-Allah* belia-belia ini akan menyokong kerajaan dan Barisan Nasional dalam pilihan raya akan datang. Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana bagi peluang kepada saya dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Banyak *point* baik yang diutarakan. Terima kasih banyak. Saya juga hendak menjadi orang yang berbudi bahasa.

Jadi, saya rasa tidak sedap kalau saya tidak sebut di sini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai- lantikan baru dari Sarawak, adakan? Ada, tahniah! Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing - pemilihan baru dari Melaka, tahniah!

Saya juga mengalu-alukan pelantikan di luar masa persidangan- Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin, tahniah! Dan Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan A/L Manickam, Yang Berhormat Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff, ada, tahniah! Dan Yang Berhormat Senator Datuk Mohan A/L Thangarasu, tahniah! Tahniah!

Saya harap Ahli Yang Berhormat gunalah masa keemasan ini untuk memperjuangkan hak-hak untuk membina negara kita. Jadi, itu perkara penting. Saya ingat bahawa supaya kita dapat berbudi dan berbakti, itu dia. Bak kata pantun orang Melayu.

*Burung pipit, burung kedidi,
Mari hinggap di tepi sawah,
Jika hidup tidak berbakti dan berbudi,
Ibarat pokok tidak berbuah... [Tepuk]*

Terima kasih. Banyak lagi, saya harap lagi- anda sejarah, Ahli-ahli Yang Berhormat di sini berbuat bakti dan segala kebajikan.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul.

4.45 ptg.

Datuk Dr. Lucas Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, di depan sidang terhormat di Dewan yang mulia ini, saya mulai dengan merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingganya, setinggi-tinggi ke atas kesempatan yang diberi untuk sama-sama membahaskan Bajet 2018 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 27 Oktober 2017 yang lepas.

Keduanya, sebagai mukadimah, izinkan saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah yang sebesar-besarnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, selaku Menteri Kewangan atas pembentangan bajet tersebut yang mengangkat tema 'Memakmur Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbang Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Demi Menyejahterakan Kehidupan Rakyat Menuju Aspirasi TN50'.

Bersandarkan kepada lapan pe-tunjang atau teras utamanya, Bajet 2018 ini nyata jelas benar-benar menjiwai denyutan nadi rakyat di bumi bertuah Malaysia ini. Oleh kerana pe-tunjangnya hebat-hebat belaka dan terbaik daripada yang dulu-dulu. Lantaran itu, saya simpulkan bahawa Bajet 2018 ini, bukan sekadar membawa kemakmuran dari segi pembangunan dan pertumbuhan ekonomi tetapi lebih penting, menyejahterakan kehidupan hakiki rakyat di seluruh pelosok tempat dengan berteraskan nilai-nilai moraliti serta *spiritual* sejati. Hakikatnya, Bajet 2018 ini yang kesembilan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah yang terbaik sifatnya daripada belanjawan tahun-tahun yang terdahulu.

Mewakili suara rakyat dari akar umbi, khususnya di daerah kelahiran saya di Tenom di pedalaman Sabah, saya merakamkan penghargaan setinggi-setinggi Kinabalu kepada bahtera kerajaan di bawah layar kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Razak atas hamparan pembentangan Bajet 2018 yang membawakan khabar yang indah-indah ini untuk sekalian rakyat jelata.

Bagi saya inilah bajet yang cukup inklusif, pragmatik, saksama dan menjiwai rakyat. Umpama sebuah pantun, Tuan Yang di-Pertua.

*Dari Tenom naik kereta api,
Singgah Beaufort untuk berehat
Inilah bajet tersusun rapi,
Bukti BN membela rakyat... [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2018 ini menyediakan peruntukan berjumlah RM280.25 bilion, iaitu RM234.25 bilion bagi Perbelanjaan Mengurus dan RM46 bilion bagi Perbelanjaan Pembangunan. Ini pastinya digubal dengan gagasan besar selaras aspirasi Rancangan Malaysia

Ke-11 demi kelangsungan kemakmuran sejagat. Lapan pe-tunjang, 12 berita gembira, terangkum dalam 249 perenggan ucapan bajet tersebut, memancarkan cahaya kesungguhan iltizam pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, selaku Menteri Kewangan, menakhodai negeri penuh berintegriti, berpasak jati diri yang tinggi untuk rakyat berbilang kaum dan bersilang budaya, dari Perlis hingga ke Sabah.

Sebagai bajet kesinambungan dari setahun ke setahun, belanjawan ini kekal berfokus ke arah menjamin pertumbuhan mapan tanpa melupakan petani yang membugar di tanah, di kampung dan di desa terpencil serta nelayan yang bersengkang mata bertarung ombak mencari rezeki di lautan. Maknanya bajet ini komprehensif sifatnya dari anak kecil yang baru lahir, sehingga kepada warga emas dan pesara.

■1650

Tidak ketinggalan penjawat awam yang mencurahkan bakti, serta pasukan keselamatan yang menumpahkan sepenuh taat setia demi keamanan dan kedaulatan negara.

Di daerah kelahiran saya Tenom yang majoritinya masyarakat kaum rumpun Momogun yakni Murut, Bajet 2018 ini turut membawa tempias sama ada secara langsung atau tidak langsung. Justeru, mewakili komuniti dari kawasan saya, izinkan saya menyampaikan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan dua rangkap pantun berikut, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa ibunda saya...

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Datuk Dr. Lucas Umbul: *[Berucap dalam bahasa Murut]* Atau dalam Bahasa Melayunya bermaksud...

*Dua tiga kucing berlari,
Mana sama si kucing belang,
Dua tiga boleh dicari,
Manakan sama Dato' Najib seorang.*

Timbalan Yang di-Pertua: Oh cantik, cantik nampaknya.

Datuk Dr. Lucas Umbul: Satu lagi, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua... *[Berucap dalam bahasa Murut]* Dalam Bahasa Melayunya bermaksud...

*Jalan-jalan pusing keliling,
Mahu mencari si kucing belang,
Banyak pemimpin mungkin bersaing,
Kita tetap bersama Dato' Najib seorang.*

Timbalan Yang di-Pertua: Oh, cantik, cantik.

Datuk Dr. Lucas Umbul: Tuan Yang di-Pertua, dalam isu pendidikan, mengamati inti pati Bajet 2018 ini, saya tertarik dengan soal pendidikan yang nyata terus diberi penekanan oleh Kerajaan Pusat.

Pertamanya, saya mengalu-alukan penyediaan sejumlah RM61.6 bilion peruntukan untuk sektor pendidikan negara pada tahun depan. Ini membuktikan komitmen Malaysia ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi berpaksi Transformasi Nasional 2050. Dengan

penyediaan peruntukan yang begitu besar, sudah pasti ia mampu mengangkat martabat serta meletakkan Malaysia sebaris negara-negara anggota ASEAN yang lain dalam memperkasakan agenda pendidikan masing-masing.

Dalam konteks lebih berfokus, Sabah dan Sarawak masing-masing disediakan RM1 bilion bagi tujuan membaik pulih sekolah-sekolah daif melalui kaedah sistem bangunan berindustri atau IBS. Sesungguhnya, peruntukan ini amat bermanfaat bagi kedua-dua negeri kami di seberang Laut China Selatan yang terkemudian sedikit fasa pembangunannya berbanding dengan rakan-rakan di Semenanjung.

Kesinambungan daripada itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dalam lawatan ke Sabah pada 17 hingga 18 November yang lepas telah melawat ke sekolah SK Tanaki Papar, kira-kira 30 meter dari Pusat Bandar Kota Kinabalu, untuk meninjau secara dekat pembinaan dua bangunan baru menggunakan kaedah IBS yang lengkap dengan enam bilik darjah. Pembinaannya dimulakan Ogos lepas dan salah satu daripada projek Kerajaan Persekutuan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

Justeru, pada kesempatan di Dewan yang mulia ini, saya berharap Kementerian Pendidikan mengambil langkah proaktif untuk membuat semakan menyeluruh sekolah-sekolah daif di luar-luar bandar di negeri Sabah termasuklah di kawasan pedalaman seperti Tenom, Keningau dan Pensiangan bagi memberi keselesaan serta suasana pembelajaran kondusif kepada anak-anak dari kawasan luar bandar.

Bukanlah satu rahsia lagi bahawa banyak sekolah-sekolah luar bandar di Sabah dan juga Sarawak yang memerlukan perhatian serius daripada Kementerian Pendidikan. Maknanya, menerusi Bajet 2018 ini, kita berharap supaya kemudahan sekolah-sekolah sama ada menengah mahupun rendah di Sabah diperbaiki segera, selain melengkapkannya dengan kemudahan seperti peralatan pengajaran yang menepati keperluan semasa.

Seperti yang saya katakan tadi, tinjauan dan pemeriksaan menyeluruh perlu dilakukan ke atas semua sekolah khususnya di Sabah, sekali gus bertindak segera memperbaikinya di mana perlu. Laporan berkala harus disediakan oleh Pejabat Pendidikan Negeri kepada Kementerian Pendidikan sekurang-kurangnya setiap enam bulan sekali.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan atas mandat dan kepercayaan yang diberikan dengan melantik Yang Berbahagia Datuk Dr. Amin Senin, seorang anak kelahiran Sabah yang pertama menjawat jawatan tertinggi sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia baru-baru ini. Sesungguhnya, pelantikan tersebut adalah refleksi atau manifestasi kesungguhan Kerajaan Pusat tidak mendiskriminasikan modal insan dari negeri kami asalkan mereka berkebolehan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang saya kemukakan seterusnya ialah tentang jalur lebar. Keduanya, saya menghargai usaha kerajaan menerusi Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) meningkatkan liputan jalur lebar di kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak di mana menerusi Bajet 2018 ini, sejumlah RM1 bilion disediakan khusus bagi membangunkan infrastruktur komunikasi serta kemudahan jalur lebar di kedua-dua negeri kami.

Apa yang saya harapkan, selaku wakil suara rakyat dari kawasan pedalaman terpencil dari negeri Sabah, supaya lebih banyak menara pemancar telekomunikasi dibina di kawasan-kawasan luar bandar seperti Tenom, Pensiangan, Keningau supaya kadar penembusan jalur lebar dapat ditingkatkan ke suatu tahap yang bersesuaian kalau pun tidak menyamai kadar penembusan di Tanah Semenanjung.

Kadar penembusan jalur lebar di Malaysia kini mencapai 78 peratus dan ia perlu terus dipertingkatkan untuk memenuhi keperluan generasi Y serta mendepani cabaran rempuhan globalisasi yang tidak mengenal sempadan. Ini penting diberi perhatian serius berikutan kajian pengguna *internet* oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia pada tahun 2016 yang mendapati jumlah pengguna *internet* pada tahun 2015 ialah 24.1 juta orang iaitu 77.6 peratus daripada keseluruhan penduduk negara ini. Lebih 77 peratus pengguna *internet* adalah golongan belia berumur antara 15 hingga 40 tahun.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai projek luar bandar. Berita gembira dibawa dalam Bajet 2018 apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan hampir RM500 juta diperuntukkan untuk projek pembangunan jalan luar bandar di Sabah dan Sarawak di mana prasarana asas ini merupakan tuntutan utama penduduk kampung. Bukan sekadar untuk memudahkan pergerakan tetapi lebih penting, bagi menjana ekonomi. Rata-rata kawasan pedalaman Sabah masih belum menikmati kemudahan sistem jalan raya yang memuaskan. Di kawasan saya sendiri, kebanyakan jalan kampung dihubungkan menerusi jalan balak, tanah merah dan jalan berbatu kerikil. Tidak banyak yang berturap tar dan masih banyak jalan-jalan yang perlu berlapis dengan simen.

Oleh yang demikian, saya merayu di Dewan yang mulia ini agar dapat kiranya peruntukan RM500 juta itu dipastikan sampai ke kawasan yang benar-benar memerlukan agar dapat dinikmati oleh kumpulan sasaran. Seiring prinsip mendahulukan rakyat, maka kita berharap sungguh agar kerajaan khususnya kementerian berkaitan meletakkan pelaksanaan jalan-jalan luar bandar di Sabah dan Sarawak sebagai suatu keutamaan dalam pelan pembangunannya untuk kedua-dua negeri kami pada tahun hadapan.

Sekadar untuk pencerahan, banyak gambar-gambar jalan becak, berlumpur dikongsikan oleh guru-guru bertugas di pedalaman Sabah termasuklah sebahagian teks dalam *Facebook* saya bagaimana mereka menunggang motosikal di atas jalan yang tidak boleh disebut jalan raya. Becak bukan kepalang.

■1700

Tuan Yang di-Pertua, bekalan air juga amat perlu di negeri kami di Sabah dan Sarawak. Kita gembira mendengar pengumuman peruntukan RM300 juta bagi bekalan air bersih meliputi tiga ribu rumah di Sabah dan Sarawak. Bagi kami di Sabah isu air ini menjadi keluhan dan rintihan orang kampung sejak sekian lama di kebanyakan kawasan dan bertambah hangat baru-baru ini apabila terbongkar penyalahgunaan kuasa yang disebut sebagai isu '*Watergate*' dengan izin.

Kawasan pedalaman sekali lagi mengalami masalah air ini dengan serius. Bekalan air bersih tidak disalurkan manakala air sungai yang menjadi sumber utama berwarna coklat seperti milo dan teh tarik, tidak lagi jernih seperti dulu-dulu akibat pembangunan serta kegiatan

penerokaan hutan. Justeru di Dewan yang mulia ini, saya mohon keprihatinan kementerian dan agensi berkaitan agar dapat kiranya dilihat-lihat, ditengok-tengok masalah orang-orang kampung di Sabah dan Sarawak ini supaya mereka juga menikmati kemajuan hasil daripada kemerdekaan yang dikecapi daripada belunggu penjajahan. Sebuah pantun lagi Tuan Yang di-Pertua,

*Buah Tarap, buah Timadang,
Tengah-tengah pokok Bambang,
Harap-harap dapat ditimbang,
Sebabnya Sabah ini kuat timbangan.*

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon agar Kementerian Kesihatan melihat pada perkara yang penting iaitu perkara utama yang telah diminta sejak begitu lama oleh rakyat negeri Sabah iaitu sebuah pusat rawatan kanser perlu dibina di negeri kami di Sabah. Ini kerana selama ini pesakit dari Sabah terpaksa pergi ke Kuala Lumpur mahupun ke Kuching bagi mendapatkan rawatan penyakit kanser. Walaupun populasi penduduk negeri Sabah besar berikutan pertambahan penduduk sebanyak 400 peratus sejak tahun 1970an lagi namun kita tidak mempunyai pusat kanser sehinggalah pada hari ini.

Dalam pengumuman Bajet 2018 baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan sebanyak RM500 juta bagi penubuhan pusat kanser di Sungai Petani, Kedah. Jadi apalah salahnya kiranya kami rakyat di Sabah ini yang sukar mendapat rawatan kanser ini dan sukar untuk bergerak ke Kuala Lumpur, bergerak ke Kuching supaya ditimbang-timbang penubuhan sebuah pusat rawatan kanser di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi dalam soalan lisan dalam buku pagi tadi ada juga disentuh mengenai tentang soalan menyatakan sejauh mana kejayaan atau penemuan baru atau *new approach* dengan izin kepada rawatan pergigian selepas penganjuran Pameran Pergigian Antarabangsa 2017 (MIDS) pada April lalu. Saya telah mengemukakan soalan yang hampir serupa dengan soalan Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif yang dikeluarkan dalam soalan pagi ini.

Saya bertanya soalan ini Tuan Yang di-Pertua dalam mesyuarat kali ini menyentuh mengenai penganjuran MIDS. Sebenarnya tujuan saya bertanya soalan ini kerana negara kita sedang mengalami masalah rawatan pergigian dari mereka yang tidak bertauliah. Contohnya baru-baru ini seorang individu yang belajar merawat gigi dengan hanya melihat video *YouTube* sahaja. Bayangkan menggelar diri sebagai seorang doktor gigi tetapi hanya belajar di video *YouTube* sahaja. Jadi adalah tidak elok sekiranya perubatan pergigian tercemar disebabkan oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab.

Selain daripada itu sekiranya kita lihat di tepi-tepi bahu jalan dan pasar malam ada golongan yang menawarkan rawatan tampal gigi dengan harga yang murah. Malangnya kesemua rawatan ini dari mereka yang tidak bertauliah. Hakikatnya kebanyakan rakyat Malaysia tidak rajin untuk menjalani rawatan pergigian secara kerap termasuklah diri saya Tuan Yang di-Pertua. Antara faktor penyumbang kepada masalah ini adalah daripada doktor gigi di klinik awam itu sendiri. Ini kerana ramai doktor-doktor gigi di klinik awam mengambil pendekatan senang iaitu

apabila berlaku sedikit kerosakan gigi, langkah yang diambil adalah cabut gigi sahaja sedangkan pendekatan, teknik dan rawatan lain tidak mahu dicuba atau tidak mahu berusaha untuk mencari alternatif lain.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, doktor-doktor ini adalah terdiri daripada golongan muda dan tidak menyedari impak dan kesan kehilangan gigi pada seseorang individu. Doktor-doktor yang berpengalaman memilih untuk berhenti dari perkhidmatan awam dan membuka klinik-klinik swasta. Permintaan saya kepada kementerian berkenaan, adakah doktor-doktor ini akan didedahkan dengan latihan dan pengetahuan mengenai pendekatan dan kaedah rawatan gigi yang terkini? Adakah doktor-doktor ini akan diberikan satu arahan khas iaitu pendekatan cabut gigi merupakan pendekatan terakhir dan cuba cari alternatif lain dalam memberi rawatan kepada pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dalam bajet pada tahun ini mengenai apa yang dikemukakan dan diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai hal-hal pertanian. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai ucapan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada perenggan ke-62 yang menghargai sumbangan para pesawah, petani, pekebun kecil, nelayan, penternak serta yang terlibat dalam sektor pertanian.

Beliau secara peribadi mengakui bahawa golongan terbabit adalah antara kelompok masyarakat yang sangat dekat di hati saya dan kerajaan menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sehubungan itu saya mengalu-alukan peruntukan terbesar yang buat pertama kali dalam sejarah bajet negara untuk golongan berkenaan yang berjumlah RM6.5 bilion termasuk RM2.3 bilion bagi bantuan dan insentif seperti baja dan input pengeluaran kepada pesawah, pekebun kecil getah dan nelayan.

Tertulis dalam bajet itu juga hampir RM500 juta disediakan bagi menambah baik infrastruktur pengairan di kawasan pertanian serta menaik taraf jalan ladang. Manakala hampir RM200 juta bagi program penanaman semula getah dan menyediakan kemudahan infrastruktur dengan meningkatkan pengeluaran lateks 20 berbanding *cup lump* sekali gus meningkatkan pendapatan para pekebun kecil.

Tidak syak lagi langkah kerajaan ini akan memanfaatkan golongan terbabit yang merupakan kelompok terbesar masyarakat kami di negeri Sabah. Ia juga selaras dengan komitmen Kerajaan Negeri Sabah di bawah teraju kepimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Tan Sri Musa Haji Aman yang turut meletakkan agenda pertanian sebagai keutamaan untuk dilaksanakan di Sabah. Malahan dalam Bajet 2018 negeri Sabah dibentangkan pada 17 November yang lepas, Kerajaan Negeri Sabah memperincikan usaha meningkatkan tanaman makanan dengan mewujudkan lebih banyak projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang menyediakan kawasan khusus dan kekal untuk pengeluaran makanan.

Setakat ini di Sabah sebanyak dua TKPM telah beroperasi iaitu TKPM Tawau dan TKPM Sungai Koya, Kinabatangan.

■1710

Manakala tiga buah lagi TKPM dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2018 iaitu TKPM di IATC, Putatan dan TKPM di Mesilau, Kundasang dan TKPM Keningau. Menerusi

peruntukan yang disediakan Kerajaan Persekutuan itu, kita berharap ia membawa dimensi baru kepada masyarakat petani yang mendiami di kawasan luar bandar dan menjadikan bidang pertanian sebagai sumber ekonomi utama. Sehubungan dengan itu, saya berharap agensi-agensi kerajaan yang berkaitan turun padang kata Ketua Menteri di negeri kami, "Turun padang, jangan suka duduk di *air-cond* sahaja", dia berkata. Hal ini supaya kita tahu apa masalah yang di bawah, apa masalah yang berada di akar umbi.

Hal ini kerana yang memberikan pulangan yang lumayan sekiranya kita mengusahakan sumber-sumber pertanian sebagai sumber ekonomi utama...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Datuk Dr. Lucas Umbul: Satu minit lagi. Bolehkah?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datuk Dr. Lucas Umbul: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Ini juga berkaitan dengan apa yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu banyak memberikan pulangan kepada petani-petani apabila kita mengusahakan tanaman. Seperti kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari di Hong Kong, harga durian Musang King dikhabarkan mencecah RM800 sebiji. Siapa yang tidak mahu jual kalau RM800 sebiji? Jadi, saya pun mahu berkebutan jugalah Tuan Yang di-Pertua kalau keadaannya mengizinkan dengan harga yang begitu tinggi. Jadi, rakan-rakan di Dewan Negara yang masih berminat dalam hal-hal ini, marilah kita sama-sama menanam durian Musang King yang boleh menjanakan pendapatan yang begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, mewakili rakan-rakan Sabah dan Sarawak saya ingin mengatakan rasa terhormat dan gembira kerana bajet ke-9 ini kekal berfokus menerawang ke tempat kami. Oleh yang demikian, saya pahat kan di sini penghargaan rakaman terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan di atas prihatin serius dan pembelaan yang berterusan untuk negeri kami Sabah di bawah bayu. Seperti yang saya katakan tadi dalam Bajet 2018 ini, kemajuan dan kesejahteraan penduduk luar bandar di Sabah dan Sarawak terus mendapat perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila mengumumkan lebih RM6.8 bilion diperuntukkan untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan dengan sebahagian besar tertumpu di kawasan luar bandar.

Saya mengulangi penyebut amaun peruntukan tersebut adalah untuk menegaskan tentang kesungguhan dan keikhlasan Kerajaan Barisan Nasional telus dan lagi tuntas menyediakan perancangan konkrit demi mewajarkan dua wilayah yang telah tertinggal jauh dan yang diabaikan terlalu lama sepanjang tempoh 22 tahun di bawah cengkaman Perdana Menteri dahulu yang sekarang suaranya nyaring...

Timbalan Yang di-Pertua: Itu macam menyindir ya?

Datuk Dr. Lucas Umbul: ...Suaranya nyaring menghentam, padahal dulu kami dilayan seperti peminta sedekah di jalan setiap kali kami menuntut itu dan ini. Berpasak pada bumi, Bajet 2018 ini petanda nyata. Inilah bukti jelas, inilah bakti ikhlas pemimpin dan kerajaan Barisan Nasional yang berjiwa rakyat. Kita buat yang elok-elok, bukan olok-olok. Di penghujung ini, saya

mengucapkan syukur dan syabas atas imbuhan-imbuhan buah-buah tangan di dalam Bajet 2018 ini. Sekian, saya mohon menyokong terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul dan memberikan ucapan paling meyakinkan untuk menang ya. Sekarang, saya jemput pula Yang Berhormat Dr. Zaiedi Haji Suhaili, silakan.

5.15 ptg.

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam 1 Malaysia. Salam sehati sejiwa.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan rahmatNya maka sekali lagi kita dapat membahaskan Bajet 2018 di Dewan yang mulia ini. Satu bajet di mana peruntukan keseluruhannya berjumlah RM280.25 bilion dengan perbelanjaan mengurus sebanyak RM234.25 bilion dan perbelanjaan pembangunan adalah RM46 bilion. Ini tidak termasuk simpanan luar jangka berjumlah RM2 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu memanjangkan mukadimah saya. Saya terus pergi kepada perkara-perkara yang saya fikir penting di dalam Bajet ini khususnya yang ada berhubung kait dengan Negeri Sarawak dan juga ada untuk kepentingan negara kita pada keseluruhannya.

Sebagai Ahli Dewan yang mewakili Negeri Sarawak, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri kewangan kerana memperuntukkan sejumlah wang sebanyak RM1 bilion untuk kerja-kerja baik pulih sekolah yang daif di negeri Sarawak melalui kaedah *Industrial Building System*.

Dalam hal ini saya mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan bekerja rapat dengan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan dan membelanjakan wang ini dengan kesemuanya. Kalau belum, saya mencadangkan ditubuhkan satu jawatankuasa bersama iaitu *Joint Coordinating and Implementing Committee* (JCC) di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. *Bottom line*-nya adalah kita mahu *delivery system* kita *very efficient*. Hal ini supaya anak-anak kita dapat manfaat dari peruntukan ini iaitu bila ia dilaksanakan dengan baik anak-anak kita boleh belajar dalam keadaan sekolah yang selesa dan kondusif dan turut mendapat pemantauan dari semasa ke semasa oleh jawatankuasa ini.

Saya mencadangkan supaya kita mewujudkan *maintenance fund* iaitu bila mana kita perlukan *fund* untuk *maintenance* kita- *fund* ini *always available*, sentiasa ada, dengan izin. Kita juga mesti mewujudkan satu sistem '*revisit*'. Selalunya apabila kita melaksanakan sesuatu projek, kita biarkan ia bertahun-tahun, kita tidak '*revisit*'-nya tidak melihat balik apakah kekurangannya, atau apakah yang perlu di baik pulih? Kadang-kadang budaya baik pulih ini, budaya *maintenance* dan budaya penyayang ini, ada kalanya amat rendah di kalangan kita di negara ini.

Oleh itu kita perlu mempertingkatkan budaya *maintenance* supaya setiap projek yang kita jalankan ia akan mempunyai satu, dengan izin, *lasting effects* kepada wang yang kita belanjakan. Jadi, seterusnya saya juga mencadangkan supaya kerja-kerja seperti ini berilah kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang berkebolehan, berkemampuan dan berintegriti supaya peruntukan

seperti ini dapat faedah kepada masyarakat di peringkat tempatan. Saya juga mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan satu tabung khas untuk *maintenance fund* di sekolah-sekolah.

Misalnya, *maintenance fund* ini seolah-olah seperti satu *internal* insurans oleh kerajaan. *Scheme for internal insurance* bagi kita menyediakan satu bentuk pembayaran premium tahunan kepada tabungan ini. Tujuannya adalah untuk membaik pulih sekolah. Hal ini kerana, apabila berlaku sekolah-sekolah yang terkena bencana alam, terkena banjir, kebakaran, misalnya beberapa buah sekolah di Sarawak yang terkena kebakaran tetapi tidak dapat dibina semula kerana masih lagi hendak mencari *fund* ataupun hendak mencari dana untuk kita memulakan kerja-kerja membaik pulih.

■1720

Jadi, kalau kita menyediakan satu skim *maintenance fund* maka bila-bila masa sekolah kita kena- akibat banjir, kerosakan, kebakaran, ribut taufan dan sebagainya kita terus ada *maintenance fund*. *This one, I think* kita perlu ambil perhatian. *Maintenance fund* ini kalau boleh bukan hanya pada dana kerajaan tetapi kita menggalakkan sektor swasta, sektor korporat untuk menyumbang kepada tabungan ini. Kalau boleh kerajaan bagi insentif kewangan kepada mana-mana yang sektor yang ingin sama-sama untuk membaik pulih sekolah-sekolah kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bajet ini terus memperuntukkan satu jumlah wang untuk pembangunan industri komunikasi, kemudahan jalur lebar di Sarawak dan lebih-lebih lagi pada masa ini kita amat memerlukan *fund* seperti ini kerana seperti yang kita ketahui bahawa negeri Sarawak sedang membangun *digital economy* ke arah *Smart Sarawak*. Kita juga rasa bahawa peruntukan yang berterusan untuk projek luar bandar, bekalan elektrik, bekalan air bersih termasuk juga pemetaan dan pengukuran tanah adalah amat kita alu-alukan untuk di Sarawak. Sesungguhnya Tuan Yang di-Pertua, kesejahteraan rakyat Sarawak adalah faktor penting yang menyumbang kepada kemakmuran dan kestabilan negara ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh tentang keselamatan dan ketenteraman awam. Saya menyokong penuh peruntukan untuk mempertingkatkan keselamatan sempadan dan ketenteraman awam. Dalam hubungan ini, saya sekali lagi memohon agar Kementerian Dalam Negeri memberi peruntukan yang lebih untuk Sarawak terutama dalam pembinaan balai polis baru seperti Balai Polis Matang, Kuching, membeli kenderaan untuk menubuhkan balai polis bergerak dan membeli banyak motosikal untuk penubuhan Unit Rondaan Bergerak. Semuanya perkara ini adalah amat penting untuk sektor kepolisian di negeri Sarawak. Kita ingin bahawa di negeri Sarawak ini kita tambahkan lagi anggota-anggota polis untuk berkhidmat di negeri Sarawak.

Saya juga mengalu-alukan peruntukan untuk Angkatan Tentera Malaysia. Dalam hubungan ini, saya amat mengharapkan Kementerian Pertahanan memberi perhatian yang berat untuk pembinaan pangkalan tentera laut untuk Wilayah Sarawak yang dicadangkan di Bintulu bagi kawalan kawasan pengairan Sarawak di Laut China Selatan.

Saya juga mengalu-alukan peruntukan untuk APMM dan juga menyatakan di sini bahawa APMM merupakan satu agensi maritim yang amat diperlukan untuk menjaga pengairan Sarawak daripada pencerobohan oleh pihak asing, rompakan lanun di laut dan melindungi nelayan-nelayan

tempatan terutama sekali di kawasan Beting Patinggi Ali. Jadi, bolehkah APMM kalau boleh menerangkan di Dewan ini untuk Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab, jumlah kes rompakan dan pencerobohan nelayan asing di Laut China Selatan di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, projek infra rakyat bertaraf dunia. Saya menyokong penuh usaha kerajaan untuk menyediakan projek-projek infra rakyat bertaraf dunia seperti projek MRT dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kita tahu bahawa dunia sedang berhadapan dengan *Fourth Industrial Revolution*. Sudah tentu negara kita juga tidak dapat lari dari gelombang revolusi ini. Oleh itu, apakah persiapan yang telah dibuat oleh negara kita untuk mendepani revolusi ini? Antara perkara yang akan menjadi cabaran kepada kita adalah pembangunan infrastruktur yang mana kita akan berhadapan dengan situasi di mana kereta tanpa pemandu, kereta automatik menggunakan tenaga elektrik dan sebagainya.

Saya meminta dalam hubungan ini Menteri Kerja Raya memaklumkan Dewan yang mulia ini, apakah langkah yang telah diambil dan apakah dapatan-dapatan yang diperoleh untuk persiapan negara kita ke arah membina *intelligence transport system* iaitu suatu aspek hasil daripada gelombang *Industrial Revolution* keempat- *4th Industrial Revolution*?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang perkhidmatan awam. Kita mengiktiraf betapa pentingnya perkhidmatan awam sebagai tunjang kepada *a good government* dan merupakan penggerak dan penyumbang utama memberi perkhidmatan kepada rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dengan berlainan latar belakang sosioekonomi di seluruh pelosok negara di Pantai Timur, Pantai Barat, di Utara dan Selatan, Sarawak dan Sabah.

Jadi dengan tujuan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyatakan di sini bahawa bukanlah tujuan saya untuk mempolitikkan susunan hierarki perkhidmatan awam. Akan tetapi setelah menghampiri 55 tahun negara kita ini ada juga terdengar suara-suara dari Sarawak yang bertanyakan, apakah pegawai-pegawai dari Sarawak tidak layak untuk dilantik sebagai ketua setiausaha kementerian (KSU) ataupun ketua pengarah? Dalam hubungan ini, saya meminta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menerangkan di Dewan yang mulia ini di sepanjang tempoh 55 tahun usia negara kita, berapa orang pegawai dari Sarawak yang pernah dilantik menjadi ketua setiausaha (KSU) dan juga ketua pengarah? Apakah peluang untuk pegawai-pegawai dari Sarawak untuk tempoh lima tahun akan datang untuk dilantik menjadi ketua setiausaha atau ketua pengarah?

Oleh demikian, saya memohon di Dewan yang mulia ini supaya perkara ini diberi perhatian dan mencari jalan supaya dari semasa ke semasa ada beberapa pegawai dari Sarawak yang boleh menduduki jawatan penting di dalam perkhidmatan awam di Putrajaya. Bukanlah tujuan saya untuk menonjolkan semangat kenegerian apabila saya membangkitkan perkara ini tetapi lebih terdorong untuk menyatakan bahawa kita adalah sebuah keluarga yang besar dalam satu negara dan kita berkeinginan untuk memainkan peranan penting di dalam pentadbiran negara.

Lagipun pada saya pegawai-pegawai dari Sarawak yang berkhidmat di dalam perkhidmatan awam Persekutuan juga adalah terdiri daripada mereka yang berkelayakan,

berkebolehan cuma hanya mereka tidak berpeluang untuk menaiki hierarki tertinggi dan memegang jawatan turus dalam perkhidmatan awam polis mahupun tentera.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak sentuh lagi ialah tentang cukai barang dan perkhidmatan (GST). Saya merujuk kepada subjek 'cukai barang dan perkhidmatan', di dalam bajet ini dicadangkan bahawa pembekalan perkhidmatan oleh PBT tidak dikenakan GST mulai 1 April 2018 atau 1 Oktober 2018 berdasarkan pilihan PBT. Oleh kerana pembekalan perkhidmatan oleh PBT adalah untuk perkhidmatan kepada rakyat.

Maka saya mohon mencadangkan supaya projek kecil luar bandar (MRP) misalnya di bawah nilai RM1 juta diambil dan dilaksanakan oleh PBT, dilaksanakan oleh pejabat daerah, dilaksanakan oleh Pejabat Kerja Raya (JKR), DID dan sebagainya juga dikecualikan daripada GST. Ini adalah kerana ada agensi kerajaan menggunakan wang daripada peruntukan tersebut, peruntukan MRP untuk membayar GST kepada kastam. Misalannya, kalau projek itu bernilai RM500,000 maka RM30,000 digunakan untuk membayar GST dari wang peruntukan tersebut. Saya harap perkara ini perlu dilihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada sektor kesihatan di mana dalam bajet ini ada suatu peruntukan berjumlah RM27 bilion tetapi saya menyentuh tentang soal *Voluntary Health Insurance Scheme* yang diperuntukkan wang sebanyak RM50 juta. Masanya sudah tiba bagi rakyat Malaysia untuk ikut serta dalam skim ini tetapi penerangan yang lebih meluas serta faedah-faedah yang kita peroleh darinya perlu diterangkan secara jelas kepada rakyat. Menyentuh tentang pembangunan hospital, saya mohon kerajaan mempertimbangkan pembinaan sebuah poliklinik di kawasan Matang, Kuching.

▪ **1730**

Mengenai 'projek sakit'- Hospital Petrajaya Kuching, apakah langkah dan tindakan keras yang telah diambil oleh kementerian ke atas kontraktornya yang mana projek ini sudah terbengkalai untuk sekian lama?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh tentang pendidikan untuk generasi TN50. Saya juga menyokong penuh peruntukan sebanyak RM250 juta untuk menubuhkan Pusat Sains, Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM), mempertingkatkan modul Komputer Sains dengan program *Coding* dalam kurikulum sekolah rendah dan menengah, yang kini telah diwujudkan dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3, dan juga peruntukan untuk RM190 juta untuk menaik taraf 12,000 buah kelas, bilik darjah pintar Pembelajaran Abad Ke-21.

Saya yakin peruntukan ini akan diagihkan ke seluruh negara. Sudah tentu negeri Sarawak juga akan mendapat manfaat daripadanya.

Akan tetapi saya hendak membangkitkan satu isu di sini iaitu yang masih diperkatakan di Sarawak ialah kekurangan guru pendidikan Islam yang perlu diisi oleh guru-guru berasal daripada Sarawak. Jumlah keperluan guru Pendidikan Islam di Sarawak bagi sekolah rendah adalah 2,468 orang manakala di sekolah menengah 607 orang. Pengisian Guru Pendidikan Islam di sekolah rendah berjumlah 1,904 orang yang terdiri daripada 703 berasal dari Sarawak dan 1,201 orang berasal dari luar Sarawak dengan kekosongan sebanyak 564 orang. Bagi sekolah menengah,

pengisian adalah sebanyak 584 orang yang terdiri daripada 316 guru yang berasal dari Sarawak dan 268 guru berasal dari luar Sarawak dan masih ada kekosongan sebanyak 23 orang.

Walau bagaimanapun, kekosongan ini mengikut apa yang saya dapat daripada Kementerian Pendidikan, dibantu oleh Guru Bahasa Arab sekolah rendah sebanyak 172 orang guru asal Sarawak dan 908 guru asal luar Sarawak. Manakala bagi sekolah menengah terdapat 32 guru asal Sarawak dan 50 guru daripada luar Sarawak.

Perkara ini telah lama berlarutan dan belum ada jalan penyelesaian. Saya mahu mencadangkan supaya kementerian menetapkan satu institut pengajian guru di Sarawak. Misalnya Institut Pengajian Guru Tun Abdul Razak Samarahan dikhususkan untuk Pengajian Islam dan Bahasa Arab, supaya semua pengambilan penuntut yang mahu menjadi Guru Pengajian Islam dan Bahasa Arab ditempatkan di IPG tersebut. Ini juga membolehkan IPG tersebut menjalankan kursus secara intensif kepada penuntut-penuntut dalam kedua-dua bidang ini. Saya juga masih tidak pasti mengapa penuntut dari Sarawak kurang berminat untuk mengikuti kursus Pengajian Islam dan juga Bahasa Arab. Saya harap, kementerian boleh menerangkan tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh tentang perkhidmatan penerbangan udara di Sarawak. Pada persidangan Dewan ini dalam bulan April lepas, saya telah mengemukakan soalan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menyatakan apakah faktor-faktor yang melambatkan perundingan selanjutnya di antara Kerajaan Sarawak dengan syarikat Penerbangan MASwings untuk menjadikan syarikat tersebut sebagai syarikat penerbangan bercorak *regional*.

Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan kepada saya bertarikh 19 April 2017 adalah Kerajaan Sarawak pernah mengadakan perbincangan dengan Malaysia Airlines Berhad (MAS) pada tahun 2013...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi kah atau hendak sambung?

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan. Sekejap ya.

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Minta masa sedikit. Ya. Jadi berhubung dengan pembelian MASwings Sdn. Berhad. Namun dalam perbincangan berkaitan tersebut telah tertanggung kerana penstrukturan semula MAS pada tahun 2014. Jadi apa yang hendak dikatakan di sini ialah baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah mengumumkan bahawa beberapa laluan penerbangan domestik yang dikendalikan oleh MASwings di Sarawak akan ditamatkan pada tahun hadapan.

Ini kerana mengikut kajian MAVCOM, laluan ini adalah *viable* untuk dikendalikan oleh penerbangan komersial. Jadi memandangkan *air connectivity* di Sarawak adalah sangat penting, maka adalah Kementerian Kewangan dan Kementerian Pengangkutan menyokong sekiranya ada cadangan oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk menubuhkan syarikat penerbangannya sendiri ataupun mengambil alih MASwings seperti dalam cadangan asal dalam tahun 2013 ataupun mengambil alih mana-mana syarikat penerbangan yang lain.

Mengenai *connectivity* di Sarawak Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan bahawa saya minta supaya Kementerian Pengangkutan menerusi MAVCOM menjalankan satu kajian mengenai apa sebabnya dikatakan bahawa tiket penerbangan Sarawak-Semenanjung Malaysia dan *vice*

versa, dengan izin, terlalu mahal. Di mana sebabnya, mengapa ia begitu mahal? Saya mencadangkan kalau boleh kerajaan setelah membuat kajian ini, apakah kerajaan boleh membuat *capping* ataupun meletakkan harga siling kepada harga tiket-tiket penerbangan.

Juga Tuan Yang di-Pertua, dua perkara sahaja lagi ialah tentang perumahan. Saya mencadangkan walaupun kerajaan ada memperuntukkan RM2.2 bilion untuk macam-macam projek perumahan tetapi apa yang saya hendak tekankan di sini ialah kluatirnya harga bahan binaan mungkin meningkat.

Jadi oleh demikian, saya minta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan supaya mengawasi dengan ketat harga bahan-bahan binaan. Kalau boleh ditubuhkan satu kerjasama di antara kementerian seperti Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan badan-badan profesional supaya dapat menubuhkan satu jawatankuasa bagi memantau harga bahan binaan dan mencadangkan senarai bahan binaan yang boleh dikenakan kawalan harga. Kalaupun kita ada peruntukan ini, kalau bahan binaan harganya meningkat. Jadi berapa banyak rumah kah yang boleh kita buat dan boleh kita bina?

Satu perkara adalah ialah tentang sektor pertanian. Saya gembira sekali apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan pada 28 September yang lalu semasa Hari Penternak, Peladang dan Nelayan iaitu sektor kuliner diletakkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Sektor ini adalah satu sektor baru yang mula popular di kalangan rakyat Malaysia khususnya di kalangan generasi muda pada masa ini. Jadi saya mencadangkan supaya sektor kuliner ini di mana kementerian boleh merangka satu pelan tindakan untuk mempopularkan menu-menu masakan tradisional dan kaum-kaum etnik di negara kita dan juga di negeri-negeri dan di daerah-daerah di negara kita.

Jadi dan mencadangkan supaya satu Jawatankuasa Penyelaras yang diketuai oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani masukkan juga Kementerian Pendidikan, masukkan juga Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kesihatan supaya kita boleh membangunkan Malaysia ini sebagai sebuah negara yang kita kenali sebagai *the food heavens*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya mesti sentuh di sini sebelum saya mengakhiri ialah saya yakin bahawa semua peruntukan yang dikhaskan dalam bajet ini sama ada yang melibatkan Sabah dan Sarawak, saya yakin ianya akan diberi perhatian yang khusus oleh Kerajaan Persekutuan khususnya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Ini kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi jaminan kepada kita untuk melihat pembangunan secara khusus kepada negeri Sarawak dan juga Sabah. Bahkan bukan sahaja semata-mata dari segi peruntukan tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah juga memberi jaminan kepada kita di Sarawak dan Sabah bahawa apa-apa hak Sarawak dan Sabah di bawah Perjanjian Malaysia tahun 1963 yang terhakis oleh Kerajaan Persekutuan dikembalikan kepada Sabah dan Sarawak seperti mana yang dituntut oleh kedua-dua kerajaan negeri tersebut.

■1740

Akan tetapi kita menuntutnya atas dasar perundingan berdasarkan, berlandaskan lunas-lunas undang-undang dan juga rangka kerja Perlembagaan. Saya yakin rundingan di antara Kerajaan Persekutuan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan juga Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak yang mempunyai hubungan yang rapat dan erat dan baik di kalangan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri akan diteruskan di meja rundingan, bukan dengan campur tangan oleh pihak-pihak tertentu melalui media sosial dan sebagainya yang mengambil kesempatan untuk melaga-lagakan pemimpin-pemimpin Sabah dan Sarawak supaya berhadapan dengan satu situasi yang mereka fikirkan boleh menggagalkan rundingan seperti ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dr. Zaidi Haji Suhaili: ...Akan tetapi kita rasa dengan perhubungan yang akrab di antara pemimpin Sabah dan Sarawak dengan Kerajaan Persekutuan, kita yakin bahawa perundingan ini akan diteruskan dan *insya-Allah* akan mencapai kejayaan pada masa akan datang dengan hak-hak Sarawak dan hak-hak Sabah akan dikembalikan menerusi Perjanjian Malaysia 1963.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, kejayaan bajet ini adalah sejauh mana rakyat menerimanya dan mendapat manfaat daripada apa yang dikhaskan untuk mereka. Seterusnya, *delivery system* perkhidmatan awam mestilah *the most efficient* dan juga serta mendapat kerjasama yang baik daripada kerajaan negeri masing-masing. Sama-samalah kita mendoakan agar negara kita terus mendapat lindungan Allah SWT agar kita terus hidup dalam sebuah negara Malaysia yang aman, makmur dan sejahtera. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh bajet ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Terima kasih Yang Berhormat. Semua sudah sebut sudah, Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili, Sarawak. Sudah panjang lebar dia ceritakan. Petang ini saya hendak terus terang, saya mendengar dengan penuh teliti hujah-hujah keluarga saya, Ahli Dewan Negara termasuk juga kita punya Pengerusi dengar. Rata-rata saya dengar semua pandai berterima kasih, bersyukur apa kerajaan sudah buat, apa yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat untuk keluarga dia, pada kita punya negara itu termasuk berterima kasih, bersyukur kita buat. Inilah satu contoh yang terbaik buat pemimpin yang berilmu, beriman tadi. Jangan lupa, budi baik dikenang orang. Bak kata Orang Melayu tadi,

*Di atas bukit tanamnya ubi,
Burung tempua berbuat sarang,
Bukan budi sebarang budi,
Budi yang baik dikenang orang... [Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 5 Disember 2017. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.42 petang.]